

**Jilid III
Bil. 8**



**Hari Khamis
16hb Mac, 1989**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1317]

USUL:

Ucapan Terima kasih kepada D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong—Y.B. Dato Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap)
[Ruangan 1383]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1988) [Ruangan 1468]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).**

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).**

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).**

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).**

„ Menteri Pertahanan, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**

„ Menteri Pertanian, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).**

„ Menteri Pendidikan, **TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).**

„ Menteri Luar Negeri, **DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.P., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).**

„ Menteri Kewangan, **DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).**

„ Menteri Kesihatan, **DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).**

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).

„ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).

„ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM. (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

„ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

„ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

„ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

„ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM.(Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

„ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

„ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

„ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ Tuan S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.N. (Hulu Selangor).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang
Lupar).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir
Puteh).

„ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P.,
A.M.N., J.P. (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 16hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang
Berhormat Tuan Haji Mohamad bin
Haji Isa.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji
Mohamad bin Haji Isa tidak hadir).*

**GROWTH HORMONE DALAM
INDUSTRI TERNAKAN LEMBU**

2. **Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada daging hasil daripada lembu yang diberi "growth hormone" di Amerika Syarikat diimport ke negara ini memandangkan negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (European Economic Community) telah menghentikan pengimportan daging tersebut ke negara mereka atas alasan bahawa daging tersebut mengandungi racun. Jika ya, nyatakan amaun yang diimport. Jika tidak, apakah langkah yang diambil supaya daging tersebut tidak diimport ke negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua fahaman dan terdapat yang berbeza terhadap penggunaan "growth hormone", dengan izin, di dalam industri

ternakan lembu yang mana kedua-dua fahaman dan pendapat tersebut masih belum boleh dipertikaikan. Dari apa yang difahamkan pemberhentian pengimportan daging lembu dari Amerika Syarikat oleh negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah (European Economic Community), dengan izin, ke negara-negara mereka adalah lebih bercorak rintangan perdagangan bukan tarif (non-tariff trade barrier), dengan izin, yang menggunakan kajian teknikal yang masih dianggap belum muktamad.

Pada masa ini Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang membenarkan pengimportan daging lembu dari Amerika Syarikat yang didapati baik, bersih dan sesuai untuk makanan rakyat di negara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan tidak akan teragak-agak mengambil langkah pasti untuk memberhentikan pengimportannya sekiranya terdapat kajian-kajian teknikal yang muktamad berkaitan dengannya.

Dalam tahun 1988, negara kita mengimport sebanyak 83.43 tan metrik sahaja daging lembu dari Amerika Syarikat iaitu 0.3% dari jumlah daging import.

Langkah-langkah yang diambil untuk memastikan daging lembu yang diimport dari Amerika Syarikat adalah sesuai untuk makanan rakyat di negara ini ialah:

- (i) mengenakan syarat-syarat dan peraturan import yang ketat di bawah perundangan

"Peraturan Import Haiwan, 1982" yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Kementerian Pertanian.

- (ii) menjalankan pemeriksaan pada rumah-rumah sembelih di Amerika Syarikat yang ingin mengeksport daging lembu ke Malaysia. Hanya rumah-rumah sembelih yang didapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja yang dibenarkan mengeksport daging lembu ke negara ini.
- (iii) memastikan setiap konsai-men pengimportan daging lembu yang diimport dari Amerika Syarikat mempunyai Sijil Kesihatan Veterinar yang memberi jaminan ianya baik, bersih dan sesuai untuk makanan di negara ini.
- (iv) mengambil contoh-contoh daging yang diimport dari Amerika Syarikat secara rambang setibanya di negara ini untuk ujian-ujian makmal dalam memastikan ianya memenuhi syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Kementerian berkenaan syarat-syarat yang ditetapkan berkenaan import daging lembu. Adakah ini berbeza dengan syarat-syarat yang diadakan oleh Kerajaan Singapura? Oleh sebab pada pengetahuan saya, ada beberapa negara yang import dari negara itu, Singapura tidak benarkan import itu oleh sebab dia rasa daging itu tidak sihat atau tidak cukup bersih.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tiap-tiap negara masing-masing ada syarat-syaratnya sendiri dan kita tidak ada apa-apa syarat yang kita mesti ikut apa yang ditentukan oleh negara Singapura.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan syarat-syarat ini dikenakan bermacam tetapi saya tidak mendengar adakah salah satu syarat lagi iaitu daging ini mesti halal kerana daging-daging ini datang ke Malaysia kebanyakannya dimakan oleh orang-orang Islam.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, selain dari syarat-syarat kesihatan veterinar yang dikenakan untuk setiap pengimportan daging ke negara ini, Kerajaan juga telah menetapkan bahawa bermula dari 1hb Januari, 1983, hanya daging halal sahaja yang dibenarkan diimport ke negara ini. Rumah-rumah sembelih yang ingin mengeksport daging lembu, kerbau, kambing dan biri-biri ke negara ini akan diperiksa dahulu oleh seorang pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk memastikan yang rumah sembelih tersebut memenuhi syarat kesihatan veterinar yang ditetapkan. Dan seorang lagi pegawai agama dari Bahagian Hal Ehwal Islam untuk memastikan yang pensembelihannya mengikut hukum-hukum syarak. Setiap pengimportan perlu ada Sijil Kesihatan Veterinar yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar Amerika Syarikat dan sijil halal yang dikeluarkan oleh badan-badan agama di Amerika Syarikat yang diiktiraf serta mendapat permit import dari Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Pada masa ini, industri ternakan di negara ini belum sampai ke tahap yang memerlukan penggunaan hormone.

PENYAKIT AIDS

3. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kesihatan menyatakan pencapaian usaha-usaha Kerajaan mengesan dan mengawal merebaknya penyakit AIDS di kalangan:

- (a) penagih dadah yang mengguna jarum suntikan yang sama;

- (b) pengamal hubungan seks sejenis;
- (c) pelacur; dan
- (d) pesakit-pesakit haemophilia.

Bagaimanakah Kerajaan bercadang memerangi "AIDS phobia" di mana orang ramai takut untuk tampil ke hadapan menguji darah mereka. Setakat ini, berapa ramaikah kakitangan perubatan yang ditugas khas untuk mengawasi serta menjaga kesihatan pesakit dan pembawa AIDS di Malaysia. Apakah sumbangan yang dibuat oleh Malaysia kepada uji kajian ubat merawat penyakit AIDS, sama ada menawar untuk menguji ubat baru, memberi maklumat atau lain-lain bentuk sumbangannya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian penyakit AIDS di negara ini adalah rendah. Sehingga 28hb Februari, 1989 Kementerian Kesihatan telah mengesan 4 kes AIDS. Daripada siasatan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan, semua kes ini telah dijangkiti di seberang laut. Dua daripada kes ini ialah pengamal hubungan seks sejenis atau homoseks dan dua lagi mungkin pengamal hubungan seks sejenis tetapi mereka tidak mengaku. Kita belum lagi mengesan kes di kalangan penagih dadah tempatan yang menggunakan jarum suntikan yang sama, pelacur ataupun di kalangan pesakit haemophilia. Tetapi Kementerian telah mengesan 11 pembawa kuman AIDS di kalangan pesakit haemophilia, dan 8 orang lain yang dikesan sebagai pembawa kuman AIDS, serta seorang yang dikesan sebagai pesakit AIDS Related Complex.

Berkenaan dengan "AIDS phobia" yang disebutkan dalam soalan itu, saya rasa sedikit sebanyak AIDS phobia itu adalah baik dalam usaha kita mencegah serangan AIDS ini. Walau

bagaimanapun, orang ramai pada amnya tidak perlu bimbang sangat jika mereka mengelak daripada hubungan rapat dengan golongan yang berisiko tinggi terhadap penyakit AIDS. Mereka yang dalam golongan berisiko tinggi adalah digalakkan supaya darah mereka diuji. Mereka juga dapat diberi penerangan mengenai penyakit AIDS secara menyeluruh dan juga diberi kaunseling perubatan yang perlu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini tidak perlu diadakan kakitangan perubatan yang ditugaskan hanya untuk mengawasi serta menjaga kesihatan pesakit dan pembawa AIDS di Malaysia. Walau bagaimanapun, kakitangan yang penting di seluruh negara kita seperti pakar-pakar, pegawai-pegawai perubatan, pegawai-pegawai kesihatan, jururawat dan kakitangan makmal telah dan sedang diberi secara terusan latihan yang perlu supaya mereka, selain daripada menjalankan tugas masing-masing, dapat mengawasi dan menjaga pesakit dan pembawa AIDS jika diperlukan.

Pada masa ini, Malaysia tidak memberi apa-apa sumbangan dalam kajian menguji ubat baru untuk penyakit AIDS. Walau bagaimanapun, Malaysia sentiasa bekerjasama dengan pihak WHO dalam memberi maklumat epidemiology dari masa ke semasa serta juga secara khas apabila diminta.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan bilangan pesakit AIDS di negara jiran seperti Thailand yang melambung naik, adakah kemungkinan dengan pelancong-pelancong dari Malaysia pergi ke Thailand yang begitu banyak tiap-tiap tahun mereka akan membawa AIDS balik ke negara ini.

Keduanya, dengan bilangan penagih dadah yang begitu banyak di negara ini adakah ujian-ujian ke atas mereka dipertingkatkan untuk memastikan

tidak adanya AIDS kerana dengan AIDS di kalangan penagih dadah ini AIDS akan merebak dengan begitu cepat.

Akhirnya, dengan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dua cukuplah.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan itu memang ada.

TANAH TERBIAR

4. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah tindakan-tindakan yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah tanah terbiar telah mencapai matlamatnya. Kalau tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah badan khas bagi menyelesaikan masalah tersebut; dan
- (b) sehingga sekarang berapa peratuskah tanah-tanah terbiar di seluruh negara telah dipulihkan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua—

- (a) Kementerian Pertanian, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah terlibat dalam usaha untuk memulihkan tanah terbiar. Kementerian Pertanian adalah bertanggungjawab untuk memulih dan memajukan tanah Sawah terbiar, manakala Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui agensi FELCRA dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah melalui RISDA bertanggungjawab untuk memajukan tanah bukan sawah terbiar.

Dalam usaha untuk menjayakan program-program pemulihan tanah sawah terbiar, Kementerian Pertanian telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) Menyediakan peruntukan kewangan bagi membiayai kos infrastruktur meliputi perbelanjaan perairan, jambatan dan jalan ladang. Bagi kos-kos pembangunan yang lain, Kerajaan telah menyediakan pinjaman di bawah Bank Pertanian Malaysia dengan dikenakan syarat-syarat pinjaman yang mudah.
- (ii) Menubuhkan sebuah pasukan petugas di peringkat kebangsaan untuk merancang dan mengawasi program ini di seluruh negara. Berbagai Jabatan dan agensi yang berkaitan menganggotai pasukan ini.
- (iii) Melantik Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menjadi agensi utama untuk mengesan dan menyelaraskan pelaksanaan projek-projek di bawah program-program ini. LPP dengan menggunakan khidmat Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan menjalankan usaha-usaha mengenalpasti tuan-tuan tanah sawah terbiar dan juga persetujuan mereka untuk memajukan tanah sawah terbiar.
- (iv) Menyediakan bantuan dan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya bagi menggalakkan pihak swasta dan siswazah-siswazah mengerjakan tanah sawah terbiar.

Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian telah pun memperlihatkan hasilnya di mana semenjak tahun 1981 sehingga Disember 1988 seluas 60,119 hektar tanah sawah terbiar telah dapat dimajukan oleh Jabatan dan agensi di bawahnya dan juga oleh FELCRA. Selebihnya lebih kurang 22,000 hektar adalah dipulihkan secara persendirian oleh petani individu atau pihak swasta yang lain. Tanah-tanah ini telah dimajukan dengan tanaman-tanaman seperti padi, kelapa sawit, koko, sayur-sayuran dan buah-buahan. Kebanyakan daripada projek pemulihan ini diusahakan secara berkelompok dengan pengurusannya dipusatkan bagi mengurangkan kos pengeluaran dan juga untuk memastikan tanah-tanah sawah tersebut tidak terbiar semula. Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah badan khas bagi menyelesaikan masalah tanah sawah terbiar.

- (b) Sehingga sekarang Kerajaan telah pun memulihkan 51 peratus daripada tanah sawah terbiar di seluruh negara. Ini adalah berdasarkan kepada keluasan tanah sawah terbiar yang dikenalpasti oleh Kementerian Pertanian pada tahun 1981, iaitu seluas 160,863 hektar. Pada akhir tahun 1987 baki sawah terbiar yang belum dipulih ialah seluas 87,338 hektar.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya dari segi tanah terbiar khususnya dalam bidang pertanian mengenai tanah sawah, setakat ini sejauh manakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)

memajukan tanah-tanah terbiar yang terdapat di seluruh negara dalam bidang pertanian ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkeyakinan atau boleh memberi jaminan bahawa yang semua tanah-tanah sawah terbiar ini dapat dilaksanakan oleh agensi di bawah Kementerian Pertanian, khususnya PPK ini.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat boleh memberikan satu perangkaan ataupun luas tanah terbiar yang terdapat di seluruh negara pada hari ini, khususnya dalam bidang dan tanggungjawab Kementerian Pertanian sendiri.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, tanah terbiar yang dipulihkan oleh PPK, sepertimana yang saya sebutkan tadi, ialah pada Disember 1988 seluas 60,119 hektar dan ianya telah dipulihkan oleh PPK iaitu satu agensi di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang di bawah Kementerian Pertanian.

Kami di Kementerian Pertanian yakin program untuk memulihkan tanah sawah terbiar ini boleh berjaya dan di bawah Rancangan Malaysia Keenam, kami harap boleh memulihkan 10,000 hektar tanah terbiar tiap-tiap tahun dan dalam tempoh 8 tahun kami yakin boleh memulihkan tanah terbiar keseluruhannya.

Berkenaan soalan kedua, saya tidak berapa faham apa soalnya. Bolehkah ulang sekali lagi?

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri luasnya tanah sawah yang terbiar yang ada pada hari ini. Kalau tanah-tanah yang lain, mungkin di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah atau Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tetapi di dalam bidang kuasa

Kementerian Pertanian sendiri berapa luasnya.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tadi telah saya sebutkan, masih ada 87,338 hektar.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang memandangkan tanah sawah terbiar begitu banyak di negara kita, boleh memberi peluang kepada orang Kedah, kerana orang Kedah ini rajin sangat membuat tanah sawah dan di Kedah sudah tidak ada lagi sawah untuk dikerjakan lagi. Jadi, adakah rancangan Kementerian supaya membawa pindah orang Kedah ke kawasan-kawasan tanah sawah yang terbiar seperti di negeri Perak ataupun di Selangor ini?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada apa-apa syarat menahan orang Kedah pergi memajukan tanah terbiar dan Menteri saya sendiri dari Kedah dan saya rasa kalau orang Kedah jumpa Menteri mungkin dia boleh layan.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari perangkaan yang saya perolehi dari Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah saya dapati bahawa keluasan tanah sawah terbiar meningkat pada tahun 1988 jika dibandingkan dengan tahun 1987. Adakah ini bermakna bahawa usaha yang diambil oleh Kementerian Pertanian tidak berhasil ataupun kurang berhasil?

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka yang kami ada di Kementerian Pertanian ialah tanah terbiar telah dikurangkan. Saya tidak tahu dari mana Yang Berhormat daripada Ampang Jaya mendapat angka-angka ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohammed Yusoff.

Tuan Ong Tee Keat: Minta penjelasan, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh.

Tuan Ong Tee Keat: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak dibenarkan. Yang Berhormat tadi sudahpun memberitahu dari mana Yang Berhormat dapat angka itu.

PAKAIAN JURURAWAT

5. Tuan Haji Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latiff minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk menyeragamkan pakaian jururawat-jururawat dengan memakai seluar panjang berwarna putih menggantikan skirt dan berbaju tangan panjang dan bertudung sesuai dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan telah pun membenarkan Jururawat-jururawat khasnya mereka yang beragama Islam untuk menutup rambut mereka dan memakai seluar panjang berwarna putih. Berkenaan dengan bertudung dan berbaju tangan panjang, Kementerian Kesihatan akan menjalankan satu kajian untuk menentukan sama ada pakaian semacam ini akan menjejaskan tugas-tugas harian jururawat-jururawat yang berkenaan. Keputusan akan dapat dibuat setelah kajian ini siap nanti.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak pakaian seragam jururawat ini mengikut sejarah semenjak dahulu macam itu. Jadi, saya pernah bertanya dengan jururawat kenapa pakai topi yang kecil di atas itu. It serves no

purpose, dengan izin. Jadi, hendak tahan rambut luruh tidak boleh, fasal rambut terlepas keluar, jadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bertanya masalah induk, yang ditanya sekarang ini lain.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tidak, memang soalan itu termasuk pakaian. Adakah pakaian seragam seumpamanya ini yang diikuti dari sejarah yang begitu lama akan disesuaikan ataupun di Malaysiakan, sesuai dengan masyarakat Malaysia sekarang?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang pakaian jururawat mempunyai identiti yang lama dan sedikit sebanyak perubahan yang dibuat adalah untuk menyesuaikan pakaian itu dengan keperluan tempatan. Mengenai dengan topi kecil itu, saya rasa itu memang satu daripada identiti seorang jururawat. Ada orang kata cantik itu. (*Ketawa*)

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Pakaian jururawat ada kaitan rapat dengan perkhidmatan jururawat itu sendiri. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Kementerian Kesihatan menerima dan menimbang cadangan saya supaya menaikkan taraf perkhidmatan jururawat, penolong jururawat dan kakitangan-kakitangan hospital yang lain serta menaikkan tanggagaji mereka atau skim gaji mereka lebih baik daripada apa yang ada sekarang kerana perkhidmatan atau kerja-kerja yang dijalankan oleh mereka itu amat berat, sehingga terpaksa kebanyakan masa meninggalkan keluarga dan anak-anak di rumah bermalam-malam.

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya itu tidak mengikut soalan asal.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila diminta supaya jururawat

wanita yang beragama Islam dan juga yang lain-lain memakai seluar panjang, kerana pakaian skirt itu mendedahkan aurat, tetapi apakah Yang Berhormat sedar bahawa bila mereka memakai seluar panjang potongan itu dibuat begitu ketat yang mana ia lebih mengghairahkan daripada skirt. Adakah satu design khas yang membolehkan mereka mengikut peraturan secara menyeluruh dan tidak memotongnya sendiri sehingga ianya lebih mengghairahkan daripada memakai skirt?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, apa yang Kementerian buat ialah menyediakan satu design dan membekalkan kain. Pakaian itu dijahit sendiri ataupun diupahkan di tempat-tempat yang diaturkan. Jadi, kadangkala seluar itu nampak ketat kerana selepas dijahit, mereka sudah berubah badan menjadi gemuk. Tetapi kita sentiasa menegaskan bahawa pakaian itu mesti sejajar dengan imej perkhidmatan jururawatan itu.

PELABURAN ASING DARI TAIWAN—JUMLAH

6. **Tuan Ong Tee Keat** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah dan peratusan pelaburan asing yang terdiri daripada pelabur-pelabur Taiwan pada tahun 1987 dan 1988.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1987, sejumlah 37 projek perkilangan telah diluluskan dengan penyertaan dari negara Taiwan dan jumlah anggaran modal pelaburan asing dalam projek-projek tersebut adalah sebanyak \$243 juta atau 11.8% daripada jumlah keseluruhan pelaburan asing tahun itu.

Dalam tahun 1988, sejumlah 111 projek perkilangan telah diluluskan dengan penyertaan dari negara Taiwan. Jumlah anggaran modal pelaburan asing dalam 111 projek tersebut adalah sebanyak \$829.6 juta atau 17% daripada jumlah keseluruhan pelaburan asing tahun itu.

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Barisan Nasional—oleh kerana beliau bukan lagi MIC—memberitahu apakah angka-angka yang diberi tadi itu adalah anggaran sahaja dan kalau ianya anggaran sahaja apakah angka-angka sebenarnya bagi tahun 1987 dan tahun 1988 memandangkan bahawa daripada jawapan Yang Berhormat tadi angka-angka kesemuanya adalah anggaran dan bilangan projek pun adalah anggaran?

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua jenis—satu modal cadangan dan satu lagi anggaran yang sepatutnya dilaburkan. Apa yang saya sebutkan tadi adalah modal ataupun ekuiti yang dilaburkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya tidak akan ulang soalan ini. Satu, apakah benar ada dakwaan yang mengatakan bahawa dalam usaha Kerajaan hendak menggalakkan pelabur dari Taiwan, galakan yang diberi antara lain secara senyap-senyap ialah Permanent Resident kepada pelabur-pelabur berkenaan? Kalau tidak, apakah Kerajaan bercadang menjadikan itu sebagai dasar untuk menggalakkan pelabur dari Taiwan dan kalau ya, berapakah jumlah pelabur datang hasil daripada perubahan dengan menawarkan Permanent Resident untuk menarik pelabur-pelabur Taiwan? Saya tidak akan ulang soalan tadi. Terima kasih.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak dapat

memberi PR status kepada sesiapa pelabur dari Taiwan dan juga daripada mana-mana tempat.

JALAN KAMPUNG DI SABAH—PERUNTUKAN

7. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada negeri Sabah untuk tahun 1989:

- (a) bagi projek peningkatan taraf jalan raya ke “semi-grouting” dan pecahan angkanya mengikut daerah;
- (b) bagi projek bekalan tenaga elektrik luar bandar dan pecahannya mengikut daerah; dan
- (c) bagi projek industri kampung dan pecahannya mengikut daerah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua—

- (a) Bagi tahun 1989 Kementerian telah memperuntukkan sebanyak \$8 juta bagi program menaikkan taraf jalan-jalan kampung “semi-grouting” di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, pecahan angka mengikut daerah tidak dapat dikemukakan buat masa ini kerana pengagihan peruntukan mengikut daerah sedang dipertimbangkan oleh pihak Pegawai Pembangunan Negeri berdasarkan keperluan dan keutamaan projek-projek di peringkat negeri. Perkara yang sama juga dilaksanakan di semua negeri-negeri.
- (b) Bagi tahun 1989, peruntukan yang disediakan bagi negeri Sabah untuk program bekalan elektrik luar bandar ialah

sebanyak \$3,513,000. Agihan peruntukan mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Peruntukan
Keningau ..	\$ 629,000.00
Kuala Penyu ..	\$ 412,000.00
Sipitang ..	\$ 45,000.00
Kota Marudu ..	\$ 334,000.00
Semporna ..	\$ 400,000.00
Tenom ..	\$ 244,000.00
Labuk Sugut ..	\$ 269,000.00
Tuaran ..	\$ 143,000.00
Beaufort ..	\$ 219,000.00
Kota Kinabalu	\$ 235,000.00
Tambunan ..	\$ 463,000.00
Sandakan ..	\$ 120,000.00
JUMLAH ..	\$3,513,000.00

- (c) Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak memberi apa-apa peruntukan di bawah program Industri Kampung kepada mana-mana negeri termasuk Sabah. Demikianlah juga tidak ada peruntukan diberi untuk setiap daerah. Apa yang disediakan oleh Kementerian ialah bantuan mesin, peralatan dan bengkel kepada pengusaha-pengusaha yang layak. Terserahlah kepada pengusaha-pengusaha yang berminat untuk memohon. Permohonan diluluskan berdasarkan kesesuaian permohonan dan dayamaju projek. Sehingga hari ini terdapat 64 buah perusahaan di Sabah yang telah diberi bantuan di bawah program ini dan terdapat 19 permohonan lagi berada dalam pertimbangan.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih atas jawapan yang begitu komprehensif. Bagaimanapun dalam jawapan yang diberi kepada perkara (b), saya dapati bahawa kawasan saya Kota Belud tidak disebutkan. Adakah itu bererti bahawa kawasan itu tidak mendapat agihan peruntukan pada tahun ini?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Kota Belud bukan daerah, ia pekan. Ini saya sebutkan daerah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir).

MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)—PENGAMBILAN PELAJAR

9. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) kenapakah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) menghentikan pengambilan kemasukan Tingkatan Satu pada tahun ini (1989). Bukankah tindakan ini menjadikan lebih ramai bilangan murid yang berkelayakan tidak dapat tempat di sekolah-sekolah berasrama penuh yang sememangnya Kementerian Pendidikan sendiri tidak dapat mengatasinya;
- (b) adakah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (KPNLB) telah berunding dengan Kementerian Pendidikan dalam perkara ini;
- (c) adakah MRSM akan mengubah pula dasar pengambilan penuntutnya di tahun hadapan.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua—

- (a) Pengambilan pelajar-pelajar Maktab Rendah Sains MARA untuk kemasukan ke Tingkatan Satu bagi tahun 1989 diberhentikan kerana pihak sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan boleh menampung

keperluan pembelajaran Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga. Pihak Kementerian Pendidikan juga mampu mengeluarkan pelajar-pelajar yang berkelayakan untuk kemasukan ke Maktab Rendah Sains MARA mulai Tingkatan Empat.

- (b) Perubahan dasar pengambilan pelajar-pelajar Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) telahpun ditetapkan bersama oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.
- (c) Pihak MARA sentiasa mematuhi dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan yang mungkin juga berubah dari semasa ke semasa. Perubahan dasar ini tidak pula sewenang-wenang dibuat. Biasanya perubahan-perubahan tersebut dibuat setelah melalui proses-proses kajian, perbincangan dan perundingan yang melibatkan berbagai pihak.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rasional yang lebih detail di mana Kementerian Pendidikan mengambilalih pengambilan pelajar Tingkatan Satu. Apakah kerana Kementerian Pendidikan bimbang di atas prestasi yang dicapai oleh Maktab Rendah Sains MARA yang ada perbezaannya dengan prestasi pelajar-pelajar di sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan? Adakah itu sebabnya kerana sebelum ini dasar telah dibuat di mana untuk menampung pelajar-pelajar ini, Kerajaan akan menambahkan lagi mini MRSM di daerah-daerah tertentu dan ini merupakan satu perubahan dasar yang mendadak yang kita dapati boleh menjejaskan usaha untuk menambahkan profesional bumi-

putera anak-anak Melayu pada masa akan datang dalam memenuhi tuntutan Dasar Ekonomi Baru dalam jangka panjang yang diharapkan?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi rasionalnya ialah disebabkan Kementerian Pendidikan telahpun mampu untuk menampung anak-anak kita yang ingin memasuki Tingkatan Satu. Penutupan MRSM bukanlah bermakna kita memansuhkan pendidikan di MRSM. Kita cuma menutup Tingkatan Satu sehingga Tingkatan Tiga tetapi kita akan meneruskan pendidikan daripada Tingkatan Empat ke Tingkatan Lima, maknanya masih ada bidang pendidikan di dalam MRSM.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, saya minta membetulkan sedikit kesilapan dalam pertanyaan saya iaitu masukkan perkataan "dan Tamil" selepas perkataan "Mandarin" di baris yang kedua pertanyaan saya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 10.

GURU BAHASA CINA DI SRJK (C)

10. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan sehingga 28-2-1989, bilangan guru-guru yang tidak berkelayakan bahasa Mandarin dan Tamil yang kini mengajar matapelajaran selain matapelajaran Bahasa Mandarin dan Bahasa Inggeris di SRJK (C) dan (T) dan beritahu sebab mengapa kejadian ini berlaku dan apakah dasar Kerajaan Barisan Nasional terhadap perkara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru yang mengajar matapelajaran dalam pengantar

Bahasa Cina di SRJK (C) adalah guru-guru terlatih yang mempunyai kelayakan Bahasa Cina. Begitu juga untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil ialah guru yang berkelayakan Bahasa Tamil. Bagi mengajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, setakat ini seramai 2,380 orang guru Bahasa Malaysia dan 1,531 orang guru Bahasa Inggeris telah pun dibekalkan ke Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina untuk mengajar Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Kerajaan atau Kementerian Pendidikan tidak pernah mengarahkan guru-guru ini mengajar matapelajaran seperti Pendidikan Jasmani, Ko-kurikulum atau Pendidikan Seni selain daripada mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Bagaimanapun ada sebahagian guru-guru Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris yang dikehendaki oleh Guru Besarnya mengajar Pendidikan Jasmani, Seni atau Ko-kurikulum, ini berlaku atas sebab-sebab seperti, antara lain, supaya semua guru mendapat masa mengajar yang seimbang dan di samping itu pula meringankan beban mengajar guru Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dan beban guru Bahasa Cina. Dan masa mengajar bagi guru-guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris adalah minimum khasnya di sekolah-sekolah kecil. Oleh itu untuk mengelakkan rasa tidak puas hati di kalangan guru-guru lain, waktu mengajar guru Bahasa Malaysia dan guru Bahasa Inggeris ditambah dengan mata-pelajaran-matapelajaran lain seperti Pendidikan Seni, Pendidikan Jasmani dan Ko-kurikulum dan apa yang saya sudah jelas tadi pun jugalah berlaku di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Speaker, soalan tambahan. Mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri Pendidikan bahawa kelebihan guru-guru tidak berkelayakan Bahasa Mandarin. Masalah ini telah pun menjadikan satu masalah yang hebat pada hari ini bahawa masyarakat Cina berasa tidak senang hati oleh kerana sikap Kerajaan ataupun sikap Kementerian Pendidikan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya.

Tuan Liew Kim: Sekejap, saya huraikan latar belakang mengenai soal yang berkenaan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat memberi ucapan itu.

Tuan Liew Ah Kim: Mengenai masalah kelebihan guru-guru yang tidak berkelayakan Bahasa Mandarin mengajar matapelajaran selain daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia sudah menjadi satu masalah yang besar. Maka saya ingin juga meminta Kementerian Pendidikan menerangkan bahawa masalah ataupun satu pandangan yang diberi antara Timbalan Menteri Buruh dan juga Menteri Pendidikan yang bawa pandangan mereka terhadap masalah yang berkenaan adalah berlainan satu dengan lain yang mana Menteri Buruh, Ketua MCA, memberitahu masyarakat Cina bahawa cara penyelesaian dalam masalah kelebihan guru-guru tidak berkelayakan Bahasa Mandarin itu bergantung kepada Persatuan Ibu-bapa dan Guru-guru. Dan pada hari yang sama Menteri Pendidikan mengeluarkan pandangan yang lain bahawa beliau berkata Persatuan PIBG tidak ada hak untuk menentukan satu perkara tentang perkara yang berkenaan.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, ya.

Tuan Liew Ah Kim: Saya minta satu penjelasan yang sebenarnya daripada Timbalan Menteri Pendidikan yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya hendak membetulkan satu silap fahaman di antara Ahli Yang Berhormat dan juga segelintir masyarakat iaitu Kementerian Pendidikan menghantar guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) ataupun Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) mengikut keperluan sekolah masing-masing dan tidak mengira keperluan. Sekiranya ada sekolah-sekolah seperti yang disebut tadi sudah mendapat kelebihan guru Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, Kerajaan atau Kementerian Pendidikan akan membetulkan dengan segera perkara itu.

Apa yang sudah timbul ialah sungguhpun kita sudah menghantar guru mengikut keperluan sekolah-sekolah masing-masing, Guru Besar adalah memberikan sedikit masa kepada mereka untuk mengajar matapelajaran seperti yang saya sebutkan dalam jawapan asal tadi. Dan ini kita memberi peluang dan kuasa kepada PIBG yang mewakili ibu-bapa dan ibu-bapa adalah kerana mereka mengambil berat kepentingan dan faedah anak-anak mereka di sekolah itu, sebab ibu-bapa berhak untuk membincang dan memutuskan bolehkah anak-anak mereka di sekolah itu diajar ko-kurikulum jasmani untuk mengguna Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan mengikuti Bahasa Mandarin dan hak ini diberi kepada ibu-bapa dan ibu-bapa bolehlah memanggil wakilnya iaitu PIBG untuk memutuskan. Dan selepas PIBG dengan Guru Besar itu memutuskan dan keputusan itu akan dihantar kepada Kementerian Pendidikan melalui Pengarah Pendidikan Negeri dan satu penyesuaian akan dibuat oleh Kementerian Pendidikan dan sebab itu hak untuk penyesuaian itu adalah hak Kementerian Pendidikan dan bukan PIBG tetapi PIBG boleh memutuskan mereka bersetuju atau

tidak meneruskan amalan saya sebutkan tadi.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau menafikan bahawa ada kelebihan guru-guru yang tidak berkelayakan Bahasa Mandarin dan Tamil dihantar kepada SRJK (C) dan SRJK (T), sama ada beliau nafi ada keadaan seperti ini berlaku.

Dan yang kedua, sama ada Menteri Pendidikan sedar jikalau ada masalah ini berlaku sama ada Kerajaan akan memerintah Guru-guru Besar itu ditukar balik supaya guru-guru yang tidak berkelayakan Bahasa Mandarin dan Tamil dihantar mengajar matapelajaran-matapelajaran lain.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli-ahli DAP tidak buat "homework" dan tidak pergi di sekolah-sekolah di kawasan masing-masing (*Tepuk*) untuk menyiasat dengan teliti keadaan di sekolah masing-masing. Sebagai Timbalan Menteri Pendidikan, saya sendiri ada melawat sekolah-sekolah dan berjumpa dengan Guru Besar dan di sini saya hendak menegaskan bahawa di beberapa sekolah di Taiping dan satu sekolah di Kedah, Kementerian Pendidikan ada menghantar lebih guru bahasa ke sekolah masing-masing itu dan ini akan dibetulkan. Dan selain daripada tiga, empat buah sekolah yang saya sebutkan tadi saya belum dapat makluman mana ada sekolah yang dapat kelebihan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, dan siasatan akan dibuat, akan dibetulkan sekiranya kita mendapat kelebihan guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari DAP sekiranya mereka bertanggungjawab, pergilah ke sekolah untuk menyiasat dan berunding dengan guru besar.

RANCANGAN GUSTI WANITA "FLAIR"

11. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Penerangan menyatakan sebab-sebab rancangan gusti wanita "FLAIR" ditayang dan kemudiannya dibatalkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, rancangan gusti wanita "FLAIR" telah ditayangkan oleh RTM bertujuan untuk mempelbagaikan rancangan-rancangannya dengan harapan dapat memenuhi selera para penonton. Setelah dikaji dan ditinjau dalam beberapa ketika maka didapati para penonton tidak menggemari rancangan tersebut. Banyak tuduhan telah dikemukakan kepada RTM oleh berbagai pihak. Atas sebab itulah RTM telah membatalkan rancangan tersebut. Tambahan pula pihak-pihak pembekal tidak dapat membekalkan rancangan tersebut secara berterusan dan juga rancangan tersebut tidak membawa hasil yang memuaskan.

Tuan Hu Sepang: Saya tidak boleh bersetuju dengan pandangan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi, sebab saya menganggap rancangan gusti wanita ini merupakan satu rancangan yang paling popular di kalangan rakyat Malaysia, sehingga penonton-penonton boleh mengorbankan diri tanpa tidur untuk menyaksikan program ini.

Jadi soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah Kementerian Penerangan mengadakan sikap diskriminasi terhadap rancangan gusti wanita apabila rancangan gusti lelaki dibenarkan. Jadi, saya ingin hendak tahu, saya kurang faham apa perbezaannya antara rancangan gusti wanita dan gusti lelaki. Cuma selain daripada badan yang berbeza (*Ketawa*), bolehkah beri satu jawapan?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, RTM sentiasa mengawal rancangan-rancangan yang ditayangkan di televisyen. Jadi, maka sebab itulah rancangan-rancangan yang menerima teguran yang begitu banyak, kita anggap bahawa selain rancangan itu seperti saya katakan tadi tidak mendatangkan keuntungan dan juga bekalan yang tidak consistent, dengan izin, ianya juga merupakan rancangan yang tidak disukai ramai. Jadi, apabila kita menerima teguran-teguran daripada pihak umum maka kenalah kita kaji rancangan tersebut dan seterusnya dihentikan.

Tuan Hu Sepang: Yang Berhormat belum jawab soalan saya, apakah perbezaannya rancangan gusti lelaki dan gusti wanita, belum jawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah beri jawapan tadi.

Tuan Hu Sepang: Tidak, dia belum jawab soalan ini, Saya beri sedikit panduan kepada beliau (*Ketawa*), selain daripada badan yang berbeza, jadi apa lain perbezaan? Belum dijawab lagi. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tak usah jawablah. Dia sendiri sudah jawab, badan yang berbeza.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, setelah Kerajaan menghapuskan program itu, tentunya Kerajaan merasai bahawa sesuatu tidak betul, tetapi program memang sudah berjalan. Apakah yang mendorong pihak Kerajaan sebelum dihapuskan dan diadakan rancangan itu. Kenapa semasa meluluskan program itu dahulu maka apakah sebab-sebab Kerajaan di masa itu mengadakan program itu. Apakah faktor yang menyebabkan Kerajaan begitu berminat di masa dahulu mengadakan program itu.

Yang kedua, apakah yang menyebabkan dihapuskan program itu. Mengikut Yang Berhormat dari

Rasah bahawa ramai rakyat masih berminat. Jadi, adakah yang menyebabkan pihak Kerajaan menghapuskan program ini ialah bergantung semata-mata kepada surat komplek daripada orang ataupun ada kajian yang terperinci daripada para peminat terhadap program ini menyebabkan ia terpaksa dihapuskan.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama telah saya sebutkan dalam jawapan yang asal tadi bahawa tujuan RTM mengadakan rancangan ini pada awalnya ialah untuk mempelbagaikan rancangan-rancangannya dengan harapan bahawa ianya dapat menambahkan rancangan-rancangan yang popular.

Jawapan yang kedua, iaitu apa bezanya di antara gusti wanita dan gusti lelaki. Memanglah pada umumnya wanita dan lelaki ada perbezaannya. Begitu juga daripada segi lain-lain sukan, kalau boleh diadakan gusti wanita, kenapa tidak diadakan boxing wanita juga. Jadi, dengan ini kita fikirkan selain daripada komplek-komplek yang kita terima sama ada secara bersurat, telefon mahupun di surat-khabar dan juga termasuk badan-badan agama, jadi kenalah kita fikirkan dari segi moral ia menunjukkan bahawa perkara ini ataupun program ini kurang sesuai jika dibandingkan dengan program gusti lelaki yang diadakan sebelum ini.

TARAF KEWARGANEGARAAN MALAYSIA

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Adullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah orang-orang yang sudah mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia (mempunyai kad pengenalan biru) masih boleh ditangkap oleh pihak berkuasa Malaysia untuk diserahkan balik ke pihak berkuasa negara asalnya bagi menghadapi sebarang tuduhan jenayah atau subversif di mana-mana

mahkamah di negara asalnya. Berapa ramai bilangan orang-orang yang terlibat dan berapa lamakah sesudah seseorang itu mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia baru boleh dituduh dan dibicarakan di Mahkamah negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Ordinan Ekstradisi 1958, seseorang warganegara Malaysia boleh ditangkap oleh pihak berkuasa Malaysia untuk diserahkan kepada pihak berkuasa negara asing bukan sahaja kepada negara asalnya malahan di mana negara sekalipun di mana beliau dilaporkan melakukan jenayah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1979, seramai 4 orang rakyat Malaysia telah pun diserahkan kepada negara asing mengikut Ordinan Ekstradisi 1958 itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa Matamugam yang lari daripada CCB sekarang ada di Australia tidak dibawa balik ke negara ini kalau undang-undang dan kaedah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi betul dan tepat. Dan kerana Matamugam ini telah terlibat di dalam satu jenayah yang besar yang menghilangkan wang lebih \$600 juta?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap mengikut Ordinan Ekstradisi 1958 ini ialah bagi negara kita Malaysia. Itu bagi negara yang di mana subjek yang disebutkan tadi berada, jadi saya tidak tahulah macam mana undang-undang negara tersebut. Ini apa yang saya katakan ialah undang-undang di negara ini.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, beliau ada sebut tentang Ordinan Ekstradisi yang boleh digunakan oleh negara Malaysia. Saya ingin dapat tahu apakah Kerajaan atau

Kementerian beliau menahan, apakah sebab menahan 10 orang Filipina dalam bulan Jun tahun 1988 di Kem Tahanan Taiping atas tuduhan bahawa mereka adalah menyeludup dan menjalankan kegiatan perniagaan senjapati dan mereka menuntut bahawa mereka ditangkap di perairan antarabangsa dan bukan perairan Malaysia. Dan kalau itu benar dan selepas itu di antara 10, 5 orang dibebaskan. Saya dapat faham masih ada 5 orang di Kem Tahanan Kamunting. Apakah sebab Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah supaya mereka dibawa ke mahkamah oleh kerana mereka adalah bukan rakyat Malaysia di negara ini kalau kesalahan itu kalau betul dilakukan di perairan Malaysia. Dan kalau perairan antarabangsa dilakukan kesalahan itu maka kenapakah mereka tidak diserahkan kepada negara asal mereka iaitu Filipina?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah pun diperkatakan oleh pihak yang telah ditangkap adalah berbeza dengan apa pendapat pihak Kerajaan. Kalau mereka mengatakan bahawa mereka ditangkap di perairan antarabangsa tetapi kalau kita mempunyai bukti-bukti bahawa ia tidak; jadi terpulung kepada apa pendapat kita sendiri. Walaupun mereka itu kalau kita katakan mereka ditangkap di perairan Malaysia mengapa tidak dihantar terus balik tetapi kegiatan-kegiatan mereka adalah lebih merbahaya bukan sengaja datang untuk berniaga tetapi datang untuk melakukan sesuatu yang boleh mengancam keselamatan negara kita. Dengan sebab itulah kita mengambil tindakan sedemikian.

BANK/INSTITUSI KEWANGAN — HUTANG LAPUK

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang belum dijelaskan

seperti berikut bagi semua bank dan institusi kewangan setakat 13-12-1988:

- (a) hutang lapuk;
- (b) faedah dalam penggantungan;
- (c) hutang yang diragui;
- (d) wang terkumpul dari (a) dan (b) diatas.

Apakah sebab-sebab dan alasan-alasan bagi hutang lapuk dan hutang yang diragui itu dan apakah tindakan dan langkah yang akan diambil untuk memperolehi kembali wang tersebut serta mencegah dari berlakunya perkara sedemikian pada masa depan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, maklumat-maklumat yang dikumpul oleh Bank Negara mengenai hutang institusi-institusi kewangan adalah dalam bentuk hutang secara am yang terdiri daripada hutang lapuk dan hutang ragu. Dengan demikian, pecahan mengenai kedua-dua jenis hutang itu tidak dapat diberikan dan saya hanya akan memberikan data-data mengenai jumlah kedua-duanya sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang lapuk dan hutang ragu bagi bank-bank setakat 31hb Disember, 1988 adalah sebanyak \$4,100 juta (\$4.1 billion), manakala jumlah keseluruhan bagi institusi-institusi kewangan adalah sebanyak \$5.3 billion. Jumlah faedah tergantung ataupun, dengan izin, interest in suspense pula adalah sebanyak \$4.5 billion bagi bank-bank dan \$5.9 billion bagi semua institusi kewangan. Bagaimanapun, data-data ini adalah merupakan anggaran kerana data-data bagi tahun 1988 masih lagi data-data awal ataupun, dengan izin, preliminary data.

Hutang-hutang lapuk dan ragu itu wujud terutamanya disebabkan oleh prestasi yang tidak memuaskan bagi setengah-setengah projek yang dibiayai oleh pinjaman-pinjaman

daripada institusi-institusi kewangan yang berkenaan. Keadaan ini lebih ketara lagi semasa kemelesetan ekonomi dalam beberapa tahun yang lepas. Ini menyebabkan peminjam-peminjam tidak berupaya untuk membuat pembayaran balik pinjaman mengikut sebagaimana yang dijadualkan.

Langkah-langkah yang akan diambil untuk memperolehi kembali hutang-hutang itu adalah terpulang kepada budibicara institusi-institusi kewangan tersebut kerana hutang-hutang ini adalah merupakan tanggungan mereka sendiri.

Tetapi walau bagaimanapun, pihak Bank Negara sebagai pengawas institusi-institusi kewangan telah meminta mereka agar menubuhkan "Unit Pemulihan Khas" untuk mengkaji masalah peminjam secara terperinci di mana kajian ini secara tidak langsung akan membolehkan institusi-institusi kewangan mengenalpasti masalah yang dihadapi dan seterusnya mencari jalan untuk menggerakkan semula aktiviti-aktiviti perniagaan mereka yang terbengkalai bagi membolehkan peminjam yang berkenaan menyelesaikan hutang mereka dengan institusi-institusi kewangan tersebut.

Untuk mencegah dari berlakunya perkara sedemikian pada masa-masa hadapan, institusi-institusi kewangan digesa supaya memberi penelitian yang penuh di dalam memproses pinjaman dengan mengambil perhatian terhadap faktor-faktor seperti daya maju projek, penilaian cagaran yang betul, dokumentasi, pengawasan dan pengutipan bayaran balik kredit yang lebih cekap.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Angka hutang lapuk ataupun ragu yang dijumlahkan bagi institusi kewangan adalah \$5.3 billion—satu angka yang begitu besar—dan

bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu institusi kewangan yang manakah yang mengalami keadaan yang teruk dalam bentuk hutang ragu dan hutang lapuk dan apakah tindakannya seperti antara lain atas Kewangan Usaha Bersatu yang dipimpin oleh seorang bekas Pengerusi sebelum ini yang mana ada dakwaan mengatakan memberikan pinjaman yang banyak tanpa cagaran yang cukup dan sebagainya. Itu soalan pertama.

Soalan yang kedua, bagaimanakah hutang lapuk ataupun ragu yang dialami oleh CCB yang hari ini sudahpun diletakkan di bawah "receivership" dan apakah kemungkinan hutang lapuk dan hutang ragu itu dapat dikembalikan sebagaimana yang disebutkan dalam satu kenyataan Bank Negara oleh Vincent Tan di mana mereka ini sudahpun membuat cadangan untuk membayar balik. Apakah kaitan pula Vincent Tan dengan Dato Ahmad Sibi yang difahamkan sudah meletakkan jawatan dalam TV3 dan adakah kaitan pinjaman-pinjaman mereka dalam institusi kewangan yang boleh dikaitkan nanti sebagai hutang lapuk dan hutang ragu ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan tadi kepada Dewan yang mulia ini bahawa maklumat yang ada setakat kita hari ini adalah maklumat yang "estimate" sahaja iaitu "PRELIMINARY". Jadi, oleh kerana itu maka maklumat lanjut berkenaan dengan hutang lapuk dan hutang ragu pada tiap-tiap bank belum dapat kita keluarkan lagi dan kalau sekiranya siasatan dapat dijalankan, kemungkinan pada pertengahan tahun ini mungkin dapat kita keluarkan dan oleh kerana itu maklumat yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan KUB juga termasuk dalam kumpulan yang serupa.

Mengenai soalan yang kedua iaitu berkenaan dengan hutang lapuk CCB pula, saya ingat terjawab sekali gus dalam jawapan saya tadi dan sama ada Vincent Tan itu ada kaitan dengan perletakan jawatan Dato Ahmad Sibi, itu terlalu spesifik soalnya, dan saya minta notis untuk menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 8 dan 14 hingga 46 adalah diberi di bawah ini).

PEJABAT POS KUALA KRAI—PEMBINAAN

1. **Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa dalam jawapan bagi soalan ini pada tahun 1987 (Oktober) bahawa Pejabat Pos Kuala Krai akan dijangka siap pada awal tahun 1989, tetapi malangnya sehingga hari ini, Pejabat Pos yang dikatakan dijangka siap itu masih belum nampak apa-apa pun; oleh itu sekali lagi saya ingin tahu bilakah Pejabat Pos itu akan didirikan bagi kemudahan penduduk Kuala Krai.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Pembinaan bangunan Pejabat-pejabat Pos adalah dikendalikan oleh Jabatan Kerjaraya. Mengikut Jabatan berkenaan, pembinaan projek ini dijangka dapat ditenderkan dalam bulan Julai 1989 dan pembinaannya dijangka siap dalam pertengahan tahun 1990. Kementerian saya akan berhubung dengan pihak JKR untuk menentukan pembinaannya adalah mengikut jadual.

PROJEK PENANG REGIONAL DEVELOPMENT AUTHORITY (PERDA)

8. **Tuan Karpal Singh** minta Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan butir-butir berkaitan projek-projek yang telah diambil oleh "Penang Regional Development Authority" (PERDA) semenjak permulaannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah ditubuhkan pada 1 Jun 1983 melalui Akta Parlimen 282. Di antara projek-projek yang telah dilaksanakan oleh PERDA dari tahun 1983 sehingga hari ini adalah seperti berikut:

I. Program Menaikkan Taraf Jalan

- (a) Jalan Seberang Tasek-Kepala Gajah Seberang Perai Selatan sepanjang 3.05 km.;
- (b) Jalan Tasek Gelugor-Kubang Menderong, Seberang Perai Utara sepanjang 5 km.;
- (c) Jalan Kubang Menderong-Tok Bedu, Seberang Perai Utara sepanjang 3.49 km.;
- (d) Jalan Kampung Pertama-Permatang Nibong, Seberang Perai Tengah sepanjang 2.5 km.;
- (e) Jalan Permatang Nibong-Kubang Semang, Seberang Perai Tengah sepanjang 3.3 km.; dan
- (f) Jalan Bakar Kapur, Penaga, Seberang Perai Utara sepanjang 1.2 km.

II. *Program Dewan Gerakan Masyarakat*

- (a) Kubang Menderong, Seberang Perai Utara;
- (b) Tasek, Seberang Perai Selatan;
- (c) Bayan Lepas, Daerah Barat Daya.

III. *Program Gerai Perniagaan*

- (a) Penaga, Seberang Perai Utara—9 unit;
- (b) Sungai Dua, Seberang Perai Utara—4 unit;
- (c) Genting, Daerah Barat Daya—4 unit;
- (d) Telok Bahang, Daerah Barat Daya—4 unit;
- (e) Jawi, Seberang Perai Selatan—6 unit;
- (f) Tasek, Seberang Perai Selatan—5 unit;
- (g) Tokong Ular, Daerah Barat Daya—6 unit.

IV. *Projek-projek Ekonomi*

- (a) 2 projek ternakan ayam daging; satu di Tasek, Seberang Perai Selatan dan satu lagi di Kubang Menderong, Seberang Perai Utara;
- (b) Itik telur masin di Kubang Menderong, Seberang Perai Utara;
- (c) Tanaman pisang seluas 18 ekar di Tasek, Seberang Perai Selatan;
- (d) Tanaman Asparagus seluas 6.5 ekar di Kubang Menderong, Seberang Perai Utara;
- (e) Kilang jus buah-buahan di Kubang Menderong, Seberang Perai Utara;

- (f) Bengkel Latihan Perabot di Tasek, Seberang Perai Selatan.

V. *Pusat Latihan Bukit Panchor, Daerah Seberang Perai Selatan*

VI. *Projek Perumahan Kos Rendah*

- (a) Kuala Sungai Pinang, Daerah Barat Daya—232 unit;
- (b) Kubang Menderong, Seberang Perai Utara—341 unit;
- (c) Tasek, Seberang Perai Selatan—177 unit;
- (d) Tok Keramat, Seberang Perai Selatan—330 unit;
- (e) Simpang Empat, Seberang Perai Selatan—216 unit;
- (f) Kuala Muda, Seberang Perai Utara—272 unit.

PEKERJAAN KEPADA ORANG-ORANG CACAT

14. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan dalam usaha Kerajaan memberikan peluang pekerjaan kepada orang-orang yang tidak bernasib baik, iaitu orang-orang cacat:

- (a) berapakah bilangan mereka yang telah mendaftar untuk bekerja di sektor swasta;
- (b) berapakah bilangan mereka yang telah diambil bekerja dengan sektor awam dan apakah jawatan-jawatan yang telah disandang dan dipegang oleh mereka; dan
- (c) apakah usaha-usaha Kementerian supaya sektor awam memperuntukkan jawatan-jawatan tertentu untuk mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter
Chin Fah Kui):**

- (a) Berhubung dengan soalan (a), Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai maklumat seperti mana yang dikehendaki oleh kerana pada masa ini belum lagi diwujudkan suatu sistem pendaftaran orang-orang cacat yang ingin bekerja di sektor awam;
- (b) Berhubung dengan soalan (b), Kementerian Kebajikan Masyarakat juga tidak mempunyai maklumat seperti yang dikehendaki. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini sedang diusahakan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya maklumat tersebut dapat diperolehi untuk penggunaan masa hadapan;
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, atas cadangan Kementerian Kebajikan Masyarakat, Kerajaan baru-baru ini telah meluluskan satu dasar baru dengan tujuan memberi lebih lagi peluang pekerjaan bagi orang cacat di sektor awam. Di bawah dasar ini, 1% jawatan-jawatan yang sesuai dalam sektor awam akan diisi oleh orang-orang cacat.

**BAHASA IBAN DI
SEKOLAH-SEKOLAH**

15. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah dasar Kerajaan berkenaan dengan pengajaran bahasa-bahasa tempatan seperti bahasa Iban, Kadazan, Murut, Bisaya, Punan, Bajau, Bidayuh dan lain-lain di Sekolah di seluruh negara;

- (b) sama ada Kerajaan bercadang untuk menjadikan pengajian bahasa-bahasa tempatan tersebut boleh dijadikan salah satu daripada subjek yang diajar di sekolah-sekolah di seluruh negara; dan
- (c) apakah bentuk galakan yang diberikan oleh Kerajaan supaya bahasa-bahasa tempatan di Negara ini dapat dikembangkan selain daripada Bahasa Malaysia.

Tuan Woon See Chin:

- (a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dasar bagi menentukan sama ada sesuatu bahasa ethnik itu boleh diajar di sesebuah sekolah ialah bahasa tersebut mestilah merupakan bahasa ethnik yang terbesar, maju dan mantap. Dasar inilah yang digunakan apabila Kementerian Pendidikan membenarkan pengajian Bahasa Iban diteruskan di Sarawak sahaja;
- (b) Hingga kini Kementerian Pendidikan hanya membenarkan Bahasa Iban diajar di sekolah-sekolah di Sarawak sahaja. Bahasa ini dan pengajaran bahasa-bahasa tempatan yang lain tidak akan dijadikan satu subjek untuk diajar di sekolah-sekolah di seluruh negara;
- (c) Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran bahasa ethnik seperti Bahasa Iban dapat dilaksanakan dengan berkesan, Jabatan Pendidikan Negeri berkenaan ditugaskan untuk menggubal sukatan pelajaran, mengadakan kursus dan latihan untuk guru dan menyediakan buku teks.

LAPORAN DELEGASI PALANG MERAH ANTARA- BANGSA

16. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan akan mengumumkan satu laporan yang digubalkan oleh delegasi Palang Merah Antarabangsa dari Geneva selepas melawat Kem Penahanan Taiping dalam tahun 1986, jika tidak mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Memang tidak menjadi dasar Kerajaan untuk mengumumkan laporan-laporan yang dikemukakan oleh delegasi Palang Merah Antarabangsa yang melawat penjara dan pusat tahanan di Malaysia dari semasa ke semasa.

Saya suka memberitahu di sini bahawa teguran-teguran yang dikemukakan dalam laporan-laporan tersebut telah diambil perhatian oleh Kerajaan dan tindakan-tindakan sewajarnya telah diambil.

PELAJAR MALAYSIA KE LUAR NEGERI

17. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah pelajar-pelajar Malaysia yang dihantar pada tiap-tiap tahun ke England, Australia, Amerika dan lain-lain negara. Dan berapakah perbelanjaan yang dikenakan ke atas mereka pada tiap-tiap tahun. Tidakkah setengah-tengah kursus itu boleh dipelajari di negara kita bagi menjimatkan wang.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan hanya menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri untuk mengikuti kursus-kursus Bahasa iaitu seramai 30 orang pelajar setahun dihantar ke United Kingdom untuk

mengikuti kursus Pengajaran Bahasa Inggeris dan 30 orang pelajar setahun ke negara-negara Timur Tengah seperti Morocco, Syria, Jordan dan Mesir bagi mengikuti kursus Pengajaran Bahasa Arab. Jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan kepada seorang pelajar setiap tahun adalah sebanyak \$43,523.00 iaitu bagi program di United Kingdom dan \$13,000.00 bagi pelajar-pelajar yang menuntut di negara-negara Timur Tengah. Kementerian Pendidikan masih perlu menghantar pelajar-pelajar untuk mengikuti kursus Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab di luar negeri oleh kerana kemudahan bagi mengikuti kursus-kursus ini di dalam negeri adalah terhad.

HUTAN TROPIKA—KEMPEN MEMBURUK-BURUKKAN

18. Dato' Dr Affudin bin Haji Omar minta Menteri Penerangan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian setakat ini untuk melawan kempen memburukkan Negara ini dalam bentuk filem-filem mengenai pembalakan hutan tropika seperti yang dilakukan oleh syarikat-syarikat TV di Australia.

Tuan Railey bin Jaffrey: Kempen memburuk-burukkan Malaysia dalam bentuk filem-filem mengenai pemusnahan hutan tropika yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu di luar negeri semata-mata bertujuan untuk mencemarkan nama baik dan menunjukkan kelemahan Kerajaan. Isu mengenai pemusnahan hutan tropika akibat daripada pembalakan sengaja dituju terhadap Malaysia, tetapi tidak terhadap negara-negara lain, umpamanya kegiatan pembalakan yang tidak dikawal di Thailand, Filipina dan beberapa negara lain.

Bagi memberikan penjelasan yang sebenar terhadap kempen-kempen tersebut, RTM sedang menyiapkan

satu filem dokumentari yang menunjukkan usaha-usaha Kerajaan untuk mengawal kerja-kerja pembalakan dan mengekalkan hutan semula jadi, seperti menunjukkan usaha-usaha Kerajaan menanam semula hutan yang telah ditebang dan seumpamanya.

SEMARAK DI SABAH

19. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kerajaan hendak meneruskan SEMARAK Sabah dan jika ia bilakah tarikh pelancaran itu. Berapakah jumlah wang yang dibelanjakan di setiap negeri yang telah mengadakan SEMARAK dan adakah matlamatnya tercapai.

Tuan Railey bin Jaffrey: Kerajaan belum lagi memutuskan bilakah SEMARAK di Sabah akan diadakan. Mengenai perbelanjaan SEMARAK di Peringkat Negeri jumlahnya adalah seperti berikut:

Negeri	Perbelanjaan
Kelantan	\$137,535.98
Perlis	\$ 24,282.50
Perak	\$ 74,747.00
Selangor Darul Ehsan ..	\$440,000.00
Sarawak	\$167,000.00
Melaka	\$246,455.00
Kedah	\$162,000.00
N. Sembilan	\$179,084.00
Pulau Pinang	\$415,922.00
Wilayah Persekutuan ..	\$164,505.00

Saya mohon memaklumkan bahawa perbelanjaan-perbelanjaan ini adalah termasuk sumbangan-sumbangan daripada berbagai pihak orang ramai, swasta dan Kerajaan sendiri. Ini tidak termasuk sumbangan tenaga dan kebendaan yang dihulurkan oleh rakyat jelata secara sukarela. Gerakan SEMARAK telah berjaya dari segi merapatkan hubungan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan

Negeri, mendekatkan pemimpin-pemimpin di semua peringkat baik kebangsaan, negeri dan setempat, dengan rakyat jelata dan sebaliknya melibatkan pihak swasta dan rakyat jelata dalam usaha-usaha pembangunan dan kemajuan negara dan yang lebih penting lagi mewujudkan kesatuan dan perpaduan yang lebih berkesan antara Kerajaan, Swasta dan rakyat jelata dalam usaha-usaha pembinaan negara atau "nation building".

PENYELEWENGAN SIJIL SAHAM FEDERAL CABLES, WIRES & METAL MANUFACTURING BHD—PENYIASATAN

20. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kemajuan dalam penyiasatan pihak polis dalam penyelewengan \$8.6 juta sijil saham Federal Cables Wire dan Metal Manufacturing Berhad yang bermula pada bulan September 1987.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Penyiasatan polis mengenai kes penyelewengan Sijil Saham Federal Cables, Wires & Metal Manufacturing Berhad telah pun selesai dan kini dalam pertimbangan Kerajaan untuk tindakan seterusnya.

KANAK-KANAK YANG HILANG

21. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) jumlah kanak-kanak yang hilang dan jumlah yang dijumpai kembali;
- (ii) apakah punca utama kehilangan kanak-kanak ini; dan
- (iii) apakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah diambil untuk membanteras kegiatan tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bilangan kanak-kanak yang hilang pada tahun 1988 ialah seramai 1,719 orang dan jumlah yang balik ialah 614 orang. Manakala bagi tahun 1989 setakat bulan Februari pula bilangannya ialah seramai 295 orang dan jumlah yang balik ialah 70 orang.

Dari kajian yang dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri iaitu berdasarkan kes-kes yang dilaporkan kepada pihak polis, punca kanak-kanak hilang yang berumur 6-10 tahun ialah kes-kes kemalangan laut, dihanyutkan air di musim banjir dan kes dilarikan orang atau penculikan.

Bagi kes-kes kanak-kanak dalam lingkungan umur 11 hingga 18 tahun, sebab-sebab kehilangan ialah kerana kurang perhatian dan kasih sayang dari ibubapa, kurang penjagaan dan pengawasan keluarga, terlalu dikongkong di rumah, faktor kemiskinan dan mudah terpengaruh oleh kawan-kawan/teman lelaki.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri ialah:

- (i) mengadakan perjumpaan dengan Ahli-ahli Jawatan-kuasa Persatuan, syarahan-syarahan di sekolah-sekolah serta pertubuhan-pertubuhan tertentu di mana nasihat dan pandangan pihak polis diberi dengan tujuan menimbulkan rasa keinsafan dan tanggungjawab di kalangan ibubapa, guru-guru dan kanak-kanak sekolah;
- (ii) khidmat Kementerian Kebajikan Masyarakat melalui "counselling" dan kempen kesedaran akan masalah ini;
- (iii) menjalankan pemeriksaan dan serbuan di kelab-kelab malam, rumah pelacuran dan tempat-tempat di mana gadis-gadis dipercayai terdedah kepada aktiviti maksiat; dan

- (iv) menjalankan operasi dan "spot check" di tempat hiburan seperti disko, pusat snooker, kelab-kelab dan pusat beli-belah.

SERANGAN SERANGGA KEPADA TANAMAN

22. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kesihatan menyatakan betapa seriusnya serangan kepada ladang-ladang, kebun-kebum dan tapak tanaman oleh serangga yang membahayakan atau membinasakan tanaman dan tumbuh-tumbuhan; dan

- (a) jumlah kerugian serangan sejak 1986 hingga 1988.
- (b) tindakan yang berkesan telah dijalankan oleh Kerajaan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Dalam tempoh 1986 hingga 1988, serangan oleh serangga yang membahayakan telah berlaku pada tanaman padi, kelapa dan koko di Semenanjung Malaysia. Dalam tahun-tahun ini, purata sebanyak 5.7% (atau 24,683 ha) dari segi jumlah keluasan tanaman padi setiap tahun telah mengalami serangan serangga yang memerlukan tindakan kawalan. Serangga yang terlibat termasuk bena perang dan putih, kutu bruang, ulat dan kesing.

Mengenai tanaman kelapa, tiada serangan serius yang berlaku pada tahun 1986 dan 1988, dari jumlah keluasan 164,007 ha yang ditanam. Pada tahun 1987, satu serangan oleh ulat daun telah dikesan di Negeri Johor yang melibatkan 3351 ha.

Tahun 1986 merupakan kali pertama ulat pengorek buah koko (satu perosak merbahaya di bawah Akta Kuarantin 1976) di kesian di Semenanjung Malaysia apabila serangga ini dikesan di Jasin di Negeri Melaka. Sehingga Disember 1988, sejumlah tujuh kes ulat pengorek buah

koko telah dilaporkan di tiga buah negeri, iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Berhubung dengan jumlah kerugian sejak tahun 1986 hingga 1988, dimaklumkan bahawa oleh kerana serangga-serangga dapat dikesan dengan lebih awal melalui sistem pengawasan dan ramalan yang diwujudkan untuk perosak-perosak tanaman padi oleh Jabatan Pertanian, penanam-penanam padi tidak mengalami kerugian hasil yang tinggi. Walaupun kemusnahan tanaman padi oleh serangga telah berlaku pada tahun-tahun 1986 hingga 1988, kerosakan ini adalah bertompok-tompok dan tidak melebihi 100 ha. setahun. Pekebun-pekebun kelapa yang mengalami serangan ulat daun tidak menghadapi kerugian hasil kerana tindakan kawalan dapat dijalankan sebelum serangan menjadi teruk. Oleh kerana ulat pengorek buah koko merupakan satu perosak merbahaya, kebun-kebun koko yang terlibat dan dikena menjalankan langkah-langkah drastik (seperti rampasan buah untuk membantu menghapuskan serangan) telah mengalami kejatuhan hasil sementara. Jumlah kerugian hasil koko ialah \$338,760 di kawasan seluas 2987 ha.

Mengenai tindakan-tindakan berkesan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kerugian hasil tanaman akibat daripada serangan serangga merbahaya, tindakan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Menubuhkan satu sistem pengawasan dan ramalan untuk perosak-perosak tanaman padi pada tahun 1981 supaya perosak-perosak itu dikesan dengan lebih awal. Untuk tanaman-tanaman lain, laporan serangan perosak diterima melalui Pejabat-pejabat Pertanian di peringkat kawasan.

- (ii) Mengadakan satu Jawatan-kuasa Kawalan Perosak di setiap negeri yang dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian bersama-sama agensi-agensi lain untuk merancang dan menyelaras operasi kawalan jika serangan wabak berlaku.
- (iii) Memberi bantuan racun kepada petani-petani yang mengalami serangan wabak, bergantung kepada keadaan; bantuan sepenuhnya atau sebahagian diberi.
- (iv) Meminjamkan alat-alat kawalan seperti alat penyembur dan sebagainya kepada petani atau pekebun yang menghadapi serangan.
- (v) Mengumpul dan menyelaraskan kerja-kerja gotong-royong dan operasi kawalan.
- (vi) Meningkatkan pengetahuan petani-petani mengenai perosak-perosak tanaman dan cara-cara kawalan dengan memberi latihan dan penerangan kepada mereka; dan
- (vii) Menguatkuasa Akta Kuarantin Tumbuh-tumbuhan 1976 apabila ulat pengorek buah koko dikesan dan menyelaraskan operasi pembasmian.

PENAN YANG DITANGKAP— ORDINAN PERHUTANAN

23. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa orang Penan yang telah ditangkap dan ditahan di bawah undang-undang perhutanan Sarawak sejak 1-1-1989 di negeri Sarawak;

- (b) berapakah orang Penan yang ditangkap itu akan dan telah dihadapkan ke mahkamah dan apakah tuduhan-tuduhan tentang mereka; dan
- (c) adakah pihak kerajaan bercadang untuk melonggarkan pelaksanaan undang-undang tersebut memandangkan bahawa perkara ini telah dijadikan isu antarabangsa ekoran daripada teguran-teguran yang disiarkan di dalam rancangan televisyen Canada, New Zealand dan Australia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bilangan orang Penan yang telah ditangkap dan ditahan sejak 1-1-1989 ialah seramai 105 orang. Kesemua mereka yang ditangkap itu telah dihadapkan di mahkamah di bawah Seksyen 90B Ordinan Perhutanan (Pindaan) 1981. Kerajaan pada masa ini belum bercadang untuk melonggarkan pelaksanaan undang-undang tersebut.

PENGIKTIRAFAN NEGARA PALESTIN

24. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah yang mendorong Kerajaan begitu segera mengiktiraf apa yang dikatakan negara Palestin yang diisytiharkan oleh PLO berdasarkan resolusi 242 Bangsa-bangsa Bersatu itu;
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa mengiktiraf negara Palestin yang terdiri dari Tebing Barat Sungai Jordan dan Semanjung Gaza juga bererti mengiktiraf negara Zionis Israel;
- (c) adakah kerana pengiktirafan itu dibuat kerana kebanyakan

negara Arab mengiktirafnya atau ianya dibuat berdasarkan prinsip keadilan;

- (d) oleh kerana itu Palestin itu adalah masalah umat Islam seluruhnya, apakah Kerajaan tidak merasa perlu membincangkan dan mendapatkan pandangan umat Islam secara menyeluruh sebelum pendirian atas perkara tersebut; dan
- (e) oleh kerana pengiktirafan itu bertentangan dengan semangat umat Islam, adakah Kerajaan sedia menimbang untuk menarik balik pengiktirafan itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): (a) Sebagaimana Dewan sedia maklum, pendirian Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin yang diperjuangkan melalui PLO adalah jelas. Kita menyokong dengan sepenuh-penuhnya hasrat rakyat Palestin untuk menubuhkan sebuah negara sendiri yang merdeka, tanpa sebarang halangan dari negara lain. Sokongan Malaysia kepada perjuangan PLO telah lama dibuat dan kita telah banyak membantu mereka sama ada dari segi sokongan moral dan politik di semua persidangan-persidangan antarabangsa, mahupun secara bantuan kewangan yang kita kutip daripada segenap lapisan rakyat Malaysia melalui Tabung Rakyat Palestin. Sokongan kita kepada pembentukan negara Palestin adalah ekoran daripada sokongan yang kita beri selama ini. Ianya akan dapat mempertingkatkan perjuangan mereka untuk mengambil kembali dan menubuhkan satu negara mereka di atas tanah kepunyaan mereka. Pengiktirafan kita kepada negara Palestin bukanlah dibuat dengan tergesa-gesa kerana kita telah mengambil kira berbagai-bagai aspek sebelum ini.

(b) Pengiktirafan negara Palestin tidak semestinya bererti kita

mengiktiraf negara Zionis Israel. Kita hanya mengakui bahawa Israel itu wujud pada hakikatnya dan telah menjadi anggota PBB, tetapi kawasan yang merangkumi negara Israel itu perlulah ditetapkan melalui perundingan dengan Palestin, dengan mengambil kira hak-hak orang Palestin itu sendiri. Sekiranya dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu oleh Kerajaan Palestin dan Israel supaya kedua-dua negara itu wujud bersama-sama maka Kerajaan Malaysia akan dengan sewajarnya menimbangkan dasar kita di dalam hal ini.

(c) Pendirian dan sokongan kita kepada penubuhan negara Palestin adalah mengambil kira berbagai-bagai faktor, termasuk pendirian bersama yang dipersetujui oleh Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC). Tetapi pada hakikatnya pengiktirafan itu adalah selaras dengan pendirian kita yang berdasarkan prinsip keadilan.

(d) Sebagaimana yang telah dinyatakan, pengiktirafan itu ada mengambil kira pendirian yang telah dicapai oleh negara-negara Islam di Persidangan OIC. Pengiktirafan oleh Malaysia adalah selaras dengan pendirian negara Islam yang lain yang kebanyakannya telah juga mengiktiraf negara Palestin.

(e) Pengiktirafan itu tidak bertentangan dengan semangat Umat Islam yang mahukan keadilan untuk rakyat Palestin; oleh itu Kerajaan tidak akan menarik balik pengiktirafan itu.

PEJABAT POS TAWAU— PEMBINAAN

25. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada pihak Jabatan Kerjaraya telah memilih tapak dan telah mengeluarkan tender yang perlu untuk pembinaan Pejabat Pos Tawau yang baru. Apakah Kerajaan menjangka kelewatan seterusnya di dalam permulaan dan penyelesaian

projek tersebut yang benar-benar terlewat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Jabatan Kerjaraya telah pun memilih tapak untuk Pejabat Pos Tawau tetapi tender bagi pembinaannya hanya dijangka dapat dikeluarkan pada hujung bulan ini. Pembinaan projek tersebut akan dibuat secara “lump sum” dan Jabatan Kerjaraya menjangka tidak ada masalah yang menyebabkan kelewatan akan berlaku.

LESEN MEMANDU BARU

26. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) pelaksanaan lesen baru memandu kenderaan—adakah ianya untuk menimbulkan masalah. Bila dan bagaimana ianya dilaksanakan; dan
- (b) apakah lesen bentuk baru ini lebih selamat dari yang terdahulu. Apakah ciri-ciri keselamatan. Bukankah ianya membebankan?

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Pelaksanaan pengeluaran lesen memandu baru bukanlah bertujuan untuk menimbulkan masalah kepada orang awam. Sebaliknya, ia bertujuan untuk menyenangkan orang-orang awam untuk mendapatkan lesen memandu secara lebih cepat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pengeluaran lesen memandu terdahulu dari ini adalah dipusatkan di Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Dengan yang demikian, lesen-lesen hanya dapat diserahkan kepada pemohon dalam tempoh 4 hingga 6 minggu selepas permohonan diterima. Di bawah peraturan yang ada sekarang, semua lesen akan diproses oleh JPJ

Negeri sendiri dan dengan ini lesen akan dapat diserahkan kepada pemohon pada hari yang sama.

Pelaksanaan pengeluaran lesen memandu ini telah mula pada 30 Januari 1989. Semenjak pelancarannya, adalah didapati bahawa sambutan dari orang awam adalah sangat baik.

Berhubung dengan soalan yang kedua dari Ahli Yang Berhormat, lesen baru berbentuk kertas adalah lebih lembut jika dibandingkan dengan lesen yang lama dan ianya juga tidak mudah patah. Dari segi bentuk formatnya ianya adalah serupa dengan lesen yang lama dan tidak mendatangkan sebarang kekeliruan kepada orang-orang awam. Cuma yang berbezanya adalah lesen baru ini dibalut dengan plastik sedangkan lesen lama dilapis.

Lesen memandu baru yang dikeluarkan oleh JPJ di segi kosnya adalah jauh lebih menjimatkan jika dibandingkan dengan pengeluaran lesen lama. Kos lesen kertas yang dibalut plastik yang dicetak oleh Percetakan Keselamatan Kerajaan cuma 60 sen sahaja. Sedangkan untuk lesen memandu berlapis, Kerajaan terpaksa membayar \$2.09 bagi setiap kad.

Di segi keselamatan, lesen-lesen baru ini dilengkapi dengan beberapa ciri keselamatan tertentu. Demi kawalan keselamatan ciri-ciri ini tidaklah dapat saya nyatakan secara terperinci di sini. Walau bagaimanapun untuk makluman Dewan, ciri-ciri tersebut melibatkan ciri-ciri keselamatan yang boleh dilihat dengan mata kasar dan juga yang hanya boleh dilihat dengan bantuan alat-alat tertentu.

Untuk makluman semua ingin saya maklumkan bahawa utusan mengeluarkan lesen memandu baru sedang berjalan lancar dan tidak membebankan.

PENDATANG HARAM VIETNAM

27. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang untuk mendaftarkan pelari-pelari Vietnam sebagai pekerja-pekerja ladang untuk menggantikan pendatang-pendatang haram Indonesia jika ladang-ladang dalam negara kita benar-benar tidak dapat pekerja-pekerja tempatan yang mencukupi, memandangkan pelari-pelari Vietnam lebih mudah dikawal, jika tidak, kenapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak ada cadangan untuk mendaftarkan Pendatang Haram Vietnam (PHV) yang telah ada di negara ini untuk bekerja disektor perladangan. Ini kerana Kerajaan tidak memerlukan tenaga mereka dan kehadiran mereka ke sini adalah sebagai batu loncatan untuk berhijrah ke negara ketiga.

KBSM—PELAKSANAAN

28. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin Ibrahim minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat banyak keluhan-keluhan daripada ibubapa dan kanak-kanak berkenaan dengan bebanan kerja dan tekanan pembelajaran ke atas kanak-kanak di bawah sistem baru KBSM. Jika sedar apakah cadangan dan langkah-langkah Kementerian Pendidikan untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang menyedari bahawa terdapat keluhan daripada ibubapa dan kanak-kanak mengenai pelaksanaan KBSM. Walau bagaimanapun dari segi bebanan kerja, KBSM tidaklah mempunyai perbezaan besar dengan Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM). Malahan jumlah mata pelajaran dalam KBSM telah dikurangkan daripada jumlah

asal yang dirancangan. Di samping itu, sekolah juga diberi kelonggaran untuk menyesuaikan jadual waktu supaya tidak menyusahkan pelajar dan ibubapa. Masalah yang timbul ialah kekurangan bilik darjah dan masalah Pengangkutan. Bagi mengatasi masalah ini Kementerian Pendidikan merancang untuk membina dengan segera bilik-bilik darjah yang diperlukan. Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah pula dikehendaki berunding dengan pihak pengangkutan bas sekolah supaya masalah pengangkutan dapat diatasi dengan kadar segera.

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR —PAPAN KEDUA

29. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan kesan menyeluruh daripada penyenaian papan kedua BSKL di Kuala Lumpur semenjak ia dilancarkan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah dilancarkan pada 11 November 1988 bagi memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang kecil dan sederhana, tetapi mempunyai kedayamajuan, untuk disenaraikan di BSKL. Ini, di antara lain, adalah untuk membolehkan syarikat-syarikat tersebut menambahkan modal dengan cara mendapatkan modal tambahan daripada orang-orang awam bagi tujuan membiayai cadangan-cadangan pembesaran operasi dan perkembangan syarikat. Di samping itu, dengan adanya Papan Kedua di BSKL para pelabur akan mendapat lebih banyak pilihan saham dalam membuat pelaburan di bursa tempatan. Buat masa ini adalah terlalu awal bagi mengukur minat dan sambutan syarikat-syarikat tempatan terhadap penyenaian di Papan Kedua. Kebanyakan syarikat berkenaan memerlukan masa untuk

menyusun semula dan mengemas-kinikan struktur syarikat bagi memenuhi kehendak-kehendak penyenaian di Papan Kedua sebelum permohonan dikemukakan kepada Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) untuk pertimbangan dan kelulusan.

Semenjak Papan Kedua dilancarkan, hanya satu syarikat sahaja yang telah memohon dan mendapatkan kelulusan CIC untuk disenaraikan di Papan Kedua. Walau bagaimanapun, CIC telah menerima beberapa pertanyaan daripada syarikat-syarikat tertentu menyatakan hasrat untuk mengemukakan permohonan bagi mendapatkan taraf penyenaian di Papan Kedua.

KONTRAKTOR CHINA-MALAYSIA—PERTUKARAN LAWATAN

30. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sambutan dan langkah Kerajaan terhadap Cadangan Kerajaan China supaya dipertingkatkan pertukaran lawatan antara Kontraktor China dan Negara ini bagi membolehkan mereka berkongsi pengalaman dengan lebih berkesan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa tidak ada sebarang perbincangan khusus mengenai pertukaran lawatan antara kontraktor China dengan negara ini.

SURI RUMAH MEMULAUKAN BARANG-BARANG

31. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada seruan beliau supaya suri-suri rumah memulaukan barang-barang penting yang harganya melambung tinggi telah disahut. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak

Kementerian bagi memastikan agar mereka yang tidak bertanggungjawab menaikkan harga barang-barang keperluan itu dapat dikesan dan seterusnya diambil tindakan yang wajar. Dan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk memperketatkan lagi undang-undang serta peraturan-peraturan yang ada bagi menghukum lebih berat mereka yang sewenang-wenangnya menaikkan harga barang-barang.

Tuan M. G. Pandithan: Jawapan bagi soalan ini telah pun dijawab bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Tebrau pada 8-3-89. Jawapan tersebut telah disampaikan oleh Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, tetapi disebabkan jawapan tersebut terlalu panjang maka Tuan Yang di-Pertua telah bersetuju supaya jawapan ini diberi secara bertulis. Oleh itu saya berhajat tidak akan mengulanginya lagi.

PROTON SAGA—KERUGIAN/ KEUNTUNGAN

32. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah kerugian atau keuntungan terkumpul Projek Proton Saga dari akaun terakhir;
- (b) sebab-sebab cadangan pengeksportan kereta Proton Saga ke Amerika Syarikat telah dibatalkan;
- (c) butir-butir berkaitan terhadap jualan kereta nasional itu di United Kingdom pada masa sekarang; dan
- (d) harga jualan purata sebuah Proton Saga di United Kingdom.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Kasitah bin Gaddam):

- (a) Sehingga 31 Mac 1988, PROTON mengalami kerugian

terkumpul berjumlah \$169,197 juta. Bagaimanapun, bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1989, PROTON dijangka membuat keuntungan operasi buat pertama kalinya.

- (b) Cadangan pengeksportan kereta Proton Saga ke Amerika Syarikat dibatalkan adalah kerana kegagalan pihak Proton Amerika Incorporated (PAI) memenuhi tanggungjawabnya seperti yang dinyatakan dalam "Distributorship Agreement". Mengikut perjanjian tersebut, PAI disyaratkan mendapatkan pengesahan kenderaan (vehicle certification) dan kelulusan Kerajaan Persekutuan dan Negeri di Amerika Syarikat bagi membolehkan kereta Nasional dieksport ke negara tersebut. Sehingga penamatan perjanjian dengan syarikat berkenaan, ia belum memperolehi pengesahan-pengesahan yang diperlukan.
- (c) Sehingga 10 Mac 1989, sebanyak 1,730 unit Proton Saga telah dieksport ke United Kingdom.
- (d) Harga jualan purata sebuah kereta Proton Saga di United Kingdom ialah, 5,999 hingga 8,299 pound. Harga sebenarnya adalah bergantung kepada model dan aksesori kereta yang dibeli.

KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH—JUMLAH

33. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah Koperasi Pembangunan Daerah di seluruh negara. Apakah peranan KPD dan Koperasi Pembangunan Negara @ KPN. Bagaimana prestasi KPN dan KPD secara keseluruhan. Apakah masalah yang sedang dihadapi oleh KPD dan KPN pada hari ini.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Soalan yang dikemukakan hari ini adalah hampir sama dengan soalan yang telah dikemukakan pada 13-3-1989 oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam atas hal Koperasi Pembangunan Daerah dan pihak Kementerian telah memberi jawapan yang panjang lebar.

Peranan KPN adalah untuk menjaga kepentingan ahli-ahlinya dengan mengadakan kemudahan-kemudahan bagi membolehkan mereka menjalankan pekerjaan masing-masing depan sempurna.

Bagi mencapai tujuan-tujuan tersebut, KPN boleh di antara lain:

- (a) membekalkan bahan-bahan binaan, alat-alat jentera dan barang-barang pengguna;
- (b) mengimport alat-alat jentera dan barangan yang diperlukan dan mengeksport barang-barang keluaran ahli;
- (c) menyewa alat-alat jentera kepada ahli;
- (d) menjalankan aktiviti-aktiviti perumahan dan perdagangan samada persendirian atau secara usahasama;
- (e) mengambil kerja-kerja kontrak pembangunan untuk dijalankan persendirian atau diserahkan kepada ahli-ahli untuk pelaksanaan;
- (f) memperolehi tanah untuk dimajukan sebagai ladang, rancangan perumahan dan pusat-pusat perniagaan/pejabat.

Prestasi

- (a) Pada amnya KPN telah berjaya membekalkan Polybag Polypropylene & Polyethylene Woven Bag Baja Skim Subsidi kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Syarikat Perniagaan Peladang MARA (SPPM).

- (b) Membekalkan Baja Diammonium Phosphate (DAP) skim subsidi bagi padi kepada Kementerian Pertanian Malaysia.
- (c) Membekalkan baja ke rancangan Felda di Negeri Sembilan dan Pahang.
- (d) Pembinaan jalan dan pembinaan bangunan.

Masalah

Masalah-masalah yang dihadapi oleh KPN adalah sama dengan koperasi jenis yang sama. Di antara masalah-masalah tersebut termasuklah:

- (a) Kekurangan kepakaran dan kemahiran dalam bidang pembinaan;
- (b) Pengurusan yang kurang berpengalaman;
- (c) Modal berbayar terhad; dan
- (d) Kekurangan penglibatan ahli secara aktif.

Kementerian sedang berusaha sedaya upaya untuk mengatasi masalah KPN.

RUMAH TUMPANGAN SEMENTARA PEMELUK ISLAM

34. Tuan Haji Mohamad Yussof bin Haji Abdul Latib minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan rumah tumpangan sementara bagi pemeluk-pemeluk Islam yang lari dari keluarga yang tidak mahu menerima mereka lagi.

Setiausaha Parlimen Di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan di dalam soalan ini adalah termasuk di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk menjawabnya di Dewan yang mulia ini.

**RASUAH DALAM BAHAGIAN
PINJAMAN KEMENTERIAN
KEWANGAN**

35. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil siasatan yang telah dilakukan oleh pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah ke atas pegawai-pegawai Bahagian Pinjaman Kerajaan di Kementerian Kewangan yang menerima rasuah tidak lama dahulu.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Perkara berkenaan masih lagi di dalam perhatian dan tindakan pihak Badan Pencegah Rasuah kerana kes ini melibatkan banyak fail dan dokumen-dokumen yang perlu disemak dan diteliti secara terperinci.

PEGAWAI TADBIR AM (P.T.A)

36. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kenapa Pegawai-pegawai Tadbir Am (P.T.A.) tidak setuju dengan cadangan yang dibuat oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menyerapkan mereka ke Skim Perkhidmatan P.T.D.; dan
- (b) berapa ramai mereka yang akan terlibat dan apakah langkah Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor;

(a) Pegawai-pegawai Tadbir Am tidak bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam bagi pertukaran perkhidmatan mereka ke dalam perkhidmatan P.T.D. kerana beberapa sebab:

- (i) mereka mahu supaya kemasukan mereka ke

perkhidmatan P.T.D. dibuat secara penyerapan dan bukannya melalui pertukaran perkhidmatan seperti yang ditawarkan; dan

- (ii) mereka tidak bersetuju dengan beberapa syarat pertukaran perkhidmatan yang telah ditetapkan dan telah meminta syarat-syarat ini dilonggarkan.

(b) bilangan P.T.A. yang terlibat dalam urusan pertukaran perkhidmatan ini ialah seramai 1,313 orang yang terdiri daripada P.T.A. Tingkatan Tertinggi "G" seramai 7 orang, P.T.A. Tingkatan Kanan seramai 261 orang dan P.T.A. Tingkatan Biasa seramai 1,045 orang. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menyelesaikan masalah yang dibangkitkan oleh Persatuan Pegawai Tadbir Am (PERTAM). Langkah-langkah itu ialah mengubahsuai beberapa syarat-syarat pertukaran perkhidmatan P.T.A. ke dalam perkhidmatan P.T.D. yang difikirkan boleh memberi faedah kepada P.T.A. yang bersetuju bertukar perkhidmatan ke dalam perkhidmatan P.T.D.

**TENTERA MALAYSIA SEBAGAI
PEMERHATI DI IRAN-IRAQ**

37. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pertahanan menyatakan tugas Kontinjen Pertama Pegawai-pegawai Angkatan Tentera Malaysia yang berkhidmat dalam Persatuan Pemerhati Tentera Iran-Iraq Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNIIMOG) dan prestasinya sehingga kini. Adakah Kementerian Pertahanan bercadang untuk memperbesarkan Kontinjen

tersebut di masa hadapan dan adakah keanggotaan Kontinjen akan ditambah dengan pegawai-pegawai awam daripada Kementerian Pertahanan ataupun lain-lain Jabatan Kerajaan.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj): Jawapan kepada pertanyaan ini telah pun dijawab pada 10hb Mac, 1989 bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Larut. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

(Soalan No. 38. Sila lihat jawapan No. 13 pada 7-3-89)

MASKAHWIN—BAYARAN DISERAGAMKAN

39. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan tindakan ada cadangan Majlis Agama Islam Malaysia agar diadakan satu undang-undang yang seragam tentang bayaran MASKAHWIN, kita tidak mahu umat Islam di negara ini nanti banyak yang tidak mahu berkahwin kerana tidak mampu untuk membayar MASKAHWIN yang tinggi atau mereka akan melakukan sesuatu yang menjejaskan seperti mengharamkan diri dari berkahwin dan menghalalkan pelacuran atau sanggup mencari wang secara haram untuk menyediakan maskahwin yang banyak itu. Dan ini boleh berlaku apabila pegangan agama tidak kukuh.

Tuan Othman bin Abdul: Undang-undang Keluarga Islam telah diselaraskan dan diseragamkan. Walau bagaimanapun, undang-undang itu tidak menetapkan kadar maskahwin kerana ini adalah bertentangan dengan hukum Syarak. Masalah orang tidak dapat berkahwin kerana maskahwin tinggi tidak berlaku pada masa ini di negara ini.

LUNYAI KAWASAN LARANGAN TENTERA

40. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tiga orang budak yang berumur di antara 10 dan 12 tahun hampir maut apabila mereka membaling "40 mm grenade launcher" ke arah beberapa lembu dan meletup kawasan latihan menembak Kota Belud. Tempat ini adalah kawasan larangan tetapi mengapakah senjata atau bahan letupan dapat dikeluarkan dari kawasan tersebut dengan mudahnya. Apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil dengan segera oleh Kementerian beliau untuk mengatasi kejadian seperti ini berlaku.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-haj: Masalah penduduk tempatan mencerobohi ke kawasan Lunyai (impact area) bukanlah suatu perkara baru. Kemasukan penduduk tempatan ke kawasan tersebut sentiasa berlaku tanpa memperdulikan risiko yang akan menimpa mereka.

Sebagai kawasan larangan, pihak kuasa tentera telah pun mengambil beberapa langkah tertentu untuk mencegah orang ramai dari menceroboh masuk ke kawasan berkenaan dengan meletakkan papan-papan tanda di sekitar kawasan Lunyai sebagai amaran kepada penduduk akan bahayanya kawasan ini. Surat-surat pemberitahuan juga telah dihantar kepada semua Ketua Kampong untuk meminta jasabaik dan kerjasama mereka supaya jangan membenarkan anak-anak buah mereka memasuki kawasan Lunyai yang telah diistiharkan sebagai kawasan larangan kepada semua orang awam.

Walaupun bagaimanapun, kesemua langkah yang diambil itu tidak memberi sebarang kesan kepada penduduk berkenaan, malah pencerobohan masih terus berlaku sehingga mereka sanggup mengadakan

pesta menuai di kawasan tersebut. Keengganan penduduk mematuhi arahan ini telah mengakibatkan ancaman keselamatan kepada mereka di mana sesiapa yang berada di dalam kawasan tersebut adalah terdedah kepada bahaya seperti peristiwa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Di sini suka saya tegaskan bahawa kawasan latihan Kota Belud adalah penting kepada Angkatan Tentera Malaysia. Ianya sungguh sesuai untuk melaksanakan latihan peperangan Konvensyenal dan menjadi kawasan tunggal di Sabah/Sarawak di mana latihan medan/tembak menggunakan peluru hidup boleh dijalankan.

Memandangkan kawasan latihan ini luas, adalah tidak wajar untuk memagar sekeliling kawasan tersebut dan ianya juga akan melibatkan kos yang banyak. Oleh kerana kawasan ini kawasan latihan yang menggunakan bom-bom hidup maka kawasan ini amat merbahaya kepada orang ramai.

(Soalan No. 41. Sila lihat jawapan No. 13 pada 7-3-89).

DIFTERIA DI PERKAMPUNGAN ARQAM SUNGAI PENCHALA

42. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kesihatan menyatakan cara bagaimana penyakit difteria merebak di perkampungan Arqam Kampung Sungai Penchala. Apakah jenis Difteria yang merebak di sini. Mengapakah Kerajaan tidak mengarahkan supaya perkampungan Arqam menjadi kawasan kuarantin dengan sepenuhnya. Apakah keadaan pelalian di perkampungan tersebut sebelum kematian Difteria berlaku. Apakah peraturan pelalian di seluruh negara.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes pertama Difteria daripada

perkampungan Arqam di Sungai Penchala telah dikesan di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 5-2-1989 dan telah meninggal dunia dalam masa 17 jam. Pihak Berkuasa Kesihatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil tindakan segera bagi mengesan punca terjadinya penyakit ini. Berikut daripada itu seramai enam kes dan 13 pembawa penyakit telah dikesan dan kebanyakan daripada mereka ini adalah kanak-kanak yang tinggal di Kampung Sungai Penchala. Kuala Lumpur. Walaupun kemudahan klinik disediakan kira-kira 1 km dari perkampungan ini dan lawatan jururawat dibuat dua kali dalam tahun 1988 ke kampung ini untuk memberi suntikan namun liputan imunisasi masih lagi rendah. Pemeriksaan menunjukkan hanya kira-kira 15% sahaja daripada kanak-kanak di perkampungan ini yang mendapat imunisasi yang lengkap berbanding dengan 71% bagi seluruh negara. Oleh kerana itu Pihak Berkuasa Kesihatan Dewan Bandaraya telah mengadakan kempen imunisasi dan rawatan prophylaxis kepada semua kontek yang rapat.

Mereka yang disyaki sakit telah dirujuk ke Hospital Besar Kuala Lumpur bagi tujuan rawatan dan pengasingan.

Di samping itu masyarakat setempat telah dinasihatkan agar mengurangkan pergerakan keluar daripada kampung, demikian juga mereka yang ingin melawat kaum keluarga mereka di kawasan ini supaya tidak berbuat demikian.

Berdasarkan tindakan segera dengan pemberian suntikan dan ubat antibiotik, kejadian penyakit ini telah dapat dibendung dengan cepat tanpa kematian tambahan. Oleh kerana itu kawalan yang terlalu ketat ke atas pergerakan orang ramai adalah tidak perlu.

Berhubung dengan bakteria penyebab, analisa makmal mendapati penyebab utama adalah kuman difteria dari biotype mitis (*Corynebacterium diphtheriae* biotype mitis).

KEPERLUAN HARGA BARANG—BARANG—KENAIKAN

43. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah usaha dan langkah yang telah dibuat untuk mencegah peniaga-peniaga menaikkan harga barang-barang keperluan rakyat dengan sewenang-wenangnya. Berapakah kes-kes tangkapan yang telah dilakukan mengenaunya.

Tuan M. G. Pandithan: Jawapan bagi soalan ini telah pun dijawab bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Tebrau pada 8-3-89. Jawapan tersebut telah disampaikan oleh Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, tetapi, disebabkan jawapan tersebut terlalu panjang maka Tuan Yang di-Pertua telah bersetuju supaya jawapan ini diberi secara bertulis. Oleh itu, saya berhajat tidak akan mengulanginya lagi.

MENGHASUT RAKYAT

44. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan Kementerian ini terhadap golongan-golongan yang sentiasa menghasut orang ramai supaya tidak sembahyang Jumaat di mukim-mukim yang mana lazimnya dari orang-orang yang menyokong Kerajaan. Sebagaimana tindakan yang telah diambil terhadap Al-Arqam kerana mereka ini boleh dianggap mengajar ajaran yang salah.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Perkara yang Ahli Yang Berhormat bangkitkan itu adalah suatu kesalahan yang

termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam, dan penguatkuasaan undang-undang itu adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama Islam negeri.

HAKIM MAHKAMAH TINGGI—LANTIKAN

45. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada terdapat cadangan melantik lebih Hakim Mahkamah Tinggi. Jika ya, nyatakan bilangan yang Kerajaan cadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Kerajaan memang berhasrat untuk melantik lebih ramai Hakim Mahkamah Tinggi memandangkan bilangan kes-kes yang tertangguh. Tetapi bilangan yang sebenar akan bergantung kepada kemampuan Kerajaan.

PENDATANG HARAM—HUKUMAN ROTAN

46. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk membentangkan undang-undang yang sama dengan Singapura yang mengenakan hukuman rotan ke atas pendatang-pendatang haram kerana kesalahan-kesalahan imigresen untuk mengawal bilangan mereka di negara kami yang kian meningkat; dan kalau tidak mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan hukuman rotan terhadap Pendatang-pendatang Tanpa Izin, memandangkan hukuman yang ada sekarang dirasakan telah pun berpadanan iaitu mengikut Seksyen 57 Akta Imigresen (Pindaan 1988), hukuman yang dikenakan terhadap Pendatang Tanpa Izin ialah denda tidak melebihi \$10,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-dua sekali.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Ketujuh.” (15hb Mac, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung jawapan saya.

Menyentuh mengenai bidang ekonomi pertanian seperti yang di bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut, ingin saya menjelaskan di sini bahawa Kementerian Pertanian sememangnya sedar tentang potensi dari sudut teknikal dan ekonomi pembangunan komoditi tertentu terutamanya bahan-bahan makanan untuk memenuhi keperluan pengguna tempatan dan juga untuk dieksport.

Pemilihan komoditi yang ingin dimajukan perlulah dibuat dengan teliti berasaskan pertimbangan-pertimbangan yang tertentu dan tidak semua jenis tanaman yang boleh hidup di negara ini boleh digalakkan untuk dibangunkan secara komersial. Pergantungan negara kepada import bahan-bahan keperluan pertanian akan dapat dikurangkan secara beransur-ansur dengan adanya perancangan dan pelaksanaan pelan pembangunan komoditi oleh Kementerian.

Pembangunan sesuatu komoditi memerlukan sumbangan dan adunan beberapa input penting terutamanya tanah, modal dan keusahawanan. Wujudnya gejala tanah terbiar sama ada tanah sawah atau bukan sawah mencerminkan keadaan, dengan izin, equilibrium input-input tersebut. Ini bermakna bahawa modal dan buruh sebagai faktor pengeluaran telah disalur dan digunakan dalam aktiviti bukan persawahan atau perladangan di mana kadar pulangan atas faktor berkenaan adalah lebih menarik jika dibandingkan dengan penggunaan faktor tersebut bagi membangunkan tanah terbiar.

Untuk membangunkan tanah terbiar, pendekatan yang diambil ialah merubah keadaan equilibrium tersebut dengan memperkenalkan berbagai bentuk kemudahan dan insentif untuk menjadikan aktiviti persawahan atau perladangan di atas tanah tersebut lebih menarik.

Di antara kemudahan yang disediakan ialah menyediakan peruntukan kewangan dan khidmat sokongan teknikal, insentif pelaburan dan penglibatan Lembaga Pertubuhan Peladang sebagai agensi utama menyelaraskan program pembangunan tanah sawah terbiar. Dalam keadaan tertentu di mana pembangunan dijalankan secara besar-besaran menerusi berbagai model, umpamanya, estet mini, projek berkelompok atau, dengan

izin, core management, penggunaan peralatan dan teknologi yang bersesuaian, sudah tentu akan membantu mempergiatkan proses pembangunan tersebut dan memungkin pencapaian kadar pulangan ke atas pelaburan yang lebih tinggi.

Dari segi penglibatan Kementerian Pertanian dalam program pembangunan tanah sawah terbiar, peruntukan sejumlah \$6.92 juta telah disalurkan untuk memajukan berbagai projek pemulihan dari tahun 1986 hingga 1988, melibatkan 8,428 hektar. Bagi tahun 1989 peruntukan sebanyak \$5 juta telah disediakan untuk meneruskan program ini.

Dari segi keluasan sawah yang telah dipulihkan sejak 1981 adalah dianggarkan bahawa 60,119 hektar telah berjaya dipulihkan oleh Jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan juga FELCRA. Sehingga sekarang Kerajaan telah berjaya memulihkan 51% tanah-tanah terbiar di seluruh negara. Ini adalah berasaskan keluasan tanah sawah terbiar yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Pertanian pada tahun 1981 iaitu seluas 160,863 hektar. Pada akhir 1987 baki sawah terbiar yang belum dipulih ialah seluas 87,338 hektar.

Mengenai penerapan ilmu pertanian, pada para petani di peringkat akar umbi, sukacita dimaklumkan bahawa sememangnya Kementerian mempunyai mekanisme pemindahan pengetahuan dan teknologi melalui rangkaian ejen pengembangan yang sentiasa bersedia memberi bimbingan dan khidmat teknikal kepada kumpulan petani yang memerlukan khidmat yang berkenaan. Selain daripada itu kursus dan latihan tertentu juga dari masa ke semasa untuk meningkatkan tahap kefahaman dan kemahiran para petani.

Dari segi pemasaran hasil-hasil pertanian usaha-usaha berterusan sedang dijalankan untuk meluaskan

luang pasaran dan meneroka pasaran baru di dalam dan di luar negeri bagi keluaran pertanian. Antara usaha-usaha tersebut ialah mewujudkan pasar-pasar tani, menghantar, dengan izin, trial shipment buah-buahan ke negara-negara asing, membaiki sistem pengesanan, penawaran dan permintaan hasil-hasil keluaran pertanian tertentu dan mengadakan peruntukan khas untuk promosi pemasaran di luar negeri.

Sekarang ingin saya menjelaskan beberapa yang berkaitan dengan tanah-tanah terbiar yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit petang semalam. Tuan Yang di-Pertua, kejayaan pemulihan program tanah terbiar tidaklah semata-mata bergantung kepada jumlah kewangan yang diperuntukkan. Di samping peruntukan kewangan faktor-faktor seperti sikap petani dan keinginan serta keizinan daripada tuan-tuan tanah dalam bekerjasama untuk melaksanakan program ini juga turut mempengaruhi perkembangan program pemulihan tanah sawah terbiar.

Dalam menjayakan program ini, Kementerian Pertanian telah menyediakan pertuntukan kewangan secara langsung bagi membiayai kos infrastruktur asas seperti pembinaan sistem perairan, jambatan dan jalan ladang. Bagi membiayai kos-kos pembangunan yang lain seperti pembersihan kawasan, pembajakan dan input pertanian. Kementerian telah menyediakan kemudahan pinjaman di bawah skim pinjaman khas pertanian dengan dikenakan kadar faedah yang rendah dan syarat-syarat pinjaman yang mudah. Umpamanya, dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian telah diperuntukkan sebanyak \$14 juta untuk pembiayaan secara langsung dan \$13.7 juta secara kredit. Selain daripada itu, Kerajaan-kerajaan negeri juga turut memberi sumbangan kewangan bagi membiayai program

pemulihan tanah sawah terbiar ini. Sebenarnya terdapat beberapa masalah lain yang mempengaruhi kelembapan program pemulihan tanah terbiar ini. Antaranya ialah masalah untuk mendapatkan persetujuan tuan-tuan punya tanah, soal absentee landlord, dengan izin, sikap petani yang tidak berani untuk menanggung risiko bagi membuat pinjaman yang terdapat juga sebilangan kecil yang enggan membuat pinjaman di atas alasan-alasan tertentu. Kementerian Pertanian sentiasa memberi pertimbangan kepada permohonan-permohonan untuk memulihkan tanah-tanah terbiar sekiranya projek yang dicadangkan didapati berdaya maju dan menguntungkan.

Dalam hal ini, LPP telah dilantik menjadi agensi utama untuk mengesan dan menyelaras pelaksanaan projek di bawah program ini. LPP dengan mengguna khidmat PPK menjalankan usaha mengenal pasti tuan-tuan tanah sawah terbiar dan juga mendapat persetujuan mereka untuk memajukan tanah sawah terbiar itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih dan penuh penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan/tegaran terhadap Kementerian Pertanian. Saya mohon maaf sekiranya ada perkara-perkara yang dikemukakan tetapi tidak sempat dijawab di dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara yang telah disentuh itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

3.43 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin

Othman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan menjunjung kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan seterusnya telah mengemukakan cadangan dan teguran mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Semporna telah membangkitkan isu pembekalan elektrik di kawasan Semporna yang sering kali terputus akibat kerosakan janakuasa. Pada masa ini Lembaga Letrik Sabah mempunyai 10 janakuasa yang terdiri dari 5 set 300 KV dan 5 set 500 KV yang dapat menghasilkan jumlah keupayaan terpasang sebanyak 4000 KV. Walau bagaimanapun terdapat 3 set 500 KV janakuasa dan satu set 300 KV yang telah tidak dapat beroperasi kerana kerosakan dan sedang diperbaiki. Oleh yang demikian keupayaan sebenar stesen Semporna ialah 1670 KV. Sungguhpun begitu beban puncak sebenar stesen Semporna ialah 1600 KV sahaja dan Lembaga Letrik Sabah masih mampu membekalkan tenaga elektrik yang mencukupi. Pembaikan bagi 2 set 200 MV yang rosak akan dijadualkan pada bulan Mei dan Ogos 1989. Sebenarnya masalah yang dihadapi oleh Lembaga Letrik Sabah di Semporna ialah kualiti air penyejuk yang tidak begitu baik dan cukup dan masalah bekalan air hanya diatasi apabila water treatment plant yang akan dipasang dan mula ditugaskan pada bulan April 1989.

Lembaga Letrik Sabah juga telah merancang untuk mengukuhkan bekalan tenaga letrik di daerah Semporna dengan memasang dua set 1 MV yang diambil dari stesen Tawau dan pemasangan dua set 1 MV janakuasa akan dimulakan pada penghujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Jerai menimbulkan soal kesulitan untuk mendapatkan pondok telefon awam luar bandar setelah Syarikat Telekom Malaysia diwujudkan. Sebenarnya kriteria permohonan pemasangan pondok telefon awam di luar bandar adalah masih tidak berubah daripada apa yang diamlakan oleh Jabatan Telekom Malaysia dahulu iaitu daripada Jawatankuasa Kemajuan Kampung melalui Pejabat Daerah dan Pegawai Kemajuan Negeri kepada pihak Syarikat Telekom Malaysia.

Mengikut daripada perangkaan yang ada jumlah pondok telefon yang dirancang dan peruntukan kewangan yang diperuntukkan pada tiap-tiap tahun semakin meningkat. Pada tahun 1985, 644 telefon pada kos \$5.76 juta, pada tahun 1986, 506 telefon \$4.96 juta, tahun 1987, 791 bilangan telefon pada kos \$7.44 juta pada tahun 1988, 627 telefon pada kos \$3.78 juta dan pada tahun ini 684 telefon pada kos \$4.56 juta.

Berhubung dengan kelambatan membaiki kerosakan telefon awam di luar bandar, adalah tidak dinafikan bahawa terdapat kerosakan yang memerlukan masa lebih daripada satu minggu untuk memperbaikinya. Masa yang panjang terpaksa diambil apabila ianya melibatkan kerosakan talian ataupun ketiadaan alat ganti telefon. Masalah ini sebenarnya sudah dialami sejak daripada dulu iaitu pada masa sebelum ianya diswastakan dan sesuai dengan peranannya untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan telefon awam maka Syarikat Telekom Malaysia sedang cuba untuk mengurangkan dan seterusnya untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, penjelasan-penjelasan yang telah saya berikan diharap dapat menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di

atas pandangan yang telah diberikan ke atas Kementerian saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat terhadap Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan seterusnya membangkitkan beberapa teguran semasa perbahasan ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Yang Berhormat dari Pasir Pinji telah membangkitkan soal kebocoran gas amonia di Tangga Batu, Melaka pada penghujung bulan Februari yang lalu. Ingin saya memaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri Melaka telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyiasat terhadap kejadian kebocoran gas amonia itu. Wakil dari Jabatan Alam Sekitar adalah salah seorang daripada anggota-anggota Jawatankuasa tersebut. Adalah diketahui bahawa pihak Jawatankuasa Penyiasatan ini sedang menyediakan laporan yang berkenaan. Di samping itu pihak pengusaha yang terlibat iaitu Syarikat Teknogas Sdn. Bhd. telah mengemukakan laporannya mengenai kejadian tersebut kepada Jabatan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Alam Sekitar sentiasa menghendaki industri-industri seumpama ini menyediakan satu Pelan Tindakan Semasa Kecemasan atau Emergency Response Plan, dengan izin, masing-masing untuk mengatasi masalah seperti yang telah berlaku di negeri Melaka baru-baru ini. Di samping itu, Jabatan Alam Sekitar juga sedang berusaha

untuk menggalakkan pihak-pihak berkuasa negeri dan tempatan untuk menggubal dan melaksanakan suatu pelan kontigensi bagi kawasan-kawasan yang mempunyai industri seumpama itu.

Selain daripada itu, Jabatan Alam Sekitar telah mengedarkan garis-garis panduan mengenai penempatan industri-industri, khususnya industri yang berbahaya kepada semua Kerajaan Negeri, termasuk Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi yang ada di tiap-tiap negeri. Akan tetapi pihak-pihak Kerajaan Negeri yang mempunyai kuasa untuk memutuskan dengan muktamadnya penempatan sesebuah industri itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah menyentuh soal peningkatan teknologi pengeluaran dari bahan mentah seperti getah. Kerajaan memang sedar mengenai keperluan untuk menggalakkan lagi pembangunan industri-industri yang menggunakan bahan mentah negara ini. Dalam hubungan ini SIRIM telah menjalankan suatu aktiviti untuk meningkatkan proses pengilangan iaitu pelaksanaan satu skim penilaian dan pendaftaran.

Skim ini bertujuan untuk membantu pekilang-pekilang dalam meningkatkan sistem pengurusan kualiti barangan mereka ke satu paras di mana barangan itu dapat diterima di pasaran antarabangsa. SIRIM sedang memberi perhatian dalam skim ini kepada pekilang-pekilang barangan celupan getah. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Amerika Syarikat merupakan pasaran yang terbesar untuk barangan celupan getah negara kita. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang sesungguhnya ke atas keperluan pihak "Food dan Drug Administration" atau (FDA) Amerika Syarikat untuk memudahkan penerimaan barangan-barangan

Malaysia di Amerika Syarikat. Semasa lawatan Timbalan Pengarah FDA ke Malaysia baru-baru ini, SIRIM telah dijemput untuk menghantar beberapa pegawainya untuk mengkaji keperluan Amalan Pekilang Yang Baik atau Good Management Practice, dengan izin, di FDA. Dengan adanya perkembangan terbaru ini, maka SIRIM sedang mengkaji peruntukan kewangannya untuk membolehkan pegawai-pegawai SIRIM melawat FDA nanti.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal keupayaan teknologi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut, ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Majlis Penyelarasan dan Pemindahan Teknologi Perindustrian yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sendiri sedang berusaha untuk menyediakan satu Pelan Tindakan Pembangunan Teknologi Perindustrian. Pelan tersebut bertujuan memesatkan lagi pembangunan keupayaan tempatan di dalam bidang teknologi perindustrian serta menentukan peranan pihak-pihak awam dan swasta di dalam soal pembangunan teknologi. Sebuah Jawatankuasa Pembentukan Pelan di bawah Majlis tersebut sedang giat menyediakan Pelan Tindakan itu dan adalah dijangka laporan awal Pelan itu disiapkan pada tahun ini juga.

Berkenaan dengan perbelanjaan untuk Penyelidikan dan Pembangunan atau R & D di dalam bidang sains dan teknologi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai, ingin saya menyatakan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$400 juta bagi tujuan R & D. Jumlah peruntukan ini merupakan 0.6% daripada Keluaran Negara Kasar. Usaha mungkin boleh diambil untuk menambahkan lagi peruntukan ini seiring dengan kemajuan ekonomi

negara. Perlu ditegaskan di sini bahawa apa yang harus diberi penekanan ialah keberkesanan R & D dan bukan jumlah peruntukannya.

Berhubung dengan cadangan untuk mengadakan "Cukai R & D" daripada syarikat-syarikat pekilang yang mendapat keuntungan besar, soal ini perlu dikaji dengan mendalam dan teliti supaya ianya tidak menjejaskan atau menghalang daya pengeluaran sektor pengilangan negara ini ataupun menakutkan pelabur-pelabur asing daripada melabur di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya dan syor-syor atau teguran-teguran yang menyentuh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar secara tidak langsung ada juga diberi perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Kementerian Pendidikan.

3.58 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan dengan mengatur dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, pandangan dan kritikan serta cadangan untuk memperbaiki dan memperkembangkan lagi segala aktiviti dan perjalanan Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Terap telah menimbulkan isu penekanan pendidikan sejarah kaum majmuk di sekolah-sekolah di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sedar kepentingan Sejarah dalam usaha pembinaan keperibadian bangsa dan semangat kewarganegaraan. Oleh kerana itu bagi mengatasi perkara seperti yang telah ditimbulkan oleh

Ahli Yang Berhormat itu, di dalam rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang pendeknya KBSM, Sejarah dijadikan mata-pelajaran teras dan wajib dipelajari daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Tujuannya ialah untuk membolehkan para pelajar mengetahui, memahami dan seterusnya menghayati perkembangan masyarakat dan negara.

Untuk mencapai matlamat tersebut, penekanan utama diberikan kepada unsur-unsur kesenambungan dan perubahan yang telah berlaku di dalam kehidupan masyarakat dan negara daripada segi politik, ekonomi, sosial dan budaya. Dengan ini aspek-aspek seperti semangat kerjasama di antara kaum, sejarah perjuangan kemerdekaan dan sumbangan tokoh-tokoh berbagai kaum yang telah bersama-sama berusaha untuk pembangunan dan kemakmuran negara adalah dimasukkan dalam sukatan pelajaran Sejarah. Adalah diharapkan melalui fahaman dan penghayatan aspek sejarah negara ini, semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia akan dapat disemai dan dipupuk dalam diri pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bakri menimbulkan soal perpaduan kaum yang semakin terhakis. Beliau mencadangkan supaya Kempen Perpaduan Kaum diadakan di sekolah-sekolah dan universiti-universiti serta institusi-institusi pendidikan. Kementerian Pendidikan memang sentiasa mengambil perhatian mengenai perpaduan kaum di sekolah-sekolah. Kempen Perpaduan Kaum ini digiatkan melalui kegiatan-kegiatan ko-kurikulum. Semua kegiatan ko-kurikulum adalah melibatkan pelajar-pelajar dari semua kaum. Kementerian Pendidikan juga sentiasa menjaga, memelihara dan membajai nilai-nilai perpaduan kaum di kalangan pelajar kita. Kempen

Perpaduan Kaum ini diterapkan melalui aktiviti-aktiviti pendidikan yang bercorak dan menampakkan trend ke arah perpaduan kaum. Sehubungan dengan itu juga pentadbiran universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi mengawasi aktiviti-aktiviti pelajar supaya tidak menimbulkan masalah polarisasi kaum dengan menggalakkan pelajar-pelajar tersebut mengambil bahagian yang cergas di dalam kegiatan yang diadakan oleh persatuan dan kegiatan-kegiatan yang lain.

Pihak Kementerian Pendidikan akan sentiasa berwaspada supaya perpaduan kaum tidak terhakis. Yang Berhormat yang sama juga mencadangkan supaya Rukunegara dengan grafik yang baru dan menarik dapat diedarkan di sekolah-sekolah dan mempamerkan di tempat-tempat yang strategik di sekolah-sekolah. Prinsip Rukunegara juga patut dijadikan sebagai bahan penghafalan di sekolah-sekolah dan di perhimpunan-perhimpunan sekolah setiap minggu. Cadangan Yang Berhormat ini supaya Rukunegara dengan grafik yang baru dan menarik dapat diedarkan di sekolah-sekolah dan mempamerkan di tempat-tempat strategik di sekolah-sekolah adalah cadangan yang baik.

Sebenarnya Kementerian Pendidikan telah, sedang dan akan terus menyebarkan dan mengedarkan poster-poster yang menghormati prinsip-prinsip Rukunegara ke sekolah-sekolah. Dewasa ini, Kementerian Penerangan yang menyediakan poster Rukunegara dan Kementerian Pendidikan bekerjasama menyampaikan poster-poster tersebut ke sekolah-sekolah di samping memastikan pihak sekolah mempamerkan di tempat-tempat yang strategik. Melalui perhimpunan sekolah yang diadakan pada setiap minggu, Kementerian Pendidikan telah meminta pihak sekolah. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat dari Bagan Serai minta penjelasan, boleh beri?

Dr Leo Michael Toyad: Boleh!

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri Pendidikan ada terdapat penerapan nilai-nilai dalam Rukunegara. Di dalam Rukunegara ini satu daripada kandungannya ialah kepercayaan kepada Tuhan tetapi terdapat juga nilai-nilai yang diterangkan kepada pelajar-pelajar melalui lagu Setia. Tetapi di dalam lagu Setia tidak terdapat kepercayaan kepada Tuhan. Apakah pandangan dan adakah baik kalau penilaian lagu Setia ini juga diterapkan nilai-nilai kepercayaan kepada Tuhan di dalamnya ataupun ianya tidak perlu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr Leo Michael Toyad: Cadangan Ahli Yang Berhormat boleh kita ambil perhatian.

Mengenai peluang yang lebih luas untuk memasuki institusi pengajian tinggi, perkara ini telah pun diberi perhatian dan peluang sentiasa ditambah untuk menampungkan pelajar-pelajar yang layak.

Yang Berhormat dari Pasir Mas menyentuh mengenai dasar kenaikan pangkat guru-guru supaya diambil kira dari segi pengalaman dan bukan berdasarkan sijil kelulusan sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang urusan kenaikan pangkat yang dilaksanakan di Kementerian Pendidikan adalah berdasarkan kepada Perintah Am, Bab A dan Pekeliling yang berkaitan dengan Tatacara Kenaikan Pangkat. Jadi, asas pertimbangan kenaikan pangkat ini adalah berdasarkan kepada kebolehan, kecekapan dan sifat peribadi, kelulusan serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi itu.

Yang Berhormat yang sama menimbulkan soal KBSM kerana banyak menggunakan kertas yang mungkin akan berlaku pembaziran dan penyelewengan. KBSM digubal untuk meningkatkan mutu pendidikan dan menjayakan hasrat falsafah Pendidikan Negara yang menekankan kepada strategi bersepadu dengan menekankan penerapan nilai murni dan pengukuhan penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua matapelajaran. Pendekatan ini memerlukan isi kandungan, bahan, strategi pengajaran, pembelajaran serta penilaian diubahsuai dan diselaraskan. Ini bermakna guru-guru perlu diberi kursus dan dibekalkan dengan bahan-bahan yang terdiri daripada falsafah Pendidikan Negara, KBSM, sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran, strategi pengajaran dan pembelajaran dan peranan guru-guru dan lain-lain. Bahan-bahan ini perlu untuk rujukan dan panduan semua guru yang bertanggungjawab untuk melaksanakan KBSM.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap ya. Ya, Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh minta jalan untuk minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ada dua perkara saya ingin minta penjelasan. Tadi yang pertama mengenai menaikkan pangkat. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab, tetapi apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam proses kenaikan pangkat di mana terdapat guru-guru yang lepasan maktab baru keluar dan dinaikkan pangkat manakala guru-guru yang

banyak pengalaman dan gajinya sudah mati tetapi tidak diberi peluang naik pangkat. Apabila mereka yang baru ini diberi naik pangkat, pertama Kerajaan mesti menanggung perbezaan kenaikan yang tinggi itu dan yang kedua pula ianya mengurangkan motivasi di kalangan guru-guru yang lama berpengalaman. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menafikan. Saya sedia memberi beberapa bukti, nama-nama guru yang terbabit dalam persoalan-persoalan ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, mengenai dengan pembaziran yang disebutkan tadi, walaupun Kementerian Pendidikan sudah menjalankan program KBSM, yang saya kemukakan ialah program ini banyak menggunakan kertas. Didapati tidak ada pengawasan sehingga banyak penggunaan kertas-kertas rim ini dan jika tidak ada pengawalan ianya melibatkan pembaziran. jadi macam mana Kementerian Pendidikan hendak mengatasi perkara ini supaya oleh kerana sistem ini menggunakan banyak nota dan tidak diambil kesempatan oleh pihak-pihak berkenaan di sekolah membazirkan kertas-kertas ini. Terima kasih.

Dr Leo Michael Toyad: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Untuk soalan yang kedua tadi bahawa pengawalan memang sentiasa dijalankan untuk kita menjaga tiadanya pembaziran dalam penggunaan peruntukan-peruntukan yang harusnya disalurkan untuk pendidikan dan ini adalah tanggungjawab pengetua-pengetua dan guru-guru besar dan siapa yang ada diwajibkan untuk menjalankan tugas seperti ini adalah dipertanggungjawab bahawa dalam kita menjalankan untuk menjaga supaya peluang untuk membazir dan lain-lainnya atau penyelewengan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat dielakkan.

Perkara mengenai kenaikan pangkat ini, kemungkinannya dengan sikap Ahli Yang Berhormat tadi bahawa menyatakan saya sentiasa menafikan seterusnya. Jadi, saya merasa tidak berapa ingin untuk menjawab kerana saya telah memberikan penjelasan di sini sebab-sebab dan cara kita mengadakan kenaikan pangkat dan saya rasa walaupun saya memberi penjelasan di sini, Ahli Yang Berhormat telah menyatakan ini saya akan menafikan dan biarlah sampai ke situ sahaja.

Menyentuh tentang KBSR dan KBSM ini yang menyebabkan aspek-aspek kekurangan guru.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sekejap. Boleh beri jalan lagi?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa Yang Berhormat telah beri sebab-sebab, tetapi soalnya sebab-sebab yang diberi dengan apa yang berlaku berlainan. Cuma saya ingin mendapat penegasan daripada pihak Kementerian Pendidikan apakah boleh beri jaminan untuk kebaikan semua pihak untuk meningkatkan motivasi sekolah-sekolah, guru-guru supaya perkara-perkara yang dibangkitkan ini diberi perhatian selain daripada dasar tetapi perlaksanaannya supaya jangan bercanggah kerana saya mempunyai bukti guru-guru yang terlibat ini dan tujuannya untuk menjaga prestasi dan kredibiliti Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

Dr Leo Michael Toyad: Terima kasih Yang Berhormat dari Pasir Mas. Sebenarnya, memang dalam jawapan tadi saya tidak menafikan kerana memang ada kejadian di mana dalam kenaikan pangkat ini banyak rungutan-rungutan dan tafsiran

bahawa tidak adil dan sebagainya. Tetapi sejauh mana yang dapat kita beritahu di sini di mana keadaan tidak adil atau tidak memuaskan pihak-pihak, memang kita akan siasat dan dipertimbangkan semula. Kerana yang penting dalam Kementerian ialah bahawa walaupun mereka telah dinaikkan pangkat ke Guru Besar dan Pengetua kalau prestasi mereka tidak sempurna dan tidak mencapai aspirasi Kementerian dan rakyat jelata, kita akan mengkaji semula. Dan saya harap itu akan menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak puas hati, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ada sikit lagi.

Dr Leo Michael Toyad: Biar saya teruskan dulu. Yang Berhormat juga telah memohon supaya kawasan Pasir Mas diberikan sekolah berasrama penuh. Pada masa ini sudah terdapat 30 buah sekolah yang berasrama termasuk 3 buah di Sabah. Kementerian memang sedar keperluan untuk menambah sekolah berasrama penuh. Dalam Rancangan Malaysia Kelima terdapat peruntukan untuk membina 10 buah sekolah berasrama penuh tetapi dalam keadaan ekonomi negara pada masa ini tidak mengizinkan Kementerian Pendidikan menambah bilangan yang sedia ada. Peruntukan pembinaan sebuah sekolah melibatkan perbelanjaan di antara \$12-\$14 juta dengan tidak mengira kos tanah dan alat kelengkapan. Pada masa ini negeri Kelantan sudah terdapat 2 buah sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Tengku Mohd. Fariz Petra dan sekolah Menengah Sains Machang. Dalam keadaan ekonomi sekarang adalah difikirkan memadai dulu dengan 2 buah sekolah tersebut.

Begitu juga tentang cadangan institusi pengajian ini di tempatkan di Pasir Mas bagi menaikkan taraf Pasir Mas, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini terdapat 2 kampus institusi pengajian tinggi di Kelantan iaitu Akademik Islam Universiti Malaya dan Institut Teknologi Mara. Oleh itu, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menambah bilangan institusi pengajian tinggi di Kelantan. Mengenai isu kelonggaran.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bagan Serai.

Dato' Zainal Abidin bin Zain (Bagan Serai): Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya sangat tertarik hati dengan pembangunan ini. Cuma saya ingin mengetahui apakah sebab-musababnya satu ketika dulu saya dalam Barisan Nasional lagi Kerajaan telah meluluskan pembinaan sebuah sekolah menengah agama di kawasan Parlimen saya. Semua persediaan telah dibuat termasuk pengambilan balik tanah dan sebagainya. Tetapi apabila saya keluar daripada Barisan, peruntukan itu telah ditarik dan dibawa ke kawasan selatan negeri Perak. Adakah ini kerana saya tidak dalam Barisan maka pelajar-pelajar terpaksa mengalami penarikan ini ataupun kerana sengaja tidak mahu pembangunan sekolah menengah berasrama ini dibina di bahagian utara di Daerah Krian, Perak.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kerana soalan ini baru ditimbulkan secara spesifik, saya harap saya dapat jawab Ahli Yang Berhormat dengan cara bertulis.

Mengenai isu kelonggaran Akta Universiti sebagai satu sandiwara adalah tidak benar. Kementerian Pendidikan sedang menjalankan kajian yang mendalam mengenai Akta tersebut. Peruntukan-peruntukan

yang didapati tidak sesuai dan mempunyai kelemahan akan diperkemaskan dan dibuat pindaan.

Ahli Yang Berhormat juga telah mempertikaikan Naib Cancellor Universiti Malaysia. Beliau adalah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat Menteri Pendidikan. Pemilihan Naib Cancellor tidak mengira pegangan politik individu berkenaan tetapi perlantikan adalah berdasarkan kewibawaan memimpin dan mentadbirkan universiti itu. Ahli Yang Berhormat yang sama juga menimbulkan keraguannya mengenai

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat nanti. Pasir Mas minta penjelasan lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya ingin membuat beberapa pertanyaan kerana takut terlepas nanti sebab ini subjek yang penting, selain daripada masalah kenaikan pangkat guru tadi pun belum selesai. Ini mengenai Akta Universiti. Saya bangkitkan dalam ucapan saya, semua ucapan saya kalau diteliti banyak merupakan pandangan dan teguran, bukan mempertikaikan. Itu satu perkara yang ingin saya tegaskan. Yang pertama mengenai Akta Universiti. Pada masa yang sama saya dapati baru-baru ini ada dibenarkan sudut pidato atau dalam bentuk tunjuk perasaan dalam Universiti. Kelonggaran yang diberi satu jam. Saya baca dalam surat khabar 24 orang berucap dan dalam masa yang sama berlaku di Universiti Teknologi di mana pelajar-pelajar ini akan diambil tindakan. Kemungkinan akan disingkir daripada pengajian mereka. Jadi soal saya apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jaminan bahawa pelajar-pelajar UTM ini tidak diambil tindakan.

Kedua, soal Akta Universiti sudah lama, soal hendak dipinda, dikaji, dipinda, dikaji, apakah pendirian Kerajaan sebenarnya mengenai Akta Universiti ini. Yang ketiga, saya tidak mempertikai perlantikan Naib Cancellor Universiti Malaya. Saya hanya membuat teguran supaya tidak timbul banyak polimik dalam akhbar bagi menjaga prestasi Universiti. Tidak salah seseorang itu melibatkan diri dalam politik. Setiap warganegara berhak tetapi menghormati kedudukan sebagai Naib Cancellor. Itu sahaja. Saya bukan mempertikaikan, saya hanya memberi teguran dan ingatan untuk kebaikan.

Dr Leo Michael Toyad: Terima kasih atas teguran Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Dalam soal yang telah dikemukakan oleh Pasir Mas bahawa di mana kegiatan pidato yang diadakan di Universiti Malaya. Memang kita masih menegaskan rapat umum masih belum diberi kebenaran tetapi dari sudut pidato itu adalah menerusi kelulusan dan juga adalah dibincangkan dengan teratur oleh pihak-pihak universiti itu. Dan perkara

Dato' Zainal Abidin bin Zin:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud: Yang Berhormat dari Bagan Serai bangun pula. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr Leo Michael Toyad: Perkara yang ketiga mengenai

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud: Dia tidak habis jawab. Beri peluang.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tolong yang ketiga iaitu jawapan yang belum dijawab, apakah pendirian tegas Kementerian Pendidikan mengenai Akta Universiti itu? Berapa lama hendak buat kajian dan berapa lama

hendak buat keputusan. Dan kedua, mengenai Naib Cancellor Universiti Malaya saya tidak mempertikaikan. Saya hanya memberi teguran dan tidaklah boleh mengambil teguran yang baik ini untuk kebaikan semua pihak?

Dr Leo Michael Toyad: Terima kasih. Pendirian Kementerian saya telah nyatakan di sini peruntukan-peruntukan yang didapati tidak sesuai serta mempunyai kelemahan akan diperkemas dan dibuat pindaan. Ahli Yang Berhormat yang sama juga telah menimbulkan keraguan

Dato' Zainal Abidin bin Zin:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud: Yang Berhormat, Ahli dari Bagan Serai bangun.

Dr Leo Michael Toyad: Jawapan saya panjang lagi.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bersambung dengan perkara ini. Saya tertarik hati dengan jawapan itu. Pada ketikanya ada kelonggaran dalam Akta Universiti pada ketika yang lain hendak diketatkan rapat umum atau perjumpaan umum. Apabila sudut pidato ini dibenarkan, adakah Kementerian Pendidikan mencadangkan hanya yang bercakap sahaja yang mendengar tidak perlu, maka tidak ada rapat umum. Saya tidak yakin ada orang hendak bercakap dengan tidak ada orang yang mendengar. Kalau ada orang yang mendengar maka sudah berlaku rapat umum. Jadi mana satu hendak dibenarkan? Tidak benarkan orang berhimpun tetapi benarkan orang bercakap, bermakna orang bercakap tidak ada orang gilalah jadinya nanti. Terima kasih.

Dr Leo Michael Toyad: Mungkin Ahli Yang Berhormat faham apa yang saya maksudkan tadi, tetapi untuk penjelasan bahawa secara

permohonan rapat umum dibenarkan di tempat-tempat yang lain, tetapi dalam pidato ini ada tempat yang tertentu yang telah disediakan dan juga topik-topik yang telah dikemukakan untuk diperbincangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah menimbulkan juga mengenai penubuhan Jawatankuasa Anti Penyelewengan dan meminta dilantik Pegawai-pegawai BPR yang bebas. Tuan Yang di-Pertua, tujuan penubuhan Jawatankuasa tersebut ialah untuk mengesan pihak-pihak yang terlibat melakukan penyelewengan. Walau bagaimanapun, penentuan dan tindakan lanjutnya adalah dilaksanakan oleh BPR. Pegawai-pegawai BPR yang berkenaan adalah bertindak secara bebas ataupun tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak setelah penyiasatan atau penyelidikan yang rapi dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah membangunkan soal supaya dilatih penuntut-penuntut lulusan SPM, STPM dan Universiti menjadi petani bagi mengurangkan pembelian makanan dari luar negeri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud:
Yang Berhormat Timbalan Menteri,
Ahli dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Boleh sekali lagi? Terima kasih. Tadi ada disentuh soal Jawatankuasa Penyelewengan. Walaupun pertanyaan saya sebelum ini tidak mendapat jawapan yang tepat, mengenai Jawatankuasa Penyelewengan, semalam sudah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan jawapan ini agak sedikit berlainan mungkin kerana menyentuh Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang menjadi Pengerusinya. Jadi saya ingin

bertanya kepada Yang Berhormat, kalau boleh jawab, kalau tidak boleh jawab, tolong sampaikan pesan saya boleh ataupun tidak kepada Yang Berhormat yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa Anti Penyelewengan, apakah beliau bercadang untuk menyiasat dahulu semua ahli menduduki Jawatankuasa Penyelewengan itu bagi memastikan kredibiliti Jawatankuasa Penyelewengan itu yang dibentuk dan dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan.

Dr Leo Michael Toyad: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Saya akan sampaikan. Ini adalah satu Jawatankuasa yang telah pun dibentuk dan saya akan sampaikan soalan atau teguran Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi telah menimbulkan cadangan supaya pelajar lulusan SPM, STPM dan Universiti dibimbing dan dilatih menjadi petani untuk mengurangkan pembelian makanan dari luar negeri. Sebenarnya Kementerian Pendidikan telah memberikan pendidikan ini melalui sekolah-sekolah menengah vokasional dan juga pertanian dan Universiti Pertanian Malaysia berdasarkan kepada keperluan negara. Yang Berhormat ini juga telah menimbulkan isu supaya Menteri Pendidikan menyediakan keperluan \$70,000 untuk asrama sekolah di kawasan Tanah Merah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat boleh ditimbang mengikut keperluan di sekolah-sekolah di kawasan-kawasan tertentu termasuk kawasan Tanah Merah. Bagi kawasan Tanah Merah, projek asrama yang telah diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima adalah seperti berikut: Sekolah Kerajaan Sokor—jenis projek gotong royong, \$50,000; Sekolah Menengah Ladang Kerila—projek gotong royong, \$50,000; Sekolah

Menengah Tanah Merah, Sekolah Menengah Ipoh, Sekolah Menengah Batu Gajah—projek gotong royong ini adalah diperuntukkan \$100,000 atau \$50,000 untuk tiap-tiap satu.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor membangkitkan sistem penggal yang dirasainya tidak begitu sesuai kerana penggal persekolahan akan bercanggah dengan musim cuti ibu bapa dan akan mengakibatkan murid-murid sekolah tidak dapat menghadiri sekolah. Jawatankuasa khas merancang sistem penggal persekolahan baru telah mengambil kira pandangan-pandangan daripada bahagian-bahagian dalam Kementerian Pendidikan, Kesatuan Guru-guru, para ibu bapa dan orang ramai. Perkara yang utama dan paling penting dalam penggubalan sistem ini ialah supaya peperiksaan awam yang diduduki oleh pelajar-pelajar Tingkatan Tiga, Lima dan Enam atas dapat disempurnakan sebelum musim banjir. Percutian murid-murid yang diamalkan 2 minggu tidak akan menjejaskan percutian ibu bapa. Kementerian Pendidikan berharap sedikit pengubahsuaian cuti ibu bapa dapat dilakukan supaya masalah banjir tidak lagi mengganggu kehadiran dan prestasi pelajar-pelajar kita dalam peperiksaan awam yang semua golongan masyarakat anggap sangat penting.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor juga telah menimbulkan isu berhubung dengan sekolah-sekolah yang didirikan di atas tanah-tanah swasta. Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah-sekolah yang didirikan di atas tanah swasta yang telah mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan adalah merupakan sekolah bantuan penuh dan bukan milik Kerajaan atau sekolah bantuan modal. Sekolah-sekolah ini layak untuk mendapat bantuan modal dari Kementerian ini bagi kerja-kerja pembangunannya. Yang Berhormat ini juga telah

menimbulkan isu peruntukan 10% daripada Belanjawan Pembangunan bagi tahun 1990 kepada Sekolah-sekolah Tamil.

Untuk makluman Yang Berhormat agihan peruntukan tahun 1990 adalah mengikut program yang tertentu yang akan diluluskan oleh agensi pusat. Kementerian Pendidikan tidak mengagihkan peruntukan pembangunan tahun 1990 mengikut aliran sesebuah sekolah itu dan sebaliknya adalah berdasarkan kepada keperluan pembangunan dan pelaksanaan sesebuah projek.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor juga telah menimbulkan isu berhubung dengan peruntukan bantuan kewangan yang diperolehi oleh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Bukit Manchung daripada pinjaman World Bank yang telah digunakan untuk mendirikan sekolah-sekolah lain. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Bukit Manchung, Selangor, masih di dalam pertimbangan kerana terdapat sedikit masalah pada peringkat awal mengenai pengesahan nama dan tapak projek berkenaan. Memandangkan bahawa semua projek yang dibiayai di bawah pinjaman Bank Dunia adalah projek-projek sekolah bantuan penuh Kerajaan sahaja yang dibina di atas tapak yang dimiliki oleh Kerajaan, maka pihak Kementerian selepas mendapat pengesahan bahawa tapak projek ini adalah bukan dimiliki oleh Kerajaan, telah menimbangkan semula cadangan asal pembinaan projek ini di bawah pinjaman Bank Dunia dan sebaliknya akan menimbangkan semula pelaksanaan projek ini di bawah projek bantuan modal.

Yang Berhormat dari Kapit telah menimbulkan isu mengenai usaha membasmi kemiskinan oleh Kerajaan Persekutuan supaya memberikan penekanan yang lebih kepada aspek

pendidikan di negeri Sabah dan Sarawak. Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa segala usaha yang dijalankan selama ini untuk mempertingkatkan mutu pendidikan di Sabah dan Sarawak adalah adil dan menepati persetujuan bersama melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marudu telah menimbulkan isu berhubung peruntukan sebanyak \$99 juta kepada Jabatan Pendidikan Sabah pada 1988 yang tidak digunakan untuk menyelesaikan masalah kekurangan sekolah di negeri berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan telah membelanjakan kira-kira 45.6% daripada peruntukan Program Sekolah Rendah dan Menengah di Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Adalah dijangkakan bakinya akan dapat dibelanjakan untuk pembangunan bagi mengatasi masalah kekurangan sekolah di Sabah sebelum tamatnya tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Ahli Yang Berhormat dari Semporna mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana memperkenalkan KBSM. Beliau meminta dikaji semula tentang masalah guru-guru Agama Islam di Sabah yang berkurangan pendapatannya apabila diserapkan ke jawatan tetap. Tuan Yang di-Pertua, diucapkan terima kasih di atas pujian itu. Mengenai nasib guru-guru Agama Islam yang berkenaan, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah yang tertentu. Di antaranya mengadakan beberapa siri pertemuan dan mesyuarat dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan dan Kementerian Kewangan. Buat masa ini belum dapat dikemukakan sebarang keputusan mengenainya.

Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah menimbulkan isu berhubung memasukkan sejarah demokrasi

berparlimen ke sekolah kurikulum sejarah di pusat-pusat pengajian tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat Sekolah Menengah, Sejarah merupakan matapelajaran teras dan wajib bagi semua pelajar. Aspek sejarah perkembangan demokrasi berparlimen di Malaysia telah pun dimasukkan ke dalam kurikulum sejarah di peringkat menengah.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam telah menyentuh tentang peranan pendidikan dalam memupukkan perpaduan rakyat dan penggunaan pelbagai aliran bahasa di sekolah. Berhubung dengan perkara tersebut, saya ingin menjelaskan bahawa penggunaan bahasa pengantar yang berlainan terdapat di peringkat rendah dalam sistem pendidikan kita. Perkara ini merupakan persetujuan yang dicapai oleh pemimpin-pemimpin kaum di negara ini berasaskan kepada realiti masyarakat yang berbilang kaum. Namun demikian, sekolah-sekolah ini diperlukan menggunakan kurikulum kebangsaan dan murid-muridnya diperlukan mengambil peperiksaan awam yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan. Selain dari itu, Bahasa Malaysia adalah wajib diajar sebagai satu matapelajaran di semua jenis sekolah. Sungguhpun di setengah-setengah sekolah di peringkat rendah menggunakan bahasa pengantar yang lain dari Bahasa Malaysia, tidaklah pula bermakna sekolah-sekolah ini terkeluar dari usaha dan proses penyatupaduan rakyat melalui pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha sedang giat dijalankan untuk menambahkan keberkesanan sistem pendidikan kita sebagai agen untuk mempertingkatkan perpaduan rakyat. Saya berani menyatakan di sini bahawa kanak-kanak yang telah melalui sistem

pendidikan kebangsaan kita dengan sepenuhnya tentu sekali boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia. Oleh itu, pemuda-pemuda yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat mungkin terdiri dari mereka yang tidak melalui sistem pendidikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jerai telah menimbulkan isu berhubung dengan penggunaan buku keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka di sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Sekolah Menengah penggunaan buku tidak dimonopoli oleh Dewan Bahasa dan Pustaka seperti di Sekolah Rendah. Sekolah-sekolah berhak memilih buku-buku yang difikirkan sesuai. Ini terpulang kepada Jawatankuasa Pemilihan di peringkat sekolah memilih mana-mana tajuk buku yang telah diiktirafkan oleh Kementerian Pendidikan. Di peringkat Sekolah Menengah terdapat banyak penerbit swasta, juga termasuklah Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri. Kesesuaian sesebuah buku teks dikaji dari beberapa aspek iaitu isi kandungannya, pendekatan, persembahan dan perkembangan bahasa buku itu dan ilustrasi dan gambarajah. Jadi, setelah sesebuah buku itu benar-benar memenuhi segala kriteria yang ditetapkan, barulah buku yang tersebut itu diperakukan dan dibekalkan kepada sekolah. Sebenarnya buku-buku teks termasuklah dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang dibekalkan ke sekolah-sekolah telah digunakan oleh para guru bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

Menyentuh mengenai penghantaran penuntut-penuntut ke luar negeri yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai, sebenarnya semenjak tahun 1987 lagi, Kementerian Pendidikan tidak menghantar penuntut ke USA dan

sebaliknya menghantar penuntut-penuntut ke negara United Kingdom, Morocco dan Jordan untuk pengajian Bahasa Arab.

Yang Berhormat dari Bandau mendakwakan masalah pengisian pelbagai jawatan di ITM Campus, Sabah terdiri daripada orang Semenanjung. Kementerian Pendidikan akan menyasiat dakwaan ini dan jika sekiranya benar, tindakan selanjutnya akan diambil.

Yang Berhormat dari Jerai mencadangkan diwujudkan sebuah Kampus ITM di Kedah. Buat masa sekarang pihak Kementerian belum lagi bercadang untuk menubuhkan Kampus Cawangan ITM di negeri Kedah. Adalah dirasakan dengan wujudnya Kampus ITM di negeri Perlis dan Universiti Utara Malaysia di negeri Kedah dapat menampung permintaan pelajar-pelajar di negeri berkenaan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Yang Berhormat dari Muar menimbulkan masalah kurang kemahiran kaum bumiputera di bidang teknikal dan minta diajarkan sekurang-kurangnya 40% di sekolah-sekolah di seluruh negara. Kementerian Pendidikan telah melaksanakan usaha untuk melatih kemahiran tersebut melalui pendidikan di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional di seluruh negara.

Yang Berhormat dari Simunjan menimbulkan isu mengenai ramai guru sandaran diberhentikan sematamata menempatkan guru pelatih yang mengakibatkan guru-guru sandaran tersebut teraniaya sedangkan mereka banyak pengalaman. Misalnya Yang Berhormat menyatakan bahawa guru tersebut telah teraniaya adalah tidak benar. Untuk makluman Yang Berhormat, guru-guru tersebut boleh memohon untuk memasuki Maktab

Perguruan jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Mereka yang telah mengajar lebih 2 tahun dikecualikan daripada mengambil Ujian Kelayakan Latihan Perguruan (UKPLP) dan terus dipanggil temuduga sekiranya mereka ini memohon.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai isu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam supaya dilaksanakan segera dua skim guru iaitu siswazah dan bukan siswazah. Sebenarnya seperti yang telah diumumkan sebelum ini, dua skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan akan dilaksanakan pada tahun ini. Walau bagaimanapun, butir-butir lanjut mengenai hal ini sedang dirumuskan oleh Kementerian Pendidikan bersama-sama dengan agensi Pusat.

Menyentuh persoalan pelaksanaan KBSM yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Sabak Bernam, dimaklumkan bahawa banyak penyesuaian dan rundingan telah diusahakan di peringkat Kementerian, Jabatan Pendidikan dan di kalangan ibu bapa untuk melicinkan pelaksanaan serta pencapaian matlamat KBSM. Sebenarnya setiap dasar baru yang diperkenalkan ialah hasil daripada penilaian ke atas dasar yang sedia ada dan dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah ulasan saya mengenai perkara-perkara yang telah dibawakan oleh Ahli Yang Berhormat

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Untuk penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada Ahli Yang Berhormat yang tidak puas hati lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Oleh kerana tadi ada penjelasan yang saya minta dan ini untuk rekod, kalau Yang Berhormat boleh beri penjelasan, saya berterima kasih, kalau tidak, terpulanglah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya hendak balik kepada soal kenaikan pangkat dan bersabit dengan pentadbiran sekolah. Antara lain, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri apa yang berlaku di negeri Kelantan. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, pertama mengenai dengan kenaikan pangkat, berhubung dengan Sekolah-sekolah Rendah. Mungkin kenaikan pangkat di sekolah-sekolah tinggi di peringkat tinggi sahaja diambil tahu oleh Menteri, saya harap supaya perkara ini walaupun diserahkan kepada pihak mereka yang di bawah tetapi sekurang-kurangnya memastikan berlaku keadilan terhadap kenaikan pangkat dan mengikut prosedur ataupun dasar yang telah ditetapkan.

Saya ada tujuh kes kalau saya hendak baca yang kadang-kadang boleh memalukan, menggelikan hati dan kalau perlu saya akan beri kepada Timbalan Menteri sebagai bukti, itu satu.

Yang kedua, bersabit dengan pentadbiran. Saya hendak sebut contoh, dari segi kenaikan pangkat, ada setengah-setengah itu tahun 1988 pun dia telah tahu dia akan naik pangkat, heboh diberitahu di merata tempat dan memang tepat selepas diumumkan mereka naik pangkat. Timbullah rasa tidak puas hati di kalangan guru-guru lain.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, berlaku pertukaran di mana sampai dua memo, dua memo ini pula kata seorang guru, saya sebut contoh berlaku seorang guru di Sekolah Kebangsaan Jalan Pasir Puteh, ditukar

ke Sekolah Kebangsaan Gaar, dalam bulan Februari kemudian sampai pula memo ke Sekolah Pasir Puteh tukar pula ke Kampung Wakaf Raja, ditandatangani oleh pegawai-pegawai yang berlainan. Ini soal pentadbiran. Ini perkara-perkara yang perlu diberi perhatian untuk menjaga prestasi Kementerian Pendidikan. Ini teguran ikhlas dan satu lagi contoh yang cukup memalukan. Ada guru dicadang naik pangkat, sesudah diproses untuk kenaikan pangkat, didapati bulan Oktober sudah pencen. Dua bulan bekerja umur lebih. Saya hendak sebut namanya Sekolah Kebangsaan Bena Pak Yong, Haji Hamzah Idris, sebab-sebab kenapa naik pangkat, saya tidak hendak sebutlah kerana kaitan-kaitan politik. Tetapi inilah kadang-kadang dibangkit, yang boleh menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan guru-guru, naik pangkat ke sekolah genting, Gred A, semak rekod rupanya bulan Oktober lagi pencen, terpaksa gaji bulan dahulu pun terpaksa dibayar balik. Jadi, perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan dan saya malas bacalah kenyataan-kenyataan, rekod yang berkaitan dengan guru-guru yang naik pangkat yang tidak munasabah yang harus, perlu dan wajib diperbetulkan oleh Kementerian Pendidikan sampai ke bawah bagi menjamin prestasi guru-guru, motivasi guru-guru, berlaku keadilan, pertahankan tradisi ilmu yang dilaungkan selama ini. Tunjukkan bahawa ini satu contoh yang baik dapat dilaksanakan oleh Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini tujuan saya membangkitkan perkara ini untuk baik, positif bukan kerana soal politik, jangan salah faham pula, saya hanya bangkit perkara ini untuk kebaikan semua pihak, sebab masalah kenaikan pangkat ini cukup menjadi masalah di kalangan guru yang boleh menjejaskan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah. Sebab hari-hari tidak ada kerja lain guru-guru, guru bercakap di sekolah-sekolah, di kantin-kantin, si

anu naik pangkat, si ini naik pangkat, kenapa orang ini tidak naik, kenapa orang itu naik, hari-hari itulah yang dibincang di sekolah-sekolah. Yang terjejasnya ialah murid-murid. Ini sebagai satu rekod ataupun kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak jawab saya amat berterima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi masa.

Dr Leo Michael Toyad: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas dan di sini saya ingin mencadangkan kalau boleh kerana kes-kes yang spesifik ini menjadi bukti, bolehlah dihantarkan kepada Kementerian untuk dikaji dan disiasat.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah ulasan saya mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbincangan Titah Diraja yang menyentuhkan Kementerian Pendidikan. Perkara-perkara yang tidak sempat saya sentuh dan tidak dapat dijelaskan pada masa ini dalam ulasan saya tadi adalah dalam perhatian Kementerian Pendidikan. Saya sudah dengan sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran yang membina kepada Kementerian Pendidikan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Timbalan Menteri Luar Negeri.

4.44 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menunjukkan minat yang makin meningkat ke atas urusan dasar luar

negeri seperti yang dibuktikan oleh kualiti ucapan dan pandangan-pandangan mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah mengingatkan Kerajaan supaya berhati-hati terhadap tindak-tanduk Britain berhubung dengan buku yang dikarang oleh Salman Rushdie. Soal Malaysia menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel dan isu Salman Rushdie adalah dua perkara yang berasingan dan tidak harus dicampur adukkan. Dengan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Komanwel, Malaysia berpeluang memperkenalkan negara di mata dunia terutama dalam usaha kita menjadikan negara kita sebagai pusat konvensyen dan dalam usaha-usaha menarik para pelancong luar negeri dan pelaburan asing ke Malaysia. Kita tidak harus dikawal oleh emosi menolak kehadiran Britain di persidangan tersebut semata-mata kerana Britain tidak menurut keputusan Iran untuk menghapuskan Salman Rushdie. Malaysia mempunyai pendiriannya tersendiri berhubung dengan buku tersebut dan Kerajaan telah pun mengambil tindakan mengharamkannya. Jelas bahawa pendirian kita dengan Iran berhubung dengan perkara ini adalah berbeza. Adalah sangat merbahaya bagi seseorang itu menganggap pendangannya mewakili pendapat orang-orang Islam di seluruh dunia. Manakala Malaysia mempunyai pendiriannya tersendiri berhubung dengan perkara buku itu, kita juga harus menghormati pendirian Britain dalam hal yang sama.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sibul supaya semua sekatan-sekatan terhadap lawatan ke Republik Rakyat China dilonggarkan bagi mengatasi masalah ekonomi. Saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan sentiasa mengkaji cara-cara bagi memperkukuhkan hubungan di

antara Malaysia dengan Republik Rakyat China. Oleh kerana sebab-sebab keselamatan, ideologi dan kedudukan parti komunis Malaya, Kerajaan masih mengenakan beberapa sekatan terhadap lawatan dari dan ke Republik Rakyat China.

Walau bagaimanapun bagi lawatan perdagangan dan ekonomi semua kemudahan diberi bagi menjayakan lawatan-lawatan tersebut. Saya juga ingin menjelaskan bahawa Kerajaan menggalakan perdagangan dan kerjasama ekonomi di antara Malaysia dan Republik Rakyat China.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. . . .

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap ya. Ahli dari Batu Berendam.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Saya tertarik hati dengan penjelasan Yang Berhormat sebentar tadi, iaitu Kerajaan menggalakkan perhubungan ekonomi di antara dua negara iaitu China dan Malaysia. Walau pun kita tahu sekarang ini Kerajaan Malaysia memang telah mengendorkan banyak syarat-syarat untuk rakyat kita pergi ke negara China tetapi malangnya sehingga hari ini dan saya minta penjelasan sedikit iaitu sehingga hari ini nampaknya syarat-syarat ketat masih dikenakan terhadap mereka yang datang daripada negara China untuk melawat ke negara kita, iaitu rakyat China untuk melawat ke negara kita, satu syarat yang saya rasa amat mendukacitakan, saya mempunyai contoh-contoh yang boleh saya berikan kalau sekiranya diperlukan dan apakah tindakan Kerajaan untuk menentukan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dan pemimpin-pemimpin lain.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Terima kasih di atas pendapat Yang Berhormat dari Batu Berendam tadi. Sukacita dimaklumkan bahawasanya Kerajaan sedang menimbang untuk melonggarkan syarat-syarat bagi lawatan warganegara Malaysia ke RRC mahupun sebaliknya dan insya Allah sekiranya kita telah habis membuat segala penyiasatan dan penyelidikan tentang cara-cara untuk kita memudahkan proses itu dan dibawa kepada Kabinet kita akan dapatlah satu proses yang mana lawatan ekonomi terutamanya dan juga lawatan sosial dan lain-lainnya akan dapat diperhebatkan, dipersenangkan dalam jangka masa yang tidak berapa lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching dalam ucapannya telah menyentuh mengenai isu hak asasi manusia dan permansuhan ISA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Malaysia memerlukan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi menjamin kestabilan politik dan kemajuan ekonomi serta keharmonian di kalangan masyarakatnya yang berbilang bangsa, agama dan budaya. Akta tersebut adalah perlu bagi memastikan keamanan, ketenteraman dan kestabilan negara daripada ancaman segelintir golongan yang bertujuan menimbulkan huru-hara di kalangan majoriti masyarakat. Kita tidak boleh mengenakan ukuran hak asasi kumpulan-kumpulan human rights, dengan izin, antarabangsa seperti Amnesty International dan tidak mengambil kira akan realiti yang wujud di negara kita. Sesungguhnya nama Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa tidaklah tercemar disebabkan kita mempunyai ISA kerana Malaysia terus menarik perhatian dunia dan disanjung tinggi di forum antarabangsa seperti di Bangsa-bangsa Bersatu. Kemenangan Malaysia menduduki kerusi Majlis

Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu adalah ukuran sokongan kuat yang kita perolehi di peringkat antarabangsa. Pada bulan Oktober tahun ini pula kita akan jadi tuan rumah kepada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel. Malaysia juga terus menerima pelabur-pelabur asing dari banyak negara dan jelas membuktikan bahawa ISA tidak sedikit pun menjejaskan hubungan kita dengan masyarakat antarabangsa.

Saya ingin merujuk kepada kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Larut yang menyentuh tentang pengiktirafan yang diberi oleh masyarakat dunia kepada Malaysia atas pemilihan Malaysia sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu bagi penggal 1989-1990. Suka saya nyatakan di sini bahawa Malaysia memang berasa bangga dengan perlantikan itu kerana kita telah bekerja kuat untuk mendapatkan kerusi tersebut. Kita telah berjaya mengalahkan Bangladesh dengan undi majoriti semasa pengundian yang telah dijalankan di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tahun lepas. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tugas utama Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu ialah untuk menjaga keamanan dan kestabilan dunia. Kabinet dunia ini dianggotai oleh 15 negara sahaja, iaitu 5 ahli tetap dan 10 ahli tidak tetap. Keahlian ahli tidak tetap hanyalah untuk penggal dua tahun sahaja. Memandangkan bahawa terdapat 159 negara yang menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu maka perlantikan Malaysia ini merupakan suatu peluang keemasan untuk kita bersama-sama memberi sumbangan terhadap matlamat menjaga keselamatan dan keharmonian antarabangsa. Pada pendapat saya, kejayaan Malaysia ini bukan sahaja mencerminkan kepercayaan masyarakat dunia terhadap keupayaan kita untuk melaksanakan tugas yang

berat ini tetapi juga akan mengharumkan lagi imej Malaysia di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat dari Larut juga telah menyentuh peranan penting yang dimainkan oleh Malaysia berhubung dengan isu Kampuchea. Malaysia bersama-sama negara-negara ASEAN yang lain akan terus memainkan peranan aktif untuk mencari penyelesaian yang komprehensif terhadap masalah Kampuchea.

Merujuk kepada teguran Ahli-ahli Yang Berhormat dari Larut dan Marang mengenai isu Afghanistan, ingin saya memaklumkan bahawa pendirian kita mengenai perkara itu adalah jelas iaitu kita sentiasa memberi sokongan penuh kepada perjuangan Mujahiddin bagi mengembalikan kemerdekaan dan kedaulatan negara mereka. Sokongan kita kepada Mujahidin bukan sahaja dibuat setiap persidangan antarabangsa yang merupakan sokongan moral, malah juga dari segi sokongan, bantuan kewangan sebagai tanda simpati dan komitmen terhadap perjuangan mereka. Kita juga bersedia untuk membantu negara Afghanistan dalam proses pemulihan pembangunan ekonominya setakat mana yang kita mampu. Penubuhan pejabat perwakilan Mujahidin di Kuala Lumpur adalah salah satu dari usaha kita ke arah membantu mereka. Malaysia sekarang sedang mengkaji berbagai aspek untuk membolehkan kita mengiktiraf Kerajaan sementara yang akan ditubuhkan oleh pihak Mujahidin Afghanistan.

Ahli Yang Berhormat dari Larut menyentuh juga mengenai penyertaan kita dalam kumpulan tentera pemerhati Iran-Iraq Bangsa-bangsa Bersatu, dengan izin (United Nations International Military Observers Group). Penyertaan kita dalam kumpulan tersebut adalah merupakan satu penghargaan dari masyarakat antarabangsa kepada negara kita dan

ianya selaras dengan dasar kita dalam usaha mencari perdamaian di rantau tersebut. Juga dimaklumkan bahawa kontinjen pertama yang menyertai UNIMOG telah pun kembali ke Malaysia setelah berkhidmat di sempadan Iran/Iraq selama enam bulan. Perkhidmatan yang telah diberikan oleh mereka amat membanggakan dan berjaya mengharumkan lagi nama Malaysia. Kontinjen kedua yang terdiri daripada 15 pegawai tentera telah pun berlepas ke Iraq untuk menggantikan kontinjen yang telah kembali.

Berhubung dengan penghantaran anggota-anggota tentera negara sebagai pasukan pendamai Namibia ataupun UNTAG, keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu memilih Malaysia sebagai sebuah negara di antara hanya tiga buah negara sahaja untuk menyumbangkan pasukan tenteranya bagi menganggotai pasukan pendamai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Namibia, dengan izin, United Nations Transition Assistant Group, jelasnya UNTAG, ianya merupakan satu penghargaan juga yang paling tinggi terhadap Malaysia khususnya dan pasukan tentera Malaysia amnya.

Rakyat Malaysia patut berasa bangga di atas pemilihan Malaysia ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini pasukan Malaysia ke UNTAG terdiri daripada 889 anggota tentera yang terbahagi kepada tiga kumpulan seperti berikut:

- (i) seramai 859 orang anggota Batalion Infantry ringan;
- (ii) 14 orang pegawai tentera sebagai kakitangan ibu pejabat UNTAG di Namibia;
- (iii) 25 orang pegawai tentera sebagai pemerhati-pemerhati tentera.

Setakat ini 36.

Dr Abdul Hadi bin Derani:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia minta penjelasan agaknya.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Saya hendak minta penjelasan. Berkenaan kontingen tentera Malaysia ke Namibia, adakah tentera kita ini dilengkapi dengan peralatan yang mencukupi untuk, pertamanya menjalankan tugas-tugas mereka dan keduanya untuk mempertahankan diri atas sebarang kemungkinan umpamanya serangan-serangan daripada pihak-pihak tertentu seperti tentera-tentera Afrika Selatan ataupun pasukan gurilla. Memandangkan bahawa semasa kontingen kita bertugas di Kongo dahulu bahawa tentera-tentera kita tidak mempunyai alat yang mencukupi dan telah menjadi ancaman kepada keselamatan anggota tentera kita.

Dato Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Walaupun jawapan itu sepatutnya dijawab oleh Kementerian Pertahanan tetapi saya ingin menyatakan bahawa setahu sayalah bahawa kelengkapan senjata yang dibekalkan kepada tentera kita adalah mencukupi. Setakat ini 36 orang anggota tentera telahpun berada di Namibia. Bakinya seramai 853 orang dijangka akan berlepas ke Namibia dalam minggu pertama bulan April depan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa di bawah pimpinan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, pasukan UNTAG akan menjalankan tugasnya dengan berkesan dan menjamin bahawa proses peralihan Namibia ke kemerdekaan akan berjalan dengan jayanya. Malaysia menunggu masa untuk menyambut Namibia sebagai sebuah negara merdeka selaras dengan Resolusi 435 Majlis

Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan atas ulasan mengenai pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah kepada CHOGM tahun ini yang dibuat oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Sememangnya Kerajaan dan rakyat Malaysia boleh berbangga atas kejayaan dan keyakinan negara-negara ahli Komanwel terhadap Malaysia untuk mengelolakan mesyuarat yang besar dan penting seperti ini. Dan pihak kita sebagai tuan rumah akan memastikan segalanya akan berjalan dengan lancar dan mencapai setinggi kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja yang dapat saya jawab terhadap perkara-perkara dan pandangan-pandangan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan isu-isu dasar luar negara. Saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohmaed Amin bin Haji Daud): Dijemput Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab.

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan ulasan yang membina di atas perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan akan mengambil perhatian di atas pandangan dan juga teguran-teguran tersebut. Di antara isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah seperti berikut:

(i) Kejatuhan nilai ringgit;

- (ii) Kegiatan perjudian;
- (iii) Hutang luar negara;
- (iv) Kes penipuan sebanyak \$22.2 juta di Bank Negara baru-baru ini;
- (v) Kedudukan Bank Pusat Kerjasama (CCB); dan
- (vi) Perkara-perkara yang lain yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai nilai ringgit, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Hulu Selangor, Sibn dan lain-lain telah membangkitkan isu kejatuhan nilai ringgit ini. Selain daripada itu, seramai 15 Ahli-ahli juga telah mengemukakan isu ini sebagai soalan Jawab Mulut dalam persidangan ini dan jawapan yang panjang lebar telah diberikan pada 7hb Mac, 1989 yang lepas dan dengan itu tidak perlu lagi bagi saya mengulas secara lebih mendalam mengenai perkara ini.

Walau bagaimanapun, saya perlu mengulas saranan atau pandangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas yang menyatakan kejatuhan nilai ringgit itu adalah disengajakan oleh Kerajaan di samping menuduh Menteri Kewangan sebagai tidak jujur dan tidak bertanggungjawab kerana tidak memberikan gambaran yang sebenar mengenai nilai ringgit.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pernah membangkitkan soalan yang sama semasa membuat soalan tambahan pada 17hb Mac, 1989 dan rakan sejawat saya, Yang Berhormat Tuan Loke Yuen Yow, Timbalan Menteri Kewangan telah memberi jawapan menolak pendapat atau pandangannya itu.

Tuduhan yang telah dilemparkan ke atas Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah tidak berasas dan tidak bertanggungjawab. Ini ialah kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Timbalan-timbalannya

telah pun menerangkan kedudukan ekonomi dan juga nilai ringgit di Dewan ini beberapa kali. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini yang tidak faham atau kalau fahampun, sengaja tidak mahu memahami penjelasan yang diberikan. Di samping itu, mungkin Ahli-ahli ini tidak membaca langsung laporan-laporan yang telah dibuat di dalam Laporan Ekonomi yang telah diberi secara percuma kepada semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, penerangan yang sejelas-jelasnya telah diberi pada 7hb Mac, 1989 mengenai kedudukan nilai ringgit, bagaimana nilai ringgit ini ditetapkan dan apakah kesan-kesan nilai ringgit terhadap ekonomi dan usaha Kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi negara. Jawapan yang diberikan itu adalah mencukupi untuk membolehkan semua Ahli-ahli di dalam Dewan yang mulia ini memahami akan keadaan ekonomi dan nilai ringgit.

Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab. Kita tidak ada niat untuk menganiaya atau menipu rakyat ataupun menyusahkan rakyat. Sebaliknya, Kerajaan kita adalah Kerajaan yang berjiwa rakyat yang mementingkan kepentingan rakyat. Oleh kerana inilah kita bertungkus-lumus, bekerja bersungguh-sungguh, berusaha untuk memperbaiki dan memperkukuhkan kedudukan ekonomi setelah ekonomi negara mengalami kesan kemelesetan ekonomi dunia. Alhamdulillah, dengan izin Allah, usaha-usaha murni kita itu telah pun tercapai dan ekonomi kita telah pun kembali pulih dan saya percaya usaha baik kita ini untuk mengukuhkan ekonomi demi kepentingan rakyat di negara ini akan berjaya.

Mengenai dengan kegiatan perjudian, Ahli-ahli Yang Berhormat

dari Pasir Mas, Arau, Marang, Pengkalan Chepa, Besut, Pasir Pinji, Shah Alam, Sabak Bernam, Parit dan Maran menimbulkan beberapa persoalan dan cadangan berkaitan dengan kegiatan perjudian. Di antara persoalan dan cadangan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah:

- (i) pengeluaran lesen-lesen perjudian bertentangan dengan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam;
- (ii) menggesa Kerajaan mengharamkan dan menghapuskan judi sekiranya mahukan negara yang aman makmur dan mendapat restu dan keampunan Allah;
- (iii) semua orang Islam seharusnya tidak dibenarkan sama sekali melibatkan diri dalam semua bentuk perjudian;
- (iv) kebanjiran perjudian sudah sampai ke tahap yang membahayakan jika keadaan ini tidak dikawal dengan rapi;
- (v) slot machine telah pun merosakkan akhlak kanak-kanak sekolah, askar, polis serta pegawai-pegawai Kerajaan;
- (vi) pengeluaran lesen-lesen perjudian kepada orang-orang yang menggunakan orang-orang yang berpengaruh dan orang-orang atasan;
- (vii) lesen Kasino Genting Highlands telah memberi kekayaan kepada tokeh-tokeh tetapi keuntungan itu telah mula dilaburkan di negara-negara luar yang mana tidak mendatangkan keuntungan kepada negara ini;
- (viii) siapakah pemegang saham dan Lembaga Pengarah Syarikat Ascot Sdn. Bhd. dan Pan-Malaysia Sweep Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil berat terhadap masalah perjudian ini. Saya tidaklah bercadang untuk menjawab satu persatu soalan-soalan yang ditimbulkan itu. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dijelaskan di Dewan yang mulia ini, Kerajaan memang memandang berat terhadap masalah perjudian ini. Jemaah Menteri telah memutuskan untuk mengkaji masalah ini dan akan membuat keputusan mengenainya tidak lama lagi. Dalam pada itu, Kementerian Kewangan sentiasa mengawasi perkembangan aktiviti perjudian di negara ini.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa hendak apa?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan, sila.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengenai apa yang dibangkitkan sekejap tadi, khususnya mengenai perjudian. Sebelum saya kemukakan penjelasan mengenai perjudian, saya cuba timbulkan mengenai apa yang dibangkitkan sebelumnya iaitu kejatuhan nilai matawang. Saya ada kaitkan juga dalam ucapan saya mengenai kejatuhan nilai matawang Malaysia, tetapi saya sebut dalam ucapan saya itu ia merupakan satu daripada "bala" tetapi pihak Timbalan Menteri tidak jawab apakah beliau setuju atau tidak kalau dianggap sebagai "bala" atau sebaliknya dan saya tidaklah menuduh kepada mana-mana pihak.

Yang kedua, mengenai perjudian yang mana Timbalan Menteri Kewangan sendiri mengakui ia merupakan sebagai wabak, tetapi yang saya ingin mendapat penjelasan kerana separuh daripada jawapan beliau sekejap tadi, pihak Kabinet sedang mengkaji dan akan membuat satu keputusan. Jadi, saya amat dukacita, Tuan Yang di-Pertua, sebab masalah perjudian ini disentuh dalam Dewan ini, dalam persidangan yang sedang kita ikuti hari ini, sebahagian besar Wakil Rakyat sendiri telah mengambil peranan dan meminta Kerajaan supaya mengambil sikap yang tegas.

Yang ketiga, dari semua agama pun judi ini tak boleh diterima, bukan agama Islam sahaja, agama mana pun tak boleh menerimanya.

Yang keempat, apakah usaha Kerajaan untuk memimpin dan membersihkan keadaan hidup rakyat sekiranya perkara ini yang boleh merosakkan dan boleh membawa akibat yang lebih besar tidak dapat dipertanggungjawabkan?

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, pada hari kelmarin, Yang Berhormat Ahli dari Shah Alam telah mengatakan bahawa Pemuda UMNO sendiri sudah lama mengambil keputusan mendesak Kerajaan supaya mengharamkan dan juga pemuda UMNO (Baru) dalam surat khabar dua minggu lalu telah mengambil keputusan mendesak Kerajaan supaya mengharamkan judi. Jadi, tidak ada masalah untuk Kerajaan itu mendolak-dalik supaya dapat bertindak dengan tegas. Tetapi sampai hari ini saya tidak faham siapa UMNO, siapa Kerajaan dan siapakah yang memimpin Kerajaan hari ini kalau tidak UMNO? Jadi, yang manakah UMNO, yang manakah Kerajaan? Kalau apa yang diputuskan oleh UMNO Kerajaan tak boleh bertindak, apa keputusan UMNO

Kerajaan tak boleh buat, jadi manakah Kerajaan yang diagung-agungkan oleh UMNO?

Jadi, saya tidak faham. Sebab itulah saya minta jawapan tegas, dalam ucapan saya pun saya minta jawapan yang tegas dan hari ini pun saya tak mahu mendengar lagi jawapan hendak kaji. Kita hendak kaji itu benda baru berbangkit, benda baru timbul, sedangkan sudah 30 tahun dan judi ini beratus tahun sudah nyata haramnya. Hendak kaji apa lagi, hendak kaji halal-haram? Kalau tak mahu, cakap tak mahu, kalau mahu cakap mahu. Itu sahaja sebab benda ini telah sebulat suara diterima oleh semua orang yang beragama, apatah lagi Islam.

Dan saya mengemukakan hujah ini untuk membela Kerajaan sebab Kerajaan tidak mahu dengar benda hodoh, walau hodoh pun dia tidak mahu dengar. Jadi kalau tidak mahu dengar benda hodoh tolong tunjuk sikap yang baik. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa kerana membangkitkan hal berkenaan dengan perjudian dan juga kejatuhan wang ringgit. Saya ingat nilai ringgit itu telah pun dijawab dengan terperinci dalam Dewan ini juga dan telah pun menimbulkan banyak minat di antara Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mengenai perjudian telah pun kita katakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya yang didukung oleh UMNO; bukan Kerajaan UMNO tetapi Barisan Nasional yang didukung oleh UMNO mendengar cadangan-cadangan ini dan telah pun membuat keputusan yang pertama iaitu untuk mengkaji masalah ini sedalam-dalam yang mungkin dan akan membuat keputusan mengenainya tidak lama

lagi. Saya berharap Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dapat bersabar dan menunggu pengumuman daripada Kementerian Kewangan mengenai masalah ini. Bukan kita tidak mahu dengar apa yang hodoh, yang hodoh pun kita mahu dengar juga. Jika sekiranya diizinkan

Tuan Haji Nik Abdullah bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sekejap, biar dia habis dulu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya tidak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak habis lagi. Biar dia habiskan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tidak apalah. Kalau yang hodoh pun kita dengar juga. Begitu jugalah pihak-pihak yang lain. Kalau sekiranya kita sanggup menuduh orang lain atau menyuruh orang lain mendengar yang hodoh, kita pun juga sanggup mendengar yang hodoh. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan dengan tegas di sini bahawa kita bukan mengambil ringan masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya kita mengambil berat tentang masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Dan oleh kerana itulah saya menyatakan bahawa Kerajaan sedang dan sentiasa mengawasi perkembangan aktiviti perjudian ini dan telah pun membuat keputusan untuk mengkajinya dengan sedalam yang mungkin dan akan membuat keputusan dan akan membuat pengumuman tidak lama lagi. Itulah saya minta Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bersabar dan menunggu keputusan dan juga pengumuman tersebut.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bersabar kalau pihak Timbalan Menteri sanggup memberi keputusan yang sama. Tetapi kalau tidak sanggup beri keputusan yang sama, saya tidak boleh sabar. 30 tahun sudah saya sabarnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ini sudah hendak buat keputusannya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak Timbalan Menteri Kewangan tidak yakin bahawa semua parti-parti komponen setuju bahawa perkara ini haram. Yang tidak bersetuju saya percaya orang perseorangan, orang yang mahu mencari keuntungan untuk peribadi. Tetapi kalau parti semua dia bertanggungjawab, hatta DAP dia sokong kalau atas nama parti. Jadi tidak ada sebablah UMNO ini dan saya tidak nampak dia hendak mempertahankan kedudukannya yang sebenar. Itulah sahaja.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih banyaklah. Bolehkah saya sambung terus?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh, teruskanlah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup kuoram.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak cukup kuoram pula. Setiausaha, tolong bilang. 21, tolong bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: 38 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 38. Timbalan Menteri boleh teruskan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keuntungan Genting Berhad yang dilaburkan di negara-negara luar, perkara ini adalah tertakluk di bawah kawalan pertukaran wang semasa di Bank Negara. Sekiranya pemilik Genting Highlands Berhad memenuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan maka ianya bolehlah membawa wangnya keluar negeri.

Seperti yang telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan pada 7-3-89, Kerajaan akan mengambil beberapa tindakan tegas untuk mengawal kegiatan perjudian ini. Di antara langkah-langkah awal yang telah diambil ialah:

- (i) Lesen baru bagi segala kegiatan perjudian tidak akan dikeluarkan;
- (ii) Syarat-syarat pengendalian mesin slot sedang diperketatkan dan kira-kira 70% daripada lesen-lesen mesin slot yang telah pun dikeluarkan akan ditarik balik;
- (iii) Kerajaan tidak akan meluluskan sebarang premis baru atau bangunan/kawasan baru sebagai pusat pertaruhan untuk Syarikat Ascot Sports;
- (iv) Tindakan sedang diambil untuk mengawal kegiatan loteri Big Sweep.

Tuan Yang di-Pertua, bagi persoalan-persoalan mengenai perjudian yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang tidak sempat saya jawab, sukalah saya nyatakan bahawa semua cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu telah pun diambil ingatan dan akan diambil tindakan oleh Kementerian Kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga telah membangkitkan isu hutang negara

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat nanti sekejap. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Masih lagi dengan judi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masih lagi dengan judi?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sedikit sahaja. Kerajaan telah membuat keputusan tidak akan mengeluarkan lagi lesen-lesen baru dan di samping itu akan membuat keputusan tidak berapa lama lagi. Keputusan itu nanti kita harap keputusan tegas iaitu mengharamkan segala bentuk perjudian. Tetapi kita bimbang nanti apabila kita katakan lesen baru sudah dihentikan, akan mengawasi, seolah-olah memberi gambaran kepada rakyat segala-galanya under control, dengan izin tetapi perkara ini terus berjalan. Jadi maksud pertanyaan saya samalah dengan Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa iaitu keputusan yang akan dibuat itu nanti apakah Kerajaan akan mengharamkan perjudian ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya maklumkan tadi kepada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan juga dalam jawapan saya, saya mengatakan Kerajaan akan mengkaji daripada semua sudut untuk menentukan sesuatu dasar mengenai perjudian ini. Oleh kerana itulah saya meminta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan bersabar untuk menunggu keputusan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hutang negara yang saya sebutkan tadi, seperti yang telah pun sering dinyatakan di dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak pernah membuat pinjaman untuk membiayai projek-projek mewah atau projek-projek yang tidak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Kita tidak dapat lari daripada kenyataan bahawa usaha-usaha bagi menaikkan taraf hidup rakyat terutama di luar bandar ini serta pelajaran, kesihatan dan infrastruktur yang dinikmati oleh negara pada masa kini tidak akan tercapai tanpa pinjaman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah sentiasa peka terhadap jumlah dan kesan hutang tersebut. Selaras dengan itu, Kerajaan telah pun memperolehi sebahagian besar pinjaman untuk projek-projek pembangunan dari punca tempatan. Bagi mengurangkan kesan pinjaman luar pula, Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah tertentu, di antaranya termasuklah:

- (a) mengurangkan jumlah pinjaman luar;
- (b) membuat bayaran awal beberapa pinjaman yang telah pun diperolehi atas syarat-syarat yang tidak menguntungkan; dan
- (c) pinjaman dilakukan dalam berbagai-bagai matawang supaya negara tidak bergantung kepada satu ataupun dua matawang asing sahaja.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, prinsip pinjaman Kerajaan tidak berubah sejak dahulu lagi. Pinjaman dibuat untuk membiayai projek-projek berdayamaju, projek-projek yang telah pun menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan meninggikan taraf hidup rakyat di samping projek-projek yang menambahkan tukaran asing. Ada di antara projek-projek yang dibiayai

melalui pinjaman ini memberi faedah secara tidak langsung dan ada pula antaranya mengambil masa yang panjang sebelum faedahnya dapat dilihat ataupun dinikmati oleh kita.

Mengenai kes penipuan \$22.2 juta yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu yang berkaitan dengan Bank Negara pada tahun lepas, saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa Kementerian Kewangan dan Bank Negara khususnya memang merasai kesal dan telah pun saya nyatakan dalam Dewan ini juga, negara merasa malu di atas perkara yang telah berlaku itu. Bagaimanapun, sebagaimana yang telah pun saya jelaskan semasa menjawab pertanyaan-pertanyaan di Dewan ini, kes ini tidak harus dianggap sebagai menjejaskan kedudukan Bank Negara sebagai pengawas institusi-institusi kewangan kerana ianya berlaku disebabkan oleh penipuan seseorang kakitangannya yang tidak amanah dan bukan oleh kecuaiannya. Tidak ada undang-undang yang benar-benar dapat menyekat penjenayah kecuai sikap amanah dan bertanggungjawab semua pihak yang berkenaan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):
Yang Berhormat dari Bagan Serai bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, adakah pihak Kerajaan akan membuat gantirugi di atas kehilangan wang yang dipunyai oleh Bank Simpanan Nasional ini yang dilabur melalui Bank Negara tetapi tidak diambil dan telah dilesapkan oleh kumpulan yang tertentu. Adakah Kerajaan bercadang untuk membayar balik keseluruhan wang yang telah hilang ini seperti Kerajaan telah membayar kepada koperasi yang

ditaja oleh sebuah parti dalam negara ini di mana Kerajaan membayar satu bayar satu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, telah pun diterangkan di dalam akhbar dan juga mass media yang lain-lain bahawa wang sebanyak \$22.2 juta itu sebenarnya wang Bank Negara dan telah pun dijelaskan juga sebenarnya ia bukan wang Bank Simpanan Nasional tetapi wang Bank Negara sendiri. Oleh kerana itu maka tidak perlu saya ulang lagi sebab kenyataan telah pun dibuat dan telah pun dijelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan sewajarnya mengenai perkara tersebut telah pun dan sedang diambil oleh Bank Negara bagi memastikan perkara seumpama itu tidak berulang lagi. Ini termasuklah perlantikan sebuah firma perunding antarabangsa untuk mengkaji semula sistem kawalan dalamnya.

Mengenai kedudukan Bank Pusat Kerjasama (CCB), ini adalah satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kertas Putih mengenai 24 Koperasi Pengambil Deposit telah pun dikeluarkan dalam bulan November 1986. Semasa laporan tersebut dikeluarkan, kedudukan kewangan sebenar CCB masih belum diketahui lagi. Penyata Kewangan CCB bagi tahun 1986 hanya dikeluarkan pada bulan Disember, 1987. Apabila Penyata Kewangan ini dikeluarkan adalah jelas bahawa CCB menghadapi masalah kewangan yang tenat di mana ia mengalami kerugian terkumpul sebanyak \$329 juta dan dana ahlinya berada dalam keadaan defisit sebanyak \$251 juta. Penyata Kewangan CCB bagi tahun 1987 yang telah siap diaudit baru-baru ini menunjukkan bahawa CCB mengalami kerugian lagi sebanyak \$407 juta dan ini telah menjadikan kerugian terkumpulnya pada akhir

tahun 1987 meningkat ke paras \$726 juta. Dana ahlinya berkurang sebanyak \$625 juta. Dengan saiz

.....
Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Izinkan saya habiskan dahulu berkenaan CCB ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, habiskan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Dengan saiz kerugian yang besar ini, CCB adalah dalam keadaan tidak mampu membayar hutangnya dan tidak boleh meneruskan operasinya dalam bentuk yang ada sekarang. Oleh itu satu rancangan penyelamat khas perlulah disediakan ke atas CCB khususnya bagi menjaga kepentingan pendeposit-pendepositnya. Selepas menimbangkan beberapa pilihan, Kerajaan telahpun bersetuju untuk merangka satu skim penyelamat di mana sebuah syarikat kewangan berlesen telahpun dikenalpasti untuk mengambilalih harta-harta dan tanggungan deposit CCB. Dalam rancangan penyelamat yang dicadangkan, pendeposit-pendeposit akan menerima balik ke semua deposit mereka dalam CCB berdasarkan pembayaran balik seringgit untuk seringgit deposit.

Sejak Bank Negara mengambilalih kawalan atas perniagaan CCB, di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit), 1986, Bank Negara telahpun mempergiatkan usaha serta mengambil langkah yang sesuai, termasuk tindakan undang-undang ke atas peminjam-peminjam yang gagal menunaikan kewajipan masing-masing, bagi mendapat balik semua pinjaman mereka dengan CCB.

Sehingga akhir bulan Februari, 1989, CCB telah mendapat balik sebanyak lebih kurang \$187 juta sama ada melalui penukaran cagaran-cagaran atau bayaran oleh peminjam-peminjam. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana perkara ini dibangkitkan di Dewan ini, saya ingin memberitahu bahawa Encik Vincent Tan setakat ini telah pun mengikuti jadualnya menjelaskan lebih kurang \$48.4 juta daripada jumlah pinjamannya.

Mengenai saham Bank Buruh yang dipegang oleh CCB, saham-saham ini tidak boleh terus dipegang dan perlu dijual kepada pihak-pihak yang berminat kerana Akta Syarikat Kewangan, 1969 tidak membenarkan syarikat kewangan mengambilalih sesebuah bank seperti CCB yang memiliki kepentingan dalam Bank Buruh.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Zainal Abidin bin Zin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak apa, beri kepada Ahli dari Kepong dahulu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bukan. Timbalan Menteri kata Akta Kewangan 1999.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Akta Syarikat Kewangan 1969.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: 1969. Tadi tersebut 1999.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tidak, 1969. Kurang dengar agaknya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ataupun silap sebutlah!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sama-sama silaplah itu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tidak. Saya ingat kurang dengar. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Yang Berhormat dari Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tertarik dengan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai Vincent Tan—\$48.4 juta dibayar balik. Berapakah baki yang belum dibayar balik dan mengapa pasport beliau tidak dirampas dan sebagainya dan ada orang yang lain seperti Dato' Loy, Lee Eng Chee dan sebagainya, banyak lagi nama dalam senarai itu tidak menjelaskan pinjaman itu. Mengapa pasport mereka tidak dirampas dan mengapa usaha tidak diambil untuk mengembalikannya orang yang lari dari negara ini dengan wang yang banyak, seperti Mathimugam di Australia, ektradisi tidak dilakukan di situ?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin semasa saya menjawab tadi saudara Yang Berhormat dari Kepong kurang jelas berkenaan dengan kedudukan Vincent Tan. Saya telah menyatakan bahawa mengikut jadualnya Encik Vincent Tan telah pun membentangkan satu jadual pembayaran balik dan setakat ini beliau telah pun menjelaskan, saya ulangi ayat itu, Vincent Tan setakat ini telah pun menjelaskan lebih kurang \$48.4 juta daripada jumlah pinjamannya dan setakat ini beliau telah pun mengikuti jadual pembayarannya. Oleh kerana itulah kita berpuashati dengan prestasi hutang tersebut dan prestasi pembayaran tersebut.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Oleh kerana itulah maka kita dapati bahawa tidak perlu diambil tindakan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat untuk merampas pasportnya kerana beliau seperti saya nyatakan telah mengikuti jadual-jadual yang tertentu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap ya. Yang Berhormat dari Pasir Mas, jawapan kepada Yang Berhormat dari Kepong tidak habis lagi, sekarang ini hanya jawab tentang ekstradisi pula. Sila duduk.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Belum sampai ekstradisi lagi, masih bab yang sama. Saya bangun tadi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi diambil kesempatan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Sedikit sahaja.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya deal one by one. (*Ketawa*) Minta maaf, izinkanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Berkenaan dengan masalah ekstradisi, saya ingat Yang Berhormat sendiri sedia maklum Kerajaan telahpun mengambil beberapa tindakan undang-undang untuk melalui proses ekstradisi tetapi oleh kerana keputusan mahkamah telahpun menolak permohonan itu, kita sedang mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk merayu (*appeal*) dalam kes ini untuk membawa balik pihak yang berkenaan itu ke Malaysia untuk dibicarakan. Tetapi setakat ini saya ingat Yang Berhormat pun sedia maklum berkenaan dengan masalah ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan dengan memulakan perkataan tragedi dalam CCB ini satu lagi tragedi yang mengaibkan yang berlaku dalam sistem kewangan negara kita. Satu lagi, yang tidak putus-putus dan sekarang ini berkenaan dengan CCB kita sudah dengar masalah yang dibangkit dan telah pun dijawab. Yang saya hendak persoalkan di sini ialah sebab apakah Price Waterhouse mengikut apa yang saya baca dalam suratkhbar memang dilantik kalau tidak silap saya sebagai receivership kepada CCB. Bukankah Price Waterhouse ini, dahulu saya tidak tahu sekarang adalah kepunyaan ataupun Ahli Lembaga Pengarahnya ialah Gabenor Bank Negara sendiri. Saya baca dalam akhbar, kalau tidak betul saya tarik balik. Saya hendak minta penjelasan kerana perkara-perkara macam ini saya mengharapkan, saya amat berterima kasih kepada Timbalan Menteri Kewangan yang gigih menjawab dengan penuh sabar tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya memang benar berharap supaya perkara-perkara seperti ini dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang sepatutnya hadir menjawab perkara seperti ini. Tidak salah Timbalan Menteri menjawab. Walau bagaimanapun, saya mengatakan tadi untuk penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ianya mengaibkan. Ada yang pinjam \$100 juta, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, macam mana \$100 juta

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Yang Berhormat memberi ucapan itu! Yang Berhormat menyebut "yang mengaibkan" itu. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya, pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, sekarang sampai pada pertanyaan. Macam mana hendak dapat balik wang-wang yang diberi pinjaman dalam CCB ini? Saya sudah dengar

jawapan daripada Timbalan Menteri ini, macam mana kita hendak dapat balik. Ada yang \$100 juta saya difahamkan

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ya, jadi macam mana? Manakala orang lain yang pinjam \$2, \$3 juta, \$4, \$5 juta yang lain-lain terpaksa dilelongkan rumahnya kerana perniagaan ekonomi meleset. Tiba-tiba orang macam ini kita biarkan. Macam mana dan jaminan supaya ianya dapat dipulangkan balik oleh orang-orang yang berkenaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembetulan sedikit mengenai dengan perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat iaitu Price Waterhouse dilantik sebagai "receivership", sebenarnya "receiver" sahaja, tidak ada "ship". Yang kedua, Price Waterhouse memang dilantik sebagai "consultant" di dalam ini mengikut jawapan yang saya telah beri dalam Dewan ini kepada soalan Yang Berhormat sendiri kalau tidak salah saya. Saya ingat tidak perlu saya ulangi berkali-kali mengenai soalan yang serupa. Saya minta izin meneruskan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Dan tentu sekali sesuatu perkara yang berlaku di dalam negara ini terutama mengenai kedudukan sesebuah bank itu memang kita akui memalukan negara, memang mengaibkan tetapi Kerajaan tidak akan membiarkan perkara ini berlaku begitu sahaja tetapi telah pun mengambil langkah-langkah yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong bangun pula. Adakah hendak memberi jalan?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sekejap sahaja. Untuk melakukan beberapa langkah sekurang-kurangnya untuk mengurangkan masalah ini ataupun kalau diizinkan oleh keadaan menghapuskan masalah berkenaan dengan penipuan di dalam bank-bank dan juga institusi-institusi kewangan. Malah jika sekiranya kita lihat secara kasar kita dapati bahawa akhir-akhir ini terdapat dan kita akui banyak penipuan yang berlaku dalam institusi-institusi kewangan dan oleh kerana itulah maka kita terpaksa melihat semula secara keseluruhannya, wholistic approach, dengan izin, terhadap masalah penipuan di dalam bank-bank dan juga institusi-institusi kewangan termasuk CCB dan Bank Negara.

Dr Tan Seng Giaw: Dengan pendekatan "wholistic" ini bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa selepas pihak kami membangkitkan hal CCB ini pada tahun 1985/86. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua pun tahun semasa itu, pihak kami terutamanya Yang Berhormat dari Tanjong yang membangkitkan hal ini di dalam Dewan yang mulia ini. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan mengapa tempoh masa yang begitu panjang diambil untuk mengambil tindakan itu sehingga salah satu pihak yang berkenaan itu dapat membebaskan diri dengan lari ke negara lain? Mungkin ada orang-orang lain yang lari daripada negara ini yang terlibat dalam kes CCB ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya pegawai-pegawai bank dan juga pihak-pihak yang berkenaan yang menjalankan sesuatu institusi kewangan itu mempunyai etika, mempunyai moral dan responsibility yang tinggi mungkin perkara-perkara ini tidak berlaku. Sebenarnya kita menyarankan beberapa kali supaya bank-bank dan institusi kewangan menentukan bahawa pegawai-pegawai yang dilantikkan di tempat-tempat yang

memerlukan amanah yang tinggi, mempunyai sifat-sifat dan ciri-ciri yang tertentu saya ingin menyatakan di sini, it is almost impossible, minta izin, untuk menentukan bahawa orang yang diletakkan itu beramanah betul. Tetapi walau bagaimanapun, selepas berlakunya kes-kes yang tersebut termasuk kes CCB, kita telah pun secepat mungkin mengambil langkah-langkah yang boleh membanteraskan masalah ini. Daripada rekod yang kita ada, saya ingin menyatakan di sini dengan ikhlas bahawa kita telah pun berusaha bersungguh-sungguh, within reasonable period, dengan izin, untuk membanteraskan masalah ini melalui tindakan-tindakan yang tertentu. Oleh kerana itu, maka kita telah pun dapat sekurang-kurangnya seperti yang saya terangkan hari ini, menyelesaikan ataupun membanteraskan masalah ini mengikut langkah-langkah yang telah pun dicadangkan seperti melantik satu "consultant" dan melakukan beberapa langkah yang dipercayai boleh menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun pula. Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya belum habis lagi, minta izin. Dan saya ingin menyatakan di sini mungkin kita semua mengharapkan, saya sendiri pun percaya bahawa Yang Berhormat sendiri pun bersetuju dengan saya, memang ini memalukan dan saya juga berharap supaya pegawai-pegawai inilah, pegawai-pegawai yang patut mempunyai amanah yang tinggi yang duduk di tempat-tempat yang patut memerlukan amanah ini, menjalankan tugas mereka itu dengan sempurna dan Insya Allah dengan adanya check system, alert system, dan Jabatan Audit Dalam yang telah pun dicadangkan ini, Insya Allah ianya dapat

dikurangkan dan mungkin dibasmikan terus, Insya Allah. Tetapi seperti yang saya telah terangkan, jika kita luluskan undang-undang apapun dalam Dewan ini seketat mungkin, kita tidak dapat menjamin bahawa jenayah akan dihapuskan.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas berkenaan dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, saya ingat memadamkan saya katakan di sini bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan memang ingin datang ke sini untuk menjawab soalan Yang Berhormat tetapi oleh kerana tekanan-tekanan kerja yang berkenaan maka beliau meminta saya mewakilinya. Tetapi jawapan ini bukan jawapan Timbalan Menteri Kewangan tetapi jawapan ini adalah jawapan daripada Kementerian Kewangan. Jadi, oleh kerana itulah maka saya harap bahawa Yang Berhormat jangan salah anggap. Ini jawapan bukan daripada saya sebagai Timbalan Menteri tetapi jawapan ini adalah daripada Kementerian saya dan saya diminta mewakili Kementerian saya berkenaan dengan hal ini dan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun pula. Kita kesuntukan masa. Hendak beri jalan juga?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya ingat beliau ulang itu juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak teruskan. Sila teruskan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Sedikit sahaja. Saya harap berilah jalan untuk kepentingan rakyat, negara dan Dewan yang mulia ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya ingat untuk kepentingan Yang Berhormat sahaja. Minta maaf, izinkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak salah, apa orang kata pun saya akan menjalankan tugas saya, Tuan Yang di-Pertua. Tadi ada disebut mengenai dengan kalau moral tinggi pegawai-pegawai, kes-kes seperti ini tidak akan berlaku. Saya tidak percaya. Sebab pinjaman-pinjaman yang besar ini sudah lama ada peraturan, yang ber-puluh juta collateral tidak cukup dan sebelum wang itu dikeluarkan mesti mendapat clearance dari Bank Negara. Saya bimbang ada arahan-arahan tetapi orang-orang menjadi mangsa. Sebab itu saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau sedikit-sedikit saya pun flexible, hendak menolong orang meniaga saya sokong. Tetapi janganlah begini besar berlaku dalam CCB. Itu pertama.

Yang kedua, saya berterima kasih mengenai jawapan kenapa Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak jawab; betul saya faham Timbalan Menteri jawab soalan. Cuma saya rindu lama tidak nampak. Elok kalau dia datang, boleh kita tengok kalau ada juga, ada sekali sekala di sini. Itu sahaja.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu saya ulangi. Jawapannya serupa.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Sibul iaitu mengenai pengambilan 2,000 graduan tempatan yang diberi latihan silat dan, katanya, juga dibekalkan dengan 50 Land Cruiser dan 50 buah pistol oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak pernah memberi latihan silat kepada 2,000 graduan tempatan dan juga membekalkan mereka Land Cruiser ataupun pistol. Bagaimanapun

Jabatan Hasil Dalam Negeri ada memberi latihan Silat Pancang XII kepada kakitangan yang berminat selepas masa pejabat. Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kecekapan kakitangan yang mana dengan sendirinya akan meningkatkan prestasi kerja mereka. Selain daripada itu Jabatan Hasil Dalam Negeri telah membeli 24 buah kenderaan iaitu 17 Pajero dan 7 buah Isuzu Trooper untuk kegunaan pegawai apabila melawat tempat perniagaan pembayar cukai dan bukannya untuk digunakan oleh graduan tempatan. Berkaitan dengan pemilihan senjata api, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah memperolehi kelulusan daripada pihak polis dan sekarang ini mempunyai 45 buah pistol yang masih disimpan dan belum diserahkan kepada sesiapa pun. Senjata api ini adalah untuk kegunaan Pegawai Penyiasat untuk perlindungan diri mereka ataupun untuk self-defence, dengan izin.

Oleh kerana kesuntukan masa, saya tidak dapat menjawab semua semua isu-isu dan soalan-soalan yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan satu persatu. Bagaimanapun, seperti yang saya nyatakan di atas dalam ucapan saya yang awal, saya ingin memberi pengakuan di sini, bahawa Kementerian Kewangan akan mengambil perhatian semua teguran-teguran dan pandangan yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Titah Di Raja ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya tamat ucapan saya ini izinkan saya menyentuh sedikit soal tender yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini kelmarin. Semasa perbahasan Titah Di Raja seorang Ahli iaitu Yang Berhormat dari Saratok telah mencadangkan supaya Lembaga Tender Persekutuan tidak memilih tender yang rendah sekali yang mana kadangkala boleh menimbulkan kesan yang tidak

diingini seperti tidak dapat menyiapkan projek. Semasa menggulung perbincangan pada 15hb Mac, kelmarin, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya telah pun menjelaskan bahawa keputusan terakhir adalah terletak kepada Kementerian Kewangan dan Kementerianya hanya sebagai ejen pelaksanaan sahaja. Jika dalam Jawatankuasa Tender terdapat lima orang pegawai JKR dan seorang pegawai Kementerian Kewangan, jika pegawai dari Kementerian Kewangan tidak bersetuju di atas perakuan pegawai daripada JKR, maka JKR tidak boleh buat apa-apa. Menurut Yang Berhormat Menteri berkenaan, beliau telah pun berhubung dengan Kementerian Kewangan mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai ulasan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut sistem pengurusan penawaran tender yang diamalkan sekarang, Kerajaan tidak terikat untuk menawar kepada tender yang terendah. Pihak Kerajaan hanya memberi tender-tender kepada tender yang, dengan izin, *acceptable lowest and* pihak Jawatankuasa akan mengkaji dengan teliti harga yang sepatutnya. Jadi, jika didapati harga yang ditawarkan itu terlalu rendah dan berpendapatan bahawa beliau tidak akan dapat menyelesaikan kerja maka Kerajaan tidak akan menawarkan kerja itu kepada yang terendah sekali. Dengan itu saya harap perkara ini mendapat sedikit penjelasan mengenai kedudukan tender yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kesihatan.

5.46 ptg.

Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, hanya beberapa teguran telah dibangkitkan mengenai Kementerian Kesihatan di dalam Dewan yang mulia

ini sepanjang perbincangan atas Usul Ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diadakan. Sukalah saya mengulas dan menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Rajang telah menyoalkan tentang kekurangan infrastruktur termasuk klinik dan hospital-hospital di negeri Sarawak. Beliau juga telah meminta Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk membina banyak lagi klinik dan hospital desa di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan senantiasa berusaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan di seluruh negara terutama di kawasan pedalaman termasuk negeri Sarawak. Pengagihan sumber bagi projek-projek pembangunan kemudahan kesihatan di seluruh negara dibuat selepas kajian teliti dan terperinci dengan mengambilkira bahawa imbalan distribusi yang saksama dicapai bagi seluruh negara. Keutamaan akan diberi bagi kawasan yang masih belum ada lagi kemudahan-kemudahan kesihatan yang diperlukan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan Pusat telah meluluskan sejumlah 25 klinik desa, 2 pusat kesihatan, 1 klinik ibu dan kanak-kanak, 2 poliklinik dan 5 hospital untuk negeri Sarawak. Jumlah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kelima untuk negeri Sarawak adalah \$65,230,000.

Ahli Yang Berhormat dari Semporna telah membangkitkan dua perkara mengenai Kementerian Kesihatan. Yang pertamanya, beliau menyatakan keadaan Hospital Daerah Semporna yang serba kekurangan di mana bilangan katil-katil belum dapat ditambah dan meminta dipertimbangkan sebuah kereta ambulans bagi hospital tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan Hospital Daerah Semporna sebenarnya sudah mencukupi dari segi peralatan, katil-katil dan sebagainya. Di hospital tersebut telah ada 61 buah katil dan kadar penggunaan katil pada tahun 1988 ialah 61%. Purata pesakit-pesakit dalam sehari ialah 37 orang. Jumlah kemasukan bagi tahun 1988 ialah 4,181 pesakit. Jumlah kelahiran ialah 461. Purata pesakit luar adalah 223 orang sehari. Jumlah pesakit luar bagi tahun 1988 ialah 66,402 orang. Bilangan katil-katil yang ada pada masa ini dapat menampung bilangan pesakit-pesakit yang hendak mendapatkan rawatan. Di hospital ini juga sudah dibekalkan dua buah ambulans di mana kedua-duanya adalah di dalam keadaan baik dan sempurna.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai pembinaan Pusat Kesihatan Pulau Bum-bum di Semporna dan beliau meminta Kementerian Kesihatan memberi perhatian sewajarnya. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kedudukan perkara ini telah pernah dijelaskan oleh Kementerian pada satu ketika dahulu. Sekali lagi ingin saya menjelaskan bahawa Projek Pusat Kesihatan ini terpaksa ditunda pelaksanaannya dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Kelima oleh kerana kekurangan peruntukan pembangunan. Sebagai langkah sementara Kementerian Kesihatan telah pun membuat keputusan untuk menghantar satu pasukan perubatan bergerak ke Pulau Bum-bum dua kali sebulan. Pasukan perubatan akan dianggotai oleh seorang Pembantu Hospital dan seorang Pembantu Jururawat. Projek tambahan wad-wad bagi Hospital Daerah Semporna juga terpaksa ditunda pelaksanaannya buat sementara waktu. Pelaksanaan akan diteruskan apabila peruntukan diperolehi.

Seterusnya bagi menjawab teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Jerai di mana beliau meminta agar Kementerian Kesihatan dapat mengadakan bekalan lampu di kawasan luar klinik-klinik desa dan pusat-pusat kesihatan kecil di kawasan beliau bagi memudahkan jururawat desa untuk dihubungi pada waktu malam apabila perkhidmatan beliau diperlukan oleh orang-orang kampung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rumah bidan dan klinik Kampung Pisang, Yen dan juga Klinik Desa Permatang Buluh, Yen di kawasan Jerai tidak mempunyai bekalan elektrik pada masa ini. Walau bagaimanapun kerja-kerja pendawaian telah pun dibuat di kedua-dua klinik ini. Ujian juga telah dibuat oleh pihak Jabatan Kerja Raya Elektrik. Dijangka bekalan elektrik akan dapat diberi pada bulan April pada tahun ini.

Akhir sekali, Yang Berhormat dari Sabak Bernam telah bertanya-tanya bilakah Hospital Sabak Bernam akan didirikan. Ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan telah meluluskan projek ini dan hospital ini akan dapat dibina pada awal Rancangan Malaysia Keenam.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan.

5.53 ptg.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas pandangan dan teguran yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan atas Titah Di-Raja yang menyentuh mengenai Kementerian Belia dan Sukan.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Maran mengenai penambahan bilangan pegawai belia dan sukan daerah, Kementerian Belia dan Sukan memang sedang dalam proses penyusunan semula struktur organisasinya termasuk penambahan pegawai belia dan sukan di peringkat negeri dan daerah. Perkara ini telah lama disedari oleh pihak Kementerian, iaitu tidak mungkin memadai dengan seorang sahaja pegawai di peringkat daerah bagi mengendalikan tugas-tugas memajukan masyarakat belia. Cadangan Kementerian Belia dan Sukan untuk menambahkan bilangan pegawai dan menyusun semula pentadbiran Kementerian di semua peringkat telah dikemukakan kepada agensi-agensi pusat tetapi belum lagi dapat diluluskan kerana dasar membekukan jawatan-jawatan baru masih lagi dikuatkuasakan kecuali bagi jawatan-jawatan yang tertentu. Namun demikian Kementerian Belia dan Sukan akan terus mengadakan perundingan dengan agensi-agensi pusat bagi menambahkan keupayaan Kementerian.

Mengenai teguran Yang Berhormat dari Maran juga berkenaan dengan pakaian untuk Sukan SEA yang kelimabelas, sukacita saya menerangkan bahawa Jawatankuasa Pengelola telah pun memberi perhatian yang berat ke atas aspek kesopanan bagi semua pakaian seragam pegawai dan peserta negara. Pada kali ini pilihan pakaian seragam untuk upacara perbarisan pada waktu perasmian kejohanan akan melambangkan identiti negara Malaysia yang unik supaya imej negara dapat ditingkatkan. Pakaian seragam ini akan berlandaskan ciri-ciri budaya tradisi tempatan agar imej negara yang tersendiri akan dapat perhatian umum.

Bagi peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam

perlumbaan, pakaian seragam yang melambangkan identiti negara akan juga ditentukan. Pakaian ini akan membolehkan para penonton mengenali pasukan Malaysia kerana rekabentuk dan warnanya akan diasaskan kepada warna-warna yang terdapat pada bendera negara. Bentuk dan design, dengan izin, sebenarnya akan dipersesuaikan dengan jenis sukan kerana keperluan yang perlu dipatuhi. Perlu saya tegaskan tidak ada bentuk pakaian seragam yang boleh dianggap tidak sopan atau melampaui batas susila masyarakat kita. Semua jenis pakaian adalah berbentuk yang lazim digunakan oleh pemain-pemain kita selama ini, cuma yang membezakannya ialah ciri-ciri identiti negara yang diseragamkan. Pakaian yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Maran itu ialah pakaian baju mandi yang tersiar dalam sebuah akhbar tempatan. Apa yang tidak dapat dilihat pada gambar itu ialah mereka yang memakai baju mandi itu juga memakai "tights", dengan izin.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun.

Dr Eng Seng Chai: Tidak cukup bilangan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup kuorum. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(*Ahli-ahli dikira. 36 Ahli hadir.*)

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup kuorum sekarang. Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pakaian yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran itu ialah pakaian baju mandi yang tersiar dalam sebuah akhbar tempatan. Apa yang tidak dapat dilihat pada gambar itu ialah mereka

yang memakai baju mandi itu juga memakai "tights", dengan izin, berwarna kulit yang menutup tubuh badan dari peha sampai ke hujung kaki mereka. Oleh itu gambar dalam akhbar tersebut sebenarnya adalah kurang jelas dan telah menimbulkan berbagai reaksi, walhal keadaan sebenarnya adalah sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai telah membuat satu tuduhan yang berat iaitu kononnya ahli-ahli Pemuda UMNO telah dihantar untuk berlatih di Libya dan mungkin juga di Russia. Tuduhan ini adalah tidak berasas sama sekali dan sengaja dibuat untuk menyokong dakwaannya kononnya ada "grand design" dalam Kerajaan. Lawatan ahli-ahli Pemuda ke Libya adalah berbentuk lawatan biasa sahaja dengan tujuan pendedahan dan menimba pengalaman dan tidak ada sebarang bentuk latihan yang dilakukan. Pemuda UMNO membuat lawatan ke banyak negara seperti ke Amerika Syarikat, Indonesia, Korea Selatan, Arab Saudi, Jerman Barat dan sebagainya. Suka saya tegaskan di sini bahawa tidak ada lawatan ke Russia yang dibuat oleh Pemuda UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, Pemuda UMNO tidak ada tujuan ataupun niat hendak menyerapkan budaya revolusi seperti yang didakwakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Setiap ahli rombongan diberi ingatan bahawa sistem dan keadaan dalam negara ini adalah berbeza dan memerlukan falsafah dan ideologi negara yang tersendiri. Oleh itu tidak ada yang harus dibimbang dengan lawatan ke negara Libya atau kepada negara-negara yang lain kerana tidak ada sebarang kesan yang mengancam keselamatan negara. Lagipun Kerajaan mempunyai tenaga yang cukup untuk mengawal keadaan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bibit-bibit benci yang ditanam dan

sikap penentangan yang diperlihatkan oleh "Golongan 46" itu adalah lebih merbahaya daripada sebarang kesan lawatan ke luar negeri yang dibuat oleh Pemuda UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian Belia dan Sukan dalam perbahasan atas Titah Di Raja baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Penerangan.

6.03 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin supaya dapat menjawab secara am tentang perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan Kementerian Penerangan yang telah disentuh oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Penerangan sedang menjalankan beberapa langkah pembaharuan khususnya yang berkaitan dengan penyiaran. Perubahan-perubahan yang berlaku iaitu seperti jenis rancangan dan jadual siaran televisyen adalah sebenarnya pendekatan baru ke arah penyiaran yang lebih berkesan dalam membantu pembangunan negara. Sejajar dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti, RTM melaksanakan langkah-langkah ke arah pencapaian matlamat ini dengan mengurangkan rancangan-rancangan yang diterbitkan sendiri. Kebelakangan ini RTM telah pun menswastakan sebahagian daripada rancangan-rancangannya seperti drama, hiburan dan beberapa jenis rancangan lain yang sedang dirancang untuk diterbitkan oleh pihak swasta. Akhirnya nanti RTM hanyalah menerbitkan rancangan-rancangan yang penting dan mustahak

untuk pembangunan negara iaitu seperti Berita, Hal Ehwal Semasa, Dokumentari, Drama Khas dan rancangan-ancangan pembangunan dan agama sahaja. Rancangan-ancangan yang lain akan dibeli dari pihak swasta sama ada dalam negeri mahupun daripada luar negeri.

Cara ini bukan sahaja akan dapat mengurangkan perbelanjaan tetapi juga akan memberi peluang kepada para penonton untuk mengubah selera yang dihidangkan oleh berbagai pengeluar ataupun "production house", dengan izin, yang mutu penerbitannya telah semakin bertambah baik. Di samping itu langkah ini juga akan membantu perkembangan industri perfileman dan televisyen di negara ini. Lebih banyak pekerjaan juga akan dapat diwujudkan dan akhirnya nanti apabila mutu penerbitan telah mencapai tahap yang tinggi, rancangan-ancangan terbitan Malaysia sama ada dalam bentuk drama, hiburan ataupun dokumentari akan dapat diedarkan ke luar negara iaitu sebagaimana yang dapat dilihat sekarang. RTM menyiarkan cerita-cerita dari Jepun, Filipina dan beberapa negara lain yang bukan berbahasa Inggeris.

Atas dasar dan asas inilah TV Malaysia sekarang ini mengurangkan penerbitannya dan tidak menerbitkan drama Tamil sebaliknya drama Bahasa Malaysia ataupun Cina juga akan dikurangkan atas sebab-sebab pengurangan belanja atau "cost effectiveness", dengan izin, yang saya telah sebutkan tadi. Sebaliknya seberapa boleh RTM akan membeli rancangan-ancangan dalam Bahasa Malaysia, Cina, Tamil dan Inggeris yang diterbitkan oleh "production house", dengan izin, di dalam dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan langkah-langkah penjimatan yang sedang dilaksanakan sekarang ini RTM juga terus berikhtiar untuk

meningkatkan kualiti teknikalnya dengan menggunakan peralatan yang lebih moden dan sofistikated. Pada masa ini RTM sedang melaksanakan peringkat pertama ke arah siaran terus melalui satelit atau "direct broadcast satellite" (DBS). Apabila sistem ini dilaksanakan kelak, pemancaran RTM akan menggunakan satelit sepenuhnya dan tidak lagi memerlukan pemancar mikro seperti yang ada pada sekarang ini. Siaran daripada Angkasapuri dibuat melalui KOMSAR atau Kompleks Satelit RTM yang memancarkan signal ke satelit PELAPA dan signal itu dipetik oleh stesen satelit bumi yang dikenal sebagai TVRO atau Television Received Only, dengan izin, dan kemudiannya dipancarkan terus kepada penonton- penonton di kawasan sekelilingnya.

Kesemua sebanyak 41 TVRO akan dipasang dan sistem DBS ini akan dapat meningkatkan lagi kualiti penyiaran siaran radio dan televisyen. Di samping itu kos penyelenggaraannya juga akan dikurangkan. Sistem ini membolehkan siaran televisyen dan radio meliputi hampir lebih kurang 95% berbanding dengan hanya kira-kira 70% pada masa sekarang di samping kadar gangguan atau kerosakan juga akan dapat dikurangkan.

Dengan lain-lain kata, pendekatan, perancangan dan pelaksanaan RTM pada masa ini sama ada daripada segi keperluan teknikal atau keperluan rancangan adalah ke arah siaran televisyen dan radio yang lebih baik dan berkesan lagi supaya sumbangan ke arah perpaduan rakyat dan pembangunan negara akan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik atas minat dan pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan rancangan-ancangan RTM. Dalam hubungan ini saya ingin

menjawab komen dan pandangan setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Rancangan Pesta Hiburan Kingsway. Rancangan ini bukanlah dibuat bagi mengenalkan budaya Kingsway, ia juga bukan bertujuan mengembangkan budaya Barat yang tidak sesuai dengan budaya negara ini. Sebaliknya RTM menyiarkan rancangan seumpama ini dengan tujuan yang baik. RTM adalah bertanggungjawab di antara lain untuk mengembangkan kebudayaan nasional. Kita harus sedar bahawa ramai bilangan rakyat kita terdiri daripada golongan muda mudi yang atas naluri dan perasaan kemudaannya sering terdedah dan dengan mudah terpengaruh kepada unsur-unsur budaya lain yang memang dengan mudah dapat memukau bukan sahaja muda mudi di negara kita tetapi di negara-negara lain juga. Oleh itu secara halus dan secara tidak langsung RTM cuba menyalurkan naluri muda mudi ini melalui rancangan kesukaan mereka tetapi dengan penuh bimbingan yang terkawal.

Perlu juga dinyatakan melalui berbagai rancangan di radio dan televisyen RTM juga menyiarkan bahan-bahan yang berfaedah, baik dalam bentuk rancangan agama mahu pun dokumentari. Tetapi secara umumnya muda mudi lebih tertarik kepada rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan. Itulah sebabnya bagi rancangan-rancangan muzik pop diberikan panduan-panduan dan bimbingan tertentu, baik daripada segi pakaian, rambut, gerak laku dan gaya yang dapat menimbulkan rasa disiplin sambil menikmati lagu-lagu kesukaan mereka sendiri. Kita tidak benarkan misalannya pakaian yang menjolok mata, lelaki-lelaki berambut panjang atau memakai subang ataupun gerak laku dan kata-kata yang amat menjolok. Sejauh ini semua kumpulan-kumpulan yang mengambil bahagian dalam rancangan pop ini telah pun mengikuti segala peraturan yang disediakan dan adalah

diharapkan cara pakaian yang kemas serta tingkah laku yang baik walaupun dalam penyampaian muzik pop akan dapat membendung pengaruh yang liar dari Barat.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir tahun ini RTM akan mengadakan satu pertandingan kumpulan-kumpulan muzik yang membawakan unsur-unsur baru dalam ciri muzik negara bukan sahaja daripada segi gubahan lagu tetapi juga mengambil kira dari segi pakaian, tutur kata dan gerak laku yang lebih sesuai supaya pertandingan seumpama ini akan dapat menimbulkan identiti muzik Malaysia khusus bagi kesukaan muda mudi.

Secara tidak langsung dan secara beransur-ansur akan lahir nilai-nilai yang dapat diterima oleh golongan-golongan muda dengan bimbingan yang sewajarnya. Dengan demikian di samping rancangan-rancangan lain yang secara asasnya disiarkan bagi membentuk keperibadian bangsa dan pembangunan negara melalui rancangan-rancangan seumpama ini anak-anak muda kita tidaklah diketepikan langsung dalam mencapai cita-cita nasional. Hiburan kingsway misalnya telah mula berhasil dalam mengemukakan kumpulan-kumpulan muzik yang berdisiplin. Lebih tertib daripada segi rambut, pakaian, gerak geri, bentuk muzik dan dapat mengembangkan nilai-nilai yang baik sesuai dengan desakan dan emosi muda mudi yang mana kalau tidak dibimbing akan terus dipengaruhi secara liar dan mendadak oleh pengaruh muzik dan budaya video masa kini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa RTM juga menyiarkan lagu-lagu patriotik berbentuk moden dan pop dalam usaha memupuk semangat cintakan bangsa dan tanahair. Di samping itu rancangan-rancangan tradisional terus disiarkan bagi menimbulkan imbalan yang dapat

saling membantu ke arah rancangan-rancangan budaya yang mencerminkan arus dan pembinaan budaya negara.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang penyiaran telah pun dikuatkuasakan pada tahun lalu tetapi masih ada beberapa masalah pelaksanaan yang belum selesai. Kementerian Penerangan akan melaksanakan sepenuhnya undang-undang ini pada bulan Jun tahun ini. Adalah diharapkan semua kehendak dan keperluan Akta Penyiaran terutamanya yang mengenai kandungan rancangan-rancangan yang disiarkan oleh badan-badan penyiaran sama ada penyiaran Kerajaan mahu pun swasta akan dapat dikuatkuasakan sepenuhnya. Sebuah Jawatankuasa Etika Penyiaran telah pun dibentuk dan panduan-panduan yang berkaitan dengan siaran rancangan-rancangan tempatan ataupun yang diimport termasuklah siaran iklan akan ditentukan untuk pelaksanaan sepenuhnya bagi menentukan semua bahan-bahan yang disiarkan tidak bertentangan dengan nilai-nilai dan budaya negara. Sebuah Penal Iklan telah juga ditubuhkan bagi memberi panduan-panduan yang mesti diikuti bagi menentukan supaya iklan-iklan mencerminkan masyarakat negara dan menghormati nilai-nilai kita bersama. Dengan adanya panduan-panduan melalui Jawatankuasa Etika Penyiaran dan Penal Iklan itu semua rancangan-rancangan yang disiarkan melalui televisyen kenalah mematuhi peraturan-peraturan yang disediakan selaras dengan semangat undang-undang penyiaran yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai siaran langsung ibadat haji, sukalah saya menjelaskan di sini bahawa iaitu sememangnya telah dirancang untuk RTM menyiarkan siaran langsung sembahyang Hari Raya Haji. Di samping itu juga RTM sedang berunding dengan pihak Kerajaan

Arab Saudi untuk mendapatkan bahan-bahan siaran televisyen yang berkaitan dengan ibadat haji. RTM akan menghantar juruulas dan beberapa orang pegawai lain untuk menentukan siaran yang berkaitan dengan ibadat haji dibuat melalui TV Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Arab Saudi.

Sebagai maklumat tambahan RTM juga akan membuat siaran langsung sembahyang Terawih pada malam 27 Ramadhan dari Mekah al-Mukarramah. Di samping itu kita juga akan menyiarkan pada malam berikutnya rakaman sembahyang Terawih daripada Masjid Anabawi di Madinah. Kira-kira seminggu sebelum itu RTM juga akan menyiarkan secara langsung sembahyang Maghrib daripada Masjidil Haram di Makkah iaitu kira-kira selepas tengah malam waktu Malaysia.

Seterusnya RTM akan merakamkan sembahyang Hari Raya Aidilfitri di kedua-dua masjid di Makkah dan di Madinah untuk disiarkan pada hari raya pertama dan kedua. Seperti tahun yang lepas diwaktu bulan Ramadhan, RTM pada tahun ini akan menyiarkan beberapa filem Arab dan rancangan dokumentari mengenai kegiatan rakyat dan negara-negara Islam yang lain dengan tujuan menimbulkan kesefahaman dan penyatuan di kalangan umat Islam di peringkat yang lebih luas iaitu peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pemakaian tudung bagi pembaca berita wanita di televisyen, apa yang penting bagi RTM ialah pakaian pembaca-pembaca yang berkenaan hendaklah kemas, bersopan, pakaian itu merupakan pakaian biasa rakyat dan tidak menimbulkan apa-apa fitnah yang boleh disalahfahamkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi Kementerian Penerangan mengucapkan banyak-banyak terima

kasih atas segala pandangan dan teguran yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perkara yang telah disebutkan tadi. Jadi, dengan itu sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

6.19 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh berucap sampai 6.30 ataupun berkehendakkan lebih masa daripada itu?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Cuba.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba, yang mana satu, hingga 6.30?

Tuan Abdul Raman bin Suliman: 6.30 petang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan di atas Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Yang Ketiga Parlimen Ketujuh dan memberi cadangan, pendapat serta teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah memberikan pandangan beliau yang panjang lebar mengenai kebudayaan kebangsaan. Si sini saya mengambil kesempatan untuk menjelaskan bahawa apabila kita bercakap tentang kebudayaan secara langsung kita menyentuh keseluruhan cara hidup merangkumi aspek ekonomi, politik

dan sosial sama ada secara lahiriah atau batiniah. Hal ini sebenarnya banyak kali disentuh dan diucapkan dalam Parlimen yang mulia ini. Kebudayaan Malaysia adalah kebudayaan yang unik dan berbeza dengan kebudayaan Indonesia dan lain-lain negara. Rakyat Malaysia yang berbagai keturunan, adat resam hidup dalam keharmonian menjalani kehidupan, kebudayaan yang beragam tetapi di bawah lingkungan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang sama.

Sistem sosio-politik dan pemerintahan yang jelas melambangkan keperibadian Malaysia. Sistem ekonomi bebas yang diamalkan dan sistem politik negara ini jelas memperlihatkan demokrasi dan persefahaman antara rakyat Malaysia dan kesemua ini menyumbang kepada pembinaan kebudayaan kebangsaan dan sebuah bangsa Malaysia di sebuah negara kebangsaan atau dengan izin, nation state.

Keperluan membina kebudayaan kebangsaan penting bagi sebuah negara yang sedang membangun yang rakyatnya terdiri dari berbagai kaum dan keturunan serta latar belakang kehidupan budaya yang berbeza. Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal, diterima oleh Kerajaan dan dilaksanakan berasaskan kepada ketetapan Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971. Matlamat kebudayaan kebangsaan ini adalah untuk mengukuhkan perpaduan negara dengan meletakkan titik-titik pertemuan dan persamaan nilai-nilai sosio-budaya di kalangan rakyat. Selain dari itu, matlamatnya juga adalah untuk mengukuhkan identiti negara dan meningkatkan tahap kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosio-ekonomi. Dengan kata lain, dasar ini dapat menjadi garis panduan dalam membentuk serta mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu ke arah mewujudkan dan

mengekalkan identiti negara di kalangan lain-lain negara di dunia dan kehidupan kemanusiaan.

Pembangunan kebudayaan harus dilihat seiring dengan pembangunan ekonomi supaya pembinaan bangsa menjadi seimbang dengan nilai-nilai kerohanian. Sebuah kebudayaan kebangsaan bagi sebuah negara mampu mengelakkan dari kesan-kesan negatif pengaruh-pengaruh kebudayaan asing yang tidak terkawal dan tidak sesuai. Kebanyakan orang keliru tentang kebudayaan kebangsaan adalah kerana sempitnya fahaman dengan membuat tafsiran yang sempit dan bercorak kelompok, bukannya bersifat kebangsaan atau kenegaraan. Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah berdasarkan jelas sekali kepada tiga prinsip yang sudah cukup rasional iaitu:

- (i) Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteras-kan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini;
- (ii) unsur-unsur lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur-unsur kebudayaan kebangsaan; dan
- (iii) Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Ketiga-tiga prinsip ini jelas memperlihatkan kebudayaan kebangsaan itu dibuat dengan mempertimbangkan fakta perkembangan sejarah dan kedudukan negara kita dari segi geographynya yang strategik yang menjadi tempat penumpuan dan asimilasi unsur-unsur yang sesuai ke dalam kebudayaan asal rantau ini atau negara kita sendiri dari berbagai unsur-unsur kebudayaan dunia. Begitu juga pemupukan kebudayaan kebangsaan itu tidaklah mengabaikan sifat masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbagai kaum dan mewarisi berbagai adat dan budaya keturunannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah menyentuh mengenai peranan Kementerian ini di dalam memajukan Pulau Langkawi sempena "Tahun Melawat Malaysia 1990" dan Persidangan Komanwel. Sebenarnya Kementerian memang terlibat di dalam pembangunan Pulau Langkawi. Terdapat dua jawatankuasa yang bertanggungjawab di dalam meningkat pembangunan Pulau Langkawi di mana Kementerian menjadi ahli. Jawatankuasa ini ialah Jawatankuasa Pembangunan Pulau Langkawi dan Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan Pulau Langkawi. Pada masa ini Kementerian mengendalik projek Langkawi Island Resort dan projek pemasangan lampu-lampu di Pulau Langkawi. Di samping itu juga, Kementerian membantu di dalam memasarkan Pulau Langkawi sebagai salah satu destinasi pelancongan yang utama di Malaysia di dalam dan di luar negeri.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa usaha menarik pelancong tidak hanya dibebankan kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sahaja, sukalah saya nyatakan di sini bahawa usaha menarik pelancong ke negara ini pada masa sekarang selain yang dibuat oleh Kementerian juga dibuat oleh lain-lain Kementerian, Jabatan, agensi-agensi Kerajaan sama ada secara langsung dan tidak langsung. Di antara Kementerian atau Jabatan atau agensi yang memainkan peranan ini ialah seperti Kementerian Pengangkutan, Malaysia Airlines, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, Wisma Putra, Penguasa-penguasa Tempatan, Jabatan Pelajaran Malaysia di luar negeri, Kerajaan-kerajaan Negeri dan lain-lain lagi. Di samping itu, pihak swasta juga terlibat di dalam usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran yang

membina mengenai peranan yang dimainkan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Kesemua pandangan dan teguran ini akan diambil perhatian dan diberikan pertimbangan yang sewajar dalam merancang strategi dan program-program kebudayaan dan pelancongan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap dan masalah telah dicadangkan.

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang

zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketujuh”.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada 4 minit sahaja lagi. Sepatutnya kita masuk ke dalam perkara 2 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini, tetapi oleh sebab perkara yang akan kita bincangkan esok iaitu bersangkutan dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang berkehendakan selama satu hari. Baiklah saya minta Yang Berhormat Setiausaha, sila baca perkara yang nombor 2.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1988)

Bacaan Kali Yang Kedua

6.27 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah \$259,331,700 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1988. Sebenarnya, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1988 adalah berjumlah \$592,616,600.

Tetapi sebanyak \$259,331,700 sahaja diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini, kerana baki daripada jumlah peruntukan tersebut sebanyak \$333,284,900 adalah merupakan Perbelanjaan Tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Tambahan terbesar berjumlah \$119.4 juta adalah dikehendaki di bawah Maksud B.26 Kementerian Pendidikan untuk menampung bayaran emolumen disebabkan pertambahan jawatan guru dan jawatan sokongan di sekolah-sekolah dan asrama, serta pengisian kekosongan jawatan dan di samping itu untuk melaksanakan beberapa

aktiviti baru iaitu Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), kenaikan taraf Maktab Perguruan Sultan Idris kepada Institut Pendidikan Sultan Idris dan Pusat Matrikulasi Kuala Pilah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.